



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
جامعة العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA




LAPORAN TAHUNAN
ANNUAL REPORT
2008

Kandungan

Contents

Muka Surat Page		Muka Surat Page	
Rasional Logo <i>Rationale of the Logo</i>			
Canselor <i>Chancellor</i>			
Profil Universiti <i>University Profile</i>			
Lembaga Pengarah Universiti <i>Universiti Board of Directors</i>			
Pengurusan Universiti <i>University Management</i>			
Carta Organisasi <i>Organization Chart</i>			
Dekan <i>Deans</i>			
Laporan Naib Canselor <i>Vice Chancellor's Report</i>			
Hal Ehwal Akademik <i>Academic Affairs</i>			
Hal Ehwal Korporat <i>Corporate Affairs</i>			
Pengurusan dan Pembangunan			
Sumber Manusia <i>Management and Development of Human Resources</i>			
Hal Ehwal Pelajar <i>Student Affairs</i>			
Fakulti, Pusat & Unit <i>Faculty, Centre & Unit</i>			
- Fakulti Pengajian Quran & Sunnah <i>Faculty of Quranic and Sunnah Studies</i>			
- Fakulti Syariah dan Undang-Undang <i>Faculty of Syariah and Law</i>			
- Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan <i>Faculty of Leadership and Management</i>			
- Fakulti Ekonomi dan Muamalat <i>Faculty of Economics and Muamalat</i>			
- Fakulti Sains & Teknologi <i>Faculty of Science & Technology</i>			
Fakulti, Pusat & Unit <i>Faculty, Centre & Unit</i>	4	Fakulti, Pusat & Unit <i>Faculty, Centre & Unit</i>	
- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan <i>Faculty of Medicine and Health Science</i>	6	Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan <i>Faculty of Medicine and Health Science</i>	86
- Fakulti Bahasa Utama <i>Faculty of Major Languages</i>	8	Fakulti Bahasa Utama <i>Faculty of Major Languages</i>	92
- Fakulti Pergigian <i>Faculty of Dentistry</i>	10	Fakulti Pergigian <i>Faculty of Dentistry</i>	96
- Pusat Tamhidi <i>Tmhidi Centre</i>	12	Pusat Tamhidi <i>Tmhidi Centre</i>	100
- Pusat Pengajian Siswazah <i>Centre for Graduate Studies</i>	14	Pusat Pengajian Siswazah <i>Centre for Graduate Studies</i>	104
- Pusat Pengajian Umum <i>Centre for General Studies</i>	16	Pusat Pengajian Umum <i>Centre for General Studies</i>	110
- Pusat Ko-Kurikulum <i>Co-Curriculum Centre</i>	18	Pusat Ko-Kurikulum <i>Co-Curriculum Centre</i>	114
Pusat Pengurusan Persidangan <i>Centre for Conference Management</i>	22	Pusat Pengurusan Persidangan <i>Centre for Conference Management</i>	118
Pusat Kecemerlangan <i>Centre of Excellence</i>	30	Pusat Kecemerlangan <i>Centre of Excellence</i>	126
Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)	42	Institut Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa Sedunia (INFAD)	127
World Fatwa Management and Research Institute			
Institut Pengurusan Kewangan Islam			
Islamic Finance Wealth Management Institute (IFWMI)			
Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat <i>Centre of Knowledge Management and Information Technology</i>	54	Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat <i>Centre of Knowledge Management and Information Technology</i>	132
Unit Penerbitan <i>Publication Unit</i>	58	Unit Penerbitan <i>Publication Unit</i>	134
Perpustakaan <i>Library</i>	62	Perpustakaan <i>Library</i>	136
Kemudahan <i>Facilities</i>	66	Kemudahan <i>Facilities</i>	140
Laporan Kewangan <i>Financial Report (audited)</i>	74	Laporan Kewangan <i>Financial Report (audited)</i>	146
Sijil Ketua Audit Negara <i>Sijil Ketua Audit Negara</i>	80	Sijil Ketua Audit Negara <i>Sijil Ketua Audit Negara</i>	150
		Sijil Ketua Audit Negara <i>Sijil Ketua Audit Negara</i>	156



RASIONAL LOGO

RATIONALE OF THE LOGO



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA

جامعة العلوم الإسلامية الماليزية

ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA

Secara keseluruhan logo ini menunjukkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai institusi pengajian tinggi Islam yang membawa bersama dasar-dasar Islam dalam menyampaikan ilmu kepada penuntut-penuntutnya.

The overall logo portrays the Islamic Science University of Malaysia as an Islamic Institution of higher learning which includes Islamic virtues in delivering knowledge to students.



Kubah

Kubah yang terletak di tengah-tengah logo melambangkan sebuah institusi Islam yang berdaulat dalam penyampaian ilmu-ilmu Islam

Dome

The dome, located in the middle of the logo, represents the University as a respectable Islamic institution in delivering Islamic knowledge



Litar

Litar yang bersebelahan tulisan USIM pula bermaksud Sains dan Teknologi yang membawa bersama dalam penyampaian ilmunya

Circuit

The circuit, which is next to the word USIM indicates science and technology that is incorporated in delivering knowledge.



Rehal

Tulisan USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) diringkaskan dan dibentuk menjadi sebuah rehal yang membawa maksud landasan atau pelantar. Pelantar atau landasan itu melambangkan Universiti Sains Islam Malaysia sebagai wadah penyampaian ilmu kepada pelajar-pelajarnya.

Rehal

The word USIM (Universiti Sains Islam Malaysia) is summarised and formed to be a rehal, which indicates the platform which also symbolizes USIM as the means of knowledge delivered to its students.



Arabes

Kelima-lima motif Arabes yang terletak di bawah kubah, setiap satunya membawa maksud satu rukun Islam

Arabes

The five Arabes motives which are located below the dome represent the five pillars of Islam



TUANKU CANSELOR

**YANG MAHA MULIA TUNKU NAJIHAH BINTI
AL-MARHUM TUNKU BESAR BURHANUDDIN**
D.K., D.M.N., D.K. (KEDAH), D.K. (KELANTAN) S.P.T.J., S.P.M.K.





PROFIL UNIVERSITI

UNIVERSITY PROFILE

Moto / Motto

Berilmu, Berdisiplin dan Bertaqwa
Knowledgeable, Disciplined and Devout

Falsafah / Philosophy

Panduan antara ilmu Naqli dan Akli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu.

The intergration of naqli knowledge and akli together with character of good deed will be the main platform to mould an excellent generation and knowledge society.

Wawasan / Vision

Memartabatkan kecemerlangan ilmu dan insani.
Creating academic excellence and an ummah.

Misi / Mission

Bertekad menjadi sebuah institusi terkehadapan berteraskan pengajian Islam bagi menyelesaikan isu-isu masyarakat dan Islam.

Aims to be a leading center of Islamic studies that utilizes advanced approaches in the era of ICT to explore issues for the well-being and harmony of the society and Islam.

Objektif / Objectives

1. Memartabatkan pendidikan Islam serta membawanya ke dalam arus perdana pendidikan Negara.
To cultivate and uphold the Islamic principles, civilization and culture into the Mainstream of national education.
2. Membina keseaduan antara teori dan amali dalam diri setiap siswazah yang dikeluarkan.
To enable student to establish and integration between Islamic theories and practices.
3. Melahirkan ilmuan berpendidikan sepadu yang mampu memimpin masyarakat majmuk untuk menerajui pembangunan Negara.
To produce brilliant Muslim leaders who are highly competent to lead and govern the nation in a global society and environment.
4. Meneroka dan mengembalikan tradisi keilmuan Islam yang terbilang sesuai dengan persekitaran dan teknologi terkini.
To explore the various Islamic principles and disciplines consistent with the modern environment and technologies; and
5. Membekalkan modal insan yang kukuh dengan penghayatan nilai Islam yang mampu memberi sumbangan kepada masyarakat, Negara dan dunia sejagat.
To provide a strong human capital with assimilation of Islamic values that would contribute to the society, nation and the world as a whole.

Dasar Kualiti / Quality Policy

USIM bertekad dan beriltizam untuk menjadi sebuah Institusi Pengajian Tinggi Awam bertaraf antarabangsa yang berteraskan pengajian Islam dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti dan berusaha untuk meningkatkan amalan ini secara berterusan dalam:

USIM strives to become a leading public institution of higher education of international standards based on Islamic teachings by integrating Quality Management System and continuous improvement of standard in:

- Memberikan perkhidmatan yang bertepatan dengan kehendak pelanggan dan pemegang Universiti.
Providing efficient service in accordance to the needs of the clients and university's stakeholders.
- Menyediakan pendidikan dan sistem pengurusan yang cekap dan berkualiti kearah pemartabatan pendidikan Islam yang relevan kepada kehendak sejagat.
Furnishing high quality education and administrative system by nurturing Islamic values relevant to the needs of mankind and civilization.
- Menggunakan amalan terbaik untuk melahirkan ilmuwan Islam yang berpendidikan sepadu dan modal insan yang menghayati moto.
Using the best available means to produce Muslim intellectuals who are holistic and of high asset that appreciates the motto.

Objektif Kualiti / Quality Objectives

1. Memberikan perkhidmatan berkualiti yang memuaskan dan lazimnya melebihi kehendak dan harapan pelanggan USIM.
To provide high quality and satisfying that exceeds then expected standards of the clients.
2. Mewujud dan mengekalkan satu persekitaran kerja berpasukan antara kakitangan dan pelanggan secara profesional.
To create and sustain a conducive environment that promotes professional teamwork between the staff and clients.
3. Berada di bawah sasaran peruntukan bajet yang ditetapkan dalam semua komponen dengan menggunakan secara optimum.
To stand below the emitted budget in every component and to optimize and available means.



LEMBAGA PENGARAH
UNIVERSITI

UNIVERSITY BOARD OF
DIRECTORS



Pengerusi Lembaga Pengarah USIM
Chairman of USIM Board of Directors

Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof b. Hj. Md Noor

**Ahli-Ahli
Members**



Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin



Y.Bhg. Dato' Syed Amin Al-Jeffri



Y.Bhg. Dato' Mohd Dahan Abd Latiff



Y.Bhg. Dato' Dr. Wan Hashim Wan Teh



Y.Bhg. Dato' Ishak Sahari




Tuan Hj. Omar Abdul Rahman



Tuan Hj. Syed Azmi Syed Hamid



SETIAUSAHA
Secretary
Tuan Hj. Addenan
Hj. Abd. Rahman



PENGURUSAN UNIVERSITI
UNIVERSITY MANAGEMENT



Naib Canselor USIM

Vice Chancellor of USIM

Y.Bhg. Prof Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin



**TIMBALAN NAIB CANSELOR
(AKADEMIK & ANTARABANGSA)**
*Deputy Vice Chancellor
(Academic & International Affairs)*
Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Muhamad Muda



**TIMBALAN NAIB CANSELOR
(HEP & ALUMNI)**
*Deputy Vice Chancellor
(Student Affairs & Alumni)*
Y.Bhg Prof. Dato' Dr. Muhammed Asin Dollah



KETUA PUSTAKAWAN
Chief Librarian
Encik Jasmin Jaimon



PENDAFTAR
Registrar
Tuan Hj Addenan Hj.
Abd. Rahman



**Bendahari
Bursar**
Pn Hajjah Rohani Abu



**PENGARAH UNIT
PEMBANGUNAN**
Director of Development Unit
Ir. Daim Saian



CARTA ORGANISASI

ORGANIZATION CHART

CARTA STRUKTUR ORGANISASI
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA



UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA
 جامعه العلوم الإسلامية الماليزية
ISLAMIC SCIENCE UNIVERSITY OF MALAYSIA





DEKAN
DEANS

Dekan Deans



DEKAN FAKULTI PERUBATAN & SAINS KESIHATAN
Dean of Faculty of Medicines and Health Sciences

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Nik Mohd Nasri Nik Ismail



DEKAN FAKULTI PERGIGIAN
Dean of Faculty Dentistry

Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Wan Mohammad Nasir Wan Othman



DEKAN FAKULTI SAINS & TEKNOLOGI
Dean of Faculty of Science & Technology

Y.Bhg Prof. Dr. Jalani Sukaimi



DEKAN FAKULTI KEPIMPINAN & PENGURUSAN
Dean of Faculty of Leadership & Management

Y.Bhg Prof. Datin Sri Dr. Hajah Mizan Adiliah Ahmad Ibrahim



DEKAN FAKULTI SYARIAH & UNDANG UNDANG
Dean of Faculty of Syariah & Law

Y.Bhg Prof. Dr. Abdul Samat Musa



DEKAN FAKULTI EKONOMI & MUAMALAT
Dean of Faculty of Economics & Muamalat

Y.Bhg. Prof. Dr. Hj Mustafa Mohd Hanefah



DEKAN PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH
Dean of Centre For Graduate Studies

Y.Bhg Prof. Dr. Bachok M.Taib



DEKAN FAKULTI PENGAJIAN QURAN & SUNNAH
Dean of Faculty of Quranic and Sunnah Studies

Y.Bhg Dr. Adnan Mohamed Yusoff



DEKAN FAKULTI PENGAJIAN BAHASA UTAMA
Dean of Faculty of Major Languages

Y.Bhg Dr. Rosni Samah



LAPORAN NAIB CANSELOR
VICE CHANCELLOR'S REPORT

Transisi daripada Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) mencipta peluang bagi Universiti ini terus melakar sejarah di susuran kedamaian Bandar Baru Nilai sebagai sebuah universiti yang mapan dengan penghayatan nilai-nilai Islam lantas mampu memberi sumbangan kepada masyarakat setempat, negara dan sejagat. Pada tahun ini genaplah 8 tahun penubuhan USIM. Sejarah terus terpahat dengan penyempurnaan sambutan Majlis Perasmian Kampus USIM yang dirasmikan oleh Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana Menteri Malaysia pada 25 November 2008.

Dalam mengorak langkah mendepani cabaran era globalisasi yang mempengaruhi daya saing USIM, rancangan strategik telah digubal dan dilaksanakan bagi mengukuhkan Universiti ini di peringkat nasional dan global. Bagi menghadapi era pendidikan yang kian kompleks ini, Buku Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008-2020 direalisasikan sebagai panduan perancangan dan rangka strategik sejajar menjayakan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN).

Selaras dengan strategi menambah baik kualiti pengajaran dan pembelajaran, USIM kini telah mencapai beberapa tahap jaminan kualiti serta mendapat pengiktirafan badan profesional dan industri. Sehingga tahun semasa, sejumlah 8 (lapan) program di USIM telah diiktiraf oleh Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi tujuan pelantikan dalam perkhidmatan awam sebagaimana ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan. Program-program tersebut adalah program Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian, Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian, Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian, Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian, Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian, Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian, Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan) dan Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam).

Pembangunan holistik mahasiswa diperkaskan sepanjang tahun melalui pelaksanaan 175 program peringkat nasional dan antarabangsa seperti Budaya Kasih Serumpun II Indonesia, Pertandingan Debat Universiti-universiti ASEAN, dan Pertandingan Debat Bahasa Arab Antara Sekolah Menengah Peringkat Kebangsaan. Kehadiran nama-nama besar dan masyhur negara ke program-program yang dianjurkan menyemarakkan lagi pembudayaan ilmu hatta membentuk keutuhan personaliti, intelek dan integriti pelajar Universiti ini.

In the serenity of Bandar Baru Nilai, the transition from Kolej Universiti Islam Malaysia (KUIM) to Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) brings in opportunities for the university to keep on creating histories as a university with sound knowledge and appreciation of Islamic values that contributes locally, nationally, and globally. It has been eight years since USIM was formed and one more history was made with the USIM's officiating ceremony by Y.A.B. Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Malaysia's Prime Minister, on the 25th of November 2008.

In the move to face the challenges in this era of globalisation that influence USIM's competitiveness, strategic plans have been enacted and implemented to strengthen the university at both national and global levels. In dealing with the increasingly complex teaching and learning era, the Book of Direction (Buku Hala Tuju) and the 2008-2020 USIM Strategic Plans (Rancangan Strategik USIM 2008-2020) were realised as a planning guideline and a strategic outline to achieve the National Higher Learning Strategic Plan (PSPTN).

In parallel to the strategies in enhancing the teaching and learning qualities, USIM has achieved some levels of quality assurance and recognitions from professional and industrial organisations. Until this year, a total of 8 (eight) programmes in USIM are recognised by the Malaysian Qualifications Agency (MQA) and the Public Service Department (JPA) for the purpose of appointment in the civil services as stated in the services schemes. The programmes are Bachelor Degree in Da'wah and Islamic Management (Hons.), Bachelor Degree in Quranic and Sunnah Studies (Hons.), Bachelor Degree in Muamalat Administration (Hons.), Bachelor Degree in Syariah and Judiciary (Hons.), Bachelor Degree in Counselling (Hons.), Bachelor Degree in Communication (Hons.), Bachelor Degree in Science majoring in Food Biotechnology (Hons.), and Diploma in Education (Islamic Education).

The students' holistic development is strengthened throughout the year by implementing 175 programmes at both national and international levels such as the Budaya Kasih Serumpun II Indonesia, ASEAN Inter-Universities Arabic Debates, and Inter-High Schools Arabic Debates at national level. The presence of Malaysia's prominent reputable scholars and personalities in the programmes have ignited the scholastic culture of the university, simultaneously have shaped students' strong personality, intellect and integrity.

Pengantarabangsaan terus dipergiatkan pada sesi kemasukan pelajar Sarjana Muda pada Julai 2008. Seramai 12 orang pelajar antarabangsa telah mendaftar masuk antara 27 Jun 2008 sehingga 22 Julai 2008 termasuk 4 orang untuk program pertukaran pelajar dari XISU, China (Xi'an International Studies University). Dalam pada itu, Pusat Pengajian Siswazah (PPS) USIM juga giat meningkatkan bilangan pelajar pasca-siswazah selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan bilangan pelajar pasca-siswazah menjelang 2015. Jumlah keseluruhan pelajar siswazah (pelajar aktif) antarabangsa di USIM sehingga 31 Disember 2008 adalah seramai 47 orang yang masing-masing berasal dari negara Mesir, Sudan, Yemen, Libya, Burkina Faso dan lain-lain negara.

Tambahan, pelaksanaan Perjanjian dan Memorandum Persefahaman (MoU) berjaya diperluaskan ke beberapa institusi pengajian tinggi negara Timur Tengah (JUST, Zarqa, Al al Bayt, Tafila, Raja Hussein, Hashimite, Al Azhar, Iskandariah, Mansoura), China (Xi'an, CATA) dan Maldives (Kulliya) untuk meluaskan jaringan rakan benua. Dalam meningkatkan bilangan dan kualiti tenaga pengajar luar negara pula, satu sesi temuduga khas diadakan di Mesir pada 28 Jun 2008. Seramai 17 orang calon telah diperakuan dan dipanggil mengisi kekosongan pelbagai jawatan akademik di USIM.

Melalui penawaran pelbagai program pengajian yang komprehensif, pengajuran aktiviti yang kompetitif, kegigihan kakitangan yang kian kukuh dan kecemerlangan pelajar yang semakin terserlah, USIM berjaya mendapat pelbagai pengiktirafan dan anugerah peringkat nasional dan antarabangsa seperti di Brussels-INNOVA Research Exhibition 2008 (2 emas, 1 perak, 3 gangsa), British Invention Show, London 2008 (2 emas, 2 perak) dan National Research and Innovation Competition 2008 kategori Life & Fundamental Sciences (1 emas dan 1 perak). Seorang tenaga pengajar USIM juga berjaya disenarai pendek antara 3 saintis muda mewakili Malaysia ke Nobel Prize Winners with Young Scientists: 58th Meeting of Nobel Laureates (Dedicated to Physics) German 2008. Selain itu hasil daripada kreativiti dan usaha jitu pasukan Pusat Pengurusan Ilmu dan Teknologi Maklumat (PPITM), USIM berjaya mengungguli kejuaraan pertandingan laman web kategori Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) 2008.

Internationalisation was vigorously implemented on the enrolment session of Bachelor Degree students in July, 2008. A total of twelve international students had enrolled from June 27 to July 22, 2008, including four students of exchange programme from XISU, China (Xi'an International Studies University). At the same time, the Postgraduate Centre (PPS) USIM was also actively raising the number of postgraduate students parallel to the Government's aspiration to raise the number of postgraduates by 2015. Up to December 31, 2008, the total number of international students (active students) in USIM is 47 which include those from Egypt, Sudan, Yemen, Libya, Burkina Faso and other countries.

In addition, the implementation of Agreement and Memorandum of Understanding (MoU) was successfully sealed with several higher learning institutions in the Middle East (JUST, Zarqa, Al al Bayt, Tafila, King Hussein, Hashimite, Al Azhar, Iskandariah, Mansoura), China (Xi'an, CATA) and Maldives (Kulliya) in order to widen the intercontinental network. In increasing the number and quality of international teaching staff, a special interview was conducted in Egypt on June 28, 2008. A total of 17 candidates were confirmed and were called to fill in the vacancies in various academic positions in USIM.

With the variety yet comprehensive study programmes offered, competitive activities organised, hardworking staff, and excellent students, USIM has achieved various recognition and awards at national and international levels such as in Brussels-INNOVA Research Exhibition 2008 (2 golds, 1 silver, 3 bronzes), British Invention Show, London 2008 (2 golds, 2 silvers) and National Research and Innovation Competition 2008 under the category Life & Fundamental Sciences (1 gold and 1 silver). One of the academic staff was also successfully shortlisted among three young scientists to represent Malaysia at the Nobel Prize Winners with Young Scientists: 58th Meeting of Nobel Laureates (Dedicated to Physics) German 2008. Furthermore, USIM has successfully excelled at first place in the Website Competition 2008 (Public Higher Learning Institution Category) through the creativity and relentless effort of the PPITM team.

Seiring dengan pembangunan Pusat-pusat Kecemerlangan (COE), kajian dan penyelidikan (R&D) USIM terus berkembang di bawah Pusat Pengurusan Penyelidikan (PPP). Sebanyak 28 penyelidikan fundamental termasuk 7 penyelidikan di bawah Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) dan 10 penyelidikan pantas telah diluluskan. Sehingga 31 Disember 2008 sebanyak 96 penyelidikan fundamental dan 33 penyelidikan pantas telah dijalankan termasuk penyelidikan yang dilaksanakan dengan kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) dan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM).

USIM juga berjaya melaksanakan projek-projek pembangunan RMKe-9 dengan lancar, hasil dari proses tender yang telah dilaksanakan. Sebahagian besar projek yang telah berjaya disiapkan ialah Dataran Selera, Pusat Komersil, bangunan Hal Ehwal Pelajar (HEP), 40 unit Rumah Kakitangan Penting (RKP), Bengkel Bangunan, Lanskap dan Perpustakaan.

Pencapaian yang dikecapi sepanjang tahun 2008 amat membanggakan dan sebagai Naib Canselor, saya akan terus melaksanakan amanah negara ini untuk merealisasikan USIM sebagai institusi pengajian tinggi terbilang suatu hari nanti sepetimana orang mengingati dan menyanjungi Al-Azhar, Oxford dan Cambridge kerana bagi saya tiada noktah dalam merencana kejayaan. Semoga seluruh warga USIM akan terus mempertingkatkan kualiti masing-masing dalam menjayakan pembangunan Universiti ini ke arah kejayaan dan lebih maju serta berdaya saing.

Akhir kata, saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak terutamanya kepada seluruh warga USIM, Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti, Ahli-ahli Senat, Pegawai-pegawai Kanan, Kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pengajian Tinggi serta mahasiswa di atas usaha gigih dan sokongan padu kepada USIM sepanjang tahun 2008 ini.

Yang benar,

PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN
Naib Canselor

Together with the development of Centres of Excellence, USIM's research and development has continuously thrived under the Research Management Centre (PPP). 28 fundamental researches including seven researches under the Fundamental Research Grant Scheme and ten short researches were approved. Up to December 31, 2008, a total of 96 fundamental researches and 33 short researches were conducted. These include the studies conducted with the National Anti-Dadah Agency (AADK), Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) and the Ministry of Education (KPM).

USIM has smoothly executed the development projects under the 9th Malaysia Plan, resulted from the tender process that was completed. Part of the major projects that were successfully developed are the Dataran Selera, Commercial Centre, Students Affairs Building (HEP), Critical Staff Residences (RKP) (40 units), Workshop Buildings, landscapes, and the library.

I am extremely proud with the achievements throughout 2008 and as the Vice Chancellor, I will carry out the nation's trust on realising USIM as the renowned higher learning institution as equal to the esteemed Al-Azhar, Oxford and Cambridge, as for me there is no end in thriving for success. It is hoped that all staff of USIM will continuously improve the quality in their respective fields in achieving excellence and competitiveness of the university.

On a final note, I would like to express my upmost appreciation and gratitude to everyone, especially to all staff of USIM, the University Board of Directors, Members of the Senate, senior officers of the Malaysian Government via the Ministry of Higher Education, as well as the students, for the relentless efforts and supports to USIM throughout the year 2008.

Yours sincerely,

PROF. DATO' DR. ABDUL SHUKOR HJ. HUSIN
Vice Chancellor



HAL EHWAL AKADEMIK
ACADEMIC AFFAIRS

PENGAMBILAN PELAJAR DAN PROGRAM BARU PERINGKAT SARJANA MUDA

Bilangan pelajar pada Sesi Akademik 2008/2009 adalah seramai 4186 orang iaitu, 1311 orang Tahun Satu, 1261 bagi Tahun Dua, 955 bagi Tahun Tiga dan 659 orang bagi Tahun Empat. Daripada jumlah tersebut 3132 orang adalah pelajar perempuan manakala 1054 orang adalah pelajar lelaki.

Pengambilan calon-calon pelajar bagi kursus-kursus yang ditawarkan adalah dari kalangan lepasan-lepasan Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matrikulasi, Diploma dan pemohon-pemohon luar negara yang mempunyai kelayakan setaraf.

Pendaftaran pelajar baru bagi Pogram Ijazah Sarjana Muda telah diadakan pada 28 Jun 2008 bertempat di Stadium Tertutup Nilai. Seramai 1224 orang pelajar telah mendaftarkan diri pada hari tersebut. Bilangan pelajar USIM mengikut fakulti dan tahun pengajian adalah sebagaimana dalam Jadual 1.

STUDENTS INTAKE AND NEW BACHELOR DEGREE PROGRAMMES

The total number of students for the 2008/2009 academic session was 4186 with 1311 first year students, 1261 second year students, 955 third year and 659 in their fourth year. From the total figure, 3132 were female students whereas 1054 were male students.

Students who enrolled into the courses offered were students from Sijil Tinggi Persekolah Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM), Matriculation, Diploma and non-Malaysians applicants who possess equivalent qualifications.

The registration for the new Bachelor Degree Programmes was held on June 28, 2008 at the Nilai Indoor Stadium with a total of 1224 enrolments. The number of USIM students according to the faculties and year of studies are shown in Table 1.

Jadual 1 / Table 1:

Statistik bilangan pelajar peringkat ijazah pertama, Sesi Akademik 2008 / 2009

The Statistics on the number of enrolment for the Bachelors Degree Students 2008/2009 Academic Session

Program	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Jumlah Semasa
Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP)					
Da'wah dan Pengurusan Islam (QI07)	80	141	110	82	413
Komunikasi (QA02)	33	34	42	32	141
Kaunseling (QA19)	37	62	68	40	207
Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS)					
Pengajian Quran dan Sunnah (QI05)	138	141	155	86	520
Pengajian Quran dengan Multimedia (QI10)	43	57	58	39	197
Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat (QI11)	47	56	51	43	197
Fakulti Syariah dan Undang-Undang (FSU)					
Syariah dan Undang-Undang (QL04)	77	80	48	23	228
Fiqh dan Fatwa (QI08)	186	113	111	71	481
Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM)					
Pentadbiran Muamalat (QP21)	124	127	95	102	448
Perakaunan (QE02)	113	89	33		235
Pentadbiran Korporat dan Hubungan (QP49)	31				31
Pemasaran (Perkhidmatan Kewangan) (QE06)	25				25

Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU)

Bahasa Arab dan Komunikasi (QB05)	83	78	47	25	233
Pendidikan (Pendidikan Islam) (QT35)	16	65			81

Fakulti Sains dan Teknologi (FST)

Bioteknologi Makanan (QG07)	49	40	43	38	171
Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko (QS10)	31	36	23	27	117
Keselamatan dan Jaminan Maklumat (QC13)	20	25	14	20	79
Matematik Kewangan (QS43)	30	33	13		76
Fizik Gunaan (QG00)	14				14
Teknologi Kimia Industri (QS21)	26				26

Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK)

Perubatan dan Surgeri (QM00)	62	50	45	29	186
------------------------------	----	----	----	----	-----

Fakulti Pergigian (FPg)

Pembedahan Pergigian (QD00)	27	29			56
Jumlah	1292	1256	955	657	4162

PENGAMBILAN PELAJAR DAN PROGRAM BARU PERINGKAT TAMHIDI

Pusat Tamhidi USIM telah ditubuhkan pada tahun 2004 yang bertujuan untuk menyediakan pelajar bagi kemasukan ke program ijazah sarjana muda USIM dalam bidang-bidang tertentu. Calon bagi program ini adalah dari Lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang mendapat keputusan cemerlang.

Proses pengambilan calon ke program ini adalah menerusi Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia yang diproses dalam bulan Mei-Jun setiap tahun.

Tempoh masa pengajian program Tamhidi adalah satu (1) tahun, (2 semester) sahaja. Pendaftaran pelajar baru bagi Program Tamhidi telah diadakan pada 31 Mei 2008 di Dewan Kuliah Pusat (DKP) 3, USIM. Seramai 342 orang pelajar telah mendaftar diri pada hari berkenaan. Bilangan pelajar program ini pada Sesi Akademik 2008/2009 adalah sebagaimana Jadual 2.

Jadual 2 / Table 2:**Statistik Bilangan Pelajar Peringkat Tamhidi, Sesi Akademik 2008/2009**

The Statistics of enrolment for the Tamhidi Programmes 2008/2009

Program	Bilangan Pelajar
Tmhidi Perubatan / Medicine	54
Tmhidi Sains & Teknologi / Science & Technology	62
Tmhidi Syariah & Undang-Undang / Syariah & Law	94
Tmhidi Perakaunan & Muamalat / Accounts & Muamalat	101
Tmhidi Pergigian / Dentistry	27
Jumlah	338

STUDENTS INTAKE AND THE NEW TAMHIDI PROGRAMMES

The Tamhidi Centre was set up in 2004 to prepare students for their enrolment into their Bachelor Degree programmes in USIM. The candidates for this programme are SPM leavers who obtained excellent SPM results.

The process in selecting the candidates is through the Department of Higher Learning, Ministry of Higher Education, which is done in May to June annually.

The Tamhidi programme takes only one (1) year, (2 semesters) of duration. The registration for new intakes was held on May 31st 2008 in the Main Lecture Hall (DKP) 3, USIM. A total of 342 students registered. The number of students enrolled into this 2008/09 academic session is shown below in Table 2.

PERKULIAHAN DAN PENJADUALAN

Sesi perkuliahan pelajar Sarjana Muda Semester I, Sesi Akademik 2008/2009 (Kampus Nilai) telah bermula pada 07 Julai 2008. Manakala Semester II, Sesi Akademik 2008/2009 telah bermula pada 22 Disember 2008.

Bagi Kampus Cawangan Pandan Indah sesi perkuliahan Semester I, Sesi Akademik 2008/2009 telah bermula seperti ketetapan berikut:

- i. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian Tahun 1 - 07 Julai 2008
- ii. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian Tahun 2 - 09 Jun 2008
- iii. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 1- 07 Julai 2008
- iv. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 2- 30 Jun 2008
- v. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 3 - 09 Jun 2008
- vi. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 4 - 26 Mei 2008

Manakala, sesi perkuliahan bagi Semester II, Sesi Akademik 2008/2009 (Kampus Cawangan Pandan Indah) ditetapkan seperti berikut:

- i. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian Tahun 1 - 08 Disember 2008
- ii. Sarjana Muda Pembedahan Pergigian Tahun 2 - 03 November 2008
- iii. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 1 & 2- 08 Disember 2008
- iv. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 3 - 03 November 2008
- v. Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri Tahun 4 - 20 Oktober 2008

Tempoh waktu yang diperuntukkan untuk perkuliahan adalah dari jam 8.00 pagi hingga jam 7.00 petang (Isnin hingga Jumaat) kecuali bagi kursus-kursus yang melibatkan pensyarah sambilan di mana kuliah disusun mulai dari jam 8.00 malam hingga jam 10.00 malam (Isnin hingga Jumaat).

Dengan mengambil kira bilangan ruang dan kapasiti dewan kuliah, bilik kuliah dan bilik tutorial, pelajar telah dibahagikan kepada empat (4) kumpulan iaitu kuliah, tutorial, makmal dan ko-kurikulum untuk memudahkan penyusunan jadual waktu serta memaksimumkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.

LECTURES AND SCHEDULES

Lectures for Semester I Bachelor Degree students 2008/09 academic session (Nilai Campus) commenced on July 7, 2008. For Semester II students, lectures commenced on December 22, 2008.

For the Pandan Indah Campus, lectures for Semester I, 2008/2009 academic session commenced as stated below:

- i. Bachelor in Dental Surgery Year 1 - 07 July 2008
- ii. Bachelor in Dental Surgery Year 2 – 09 June 2008
- iii. Bachelor in Medicine and Surgery Year 1- 07 July 2008
- iv. Bachelor in Medicine and Surgery Year 2- 30 June 2008
- v. Bachelor in Medicine and Surgery Year 3 - 09 June 2008
- vi. Bachelor in Medicine and Surgery Year 4 - 26 May 2008

For Semester II, 2008/2009 academic session (Pandan Indah Campus) was scheduled as below:

- i. Bachelor in Dental Surgery Year 1 - 08 December 2008
- ii. Bachelor in Dental Surgery Year 2 - 03 November 2008
- iii. Bachelor in Medicine and Surgery Year 1 & 2- 08 December 2008
- iv. Bachelor in Medicine and Surgery Year 3 - 03 November 2008
- v. Bachelor in Medicine and Surgery Year 4 - 20 October 2008

The time allocated for lectures is from 8.00 a.m. to 7.00 p.m. (Monday to Friday) except for the courses involving part-time lecturers where lectures are rescheduled from 8.00 p.m. to 10.00 p.m. (Monday to Friday).

Taking into consideration on the space provided and capacity of lecture halls, lecture and tutorial rooms, students were divided into four (4) groups that are lectures, tutorials, labs and co-curriculum in order to ease the scheduling and to maximise an effective teaching and learning process.

Jadual 3/ Table 3:

Bilangan ruang dan kapasiti maksimum bagi tujuan pangajaran dan pembelajaran Sesi Akademik 2008/2009

Number of maximum space and capacity for the purpose of teaching and learning 2008/09 academic session

Keterangan	Bil. ruang disediakan	Kapasiti Maksimum	Lokasi
Dewan Kuliah Pusat	4	500	
Dewan Kuliah Fakulti	3	224	1(FKP) 2 (FSU)
Dewan Kuliah Sederhana	12	126 (FKP) 132(FSU)	6 (FKP) 6 (FSU)
Dewan Tayangan	1	224	FKP
Bilik Kuliah Sederhana	22	40	5 (FKP) 5(FSU) 12 (PK)
Bilik Tutorial	53	30 (FSU/FKP) 25 (PK)	28 (FSU) 16 (FKP) 9(PK)
Makmal Komputer	5	50	2(FST) 3(FSU)
Makmal Bahasa	8	25	2(FST) 4(FSU) 2(FKP)
Makmal Komunikasi	1	35	FKP
Makmal Kaunseling - 8 Bilik Kawalan	12	-	FKP
Makmal Multimedia	1	11	FKP
Makmal Kewartawanan	1	30	FKP
Bilik Penyuntingan	2	-	FKP
Studio Radio o 1 Bilik Konti o 1 Bilik Rakaman o 1 Bilik Kawalan	1	-	FKP
Studio TV - 1 Bilik Kawalan	1	-	FKP
Makmal Pengaturcaraan	2	26	FST
Makmal Pelbagaiguna	8	64	FST
Makmal Pelaburan	1	30	FEM
Mahkamah Mut	1	50	FSU

JAMINAN KUALITI

Pihak Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) telah memaklumkan kepada semua IPT akan keperluan menyediakan dokumen Portfolio Penilaian Kendiri (MQA-03) berpandukan Code of Practice for Institutional Audit (COPIA) melalui surat bertarikh 3 November 2008.

QUALITY ASSURANCE

The Malaysia Qualification Agency (MQA) has informed all Institutions of Higher Learning on the needs in preparing Self Assessment Portfolio documents (MQA-03) based on Code of Practice for Institutional Audit (COPIA) through a letter dated November 3rd 2008.

Sehubungan dengan itu, Pihak USIM telah menjemput pihak MQA melalui surat bertarikh 6 November, 2008 bagi mengadakan taklimat sempena Audit Program dan Audit Prestasi Akademik memandangkan audit ini merupakan kali pertama dijalankan serta melibatkan semua IPT.

PENGITRAFAN PROGRAM

Sejumlah 8 (lapan) program di USIM telah diiktiraf oleh Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tujuan perlantikan dalam Perkhidmatan Awam (JPA) sebagaimana ditetapkan dalam skim-skim perkhidmatan sebagaimana berikut :

- i. Sarjana Muda Da'wah dan Pengurusan Islam dengan Kepujian;
- ii. Sarjana Muda Pengajian Quran dan Sunnah dengan Kepujian;
- iii. Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat dengan Kepujian;
- iv. Sarjana Muda Syariah dan Kehakiman dengan Kepujian;
- v. Sarjana Muda Kaunseling dengan Kepujian;
- vi. Sarjana Muda Komunikasi dengan Kepujian;
- vii. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Bioteknologi Makanan);
- viii. Diploma Pendidikan (Pendidikan Islam).

Sehingga Disember, 2008, sejumlah 6 program telah dikemukakan kepada JPA bagi tujuan permohonan pengiktirafan sebagaimana berikut :

- i. Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi dengan Kepujian;
- ii. Sarjana Muda Pengajian Quran dengan Multimedia dengan Kepujian;
- iii. Sarjana Muda Pengajian Sunnah dengan Pengurusan Maklumat dengan Kepujian;
- iv. Sarjana Muda Sains dengan Kepujian (Sains Aktuari dan Pengurusan Risiko);
- v. Sarjana Muda Sains Komputer dengan Kepujian (Keselamatan dan Jaminan Maklumat);
- vi. Diploma Amalan Kehakiman dan Guaman Syarie (DIJAP).

Therefore, USIM had invited the MQA through a letter dated November 6, 2008 to give a talk on the Programme Audit and the Academic Performance Audit as these audits were carried out for the first time that involved all institutions of higher learning.

RECOGNITION OF PROGRAMMES

A total of 8 (eight) programmes in USIM have been recognised by the JPA for the purpose of appointment in civil services as stipulated in the employment schemes. The programmes are:

- i. Bachelor in Da'wah and Islamic Management (Hons.);
- ii. Bachelor in Quranic and Sunnah Studies (Hons.);
- iii. Bachelor in Muamalat Administration (Hons.);
- iv. Bachelor in Syariah and Judiciary (Hons.);
- v. Bachelor in Counselling (Hons.);
- vi. Bachelor in Communication (Hons.);
- vii. Bachelor in Science (Hons.) (Food Biotechnology);
- viii. Diploma in Education (Islamic Studies).

Until December 2008, a total of 6 programmes have been submitted to the JPA for recognition. The programmes are:

- i. Bachelor in Arabic and Communication (Hons.);
- ii. Bachelor in Quranic Studies with Multimedia (Hons.);
- iii. Bachelor in Sunnah Studies with Information Management (Hons.);
- iv. Bachelor in Science (Hons.) (Actuary Science and Risk Management);
- v. Bachelor in Computer Science (Hons.) (Security and Information Assurance);
- vi. Diploma in Judiciary Practice and Syarie Advocacy (DIJAP).

ANTARABANGSA**Pengambilan Pelajar Antarabangsa Untuk Program Sarjana Muda Kemasukan Julai 2008**

Untuk Sesi Kemasukan Pelajar Sarjana Muda Julai 2008, seramai 12 orang pelajar antarabangsa telah mendaftar masuk antara 27 Jun 2008 sehingga 22 Julai 2008 termasuk 4 orang untuk program pertukaran pelajar dari XISU, China (Xian International Studies University) bagi Sesi Kemasukan Tahun 2008. Statistik adalah seperti yang disertakan di bawah:

Bil	Negara	Jumlah	Jantina		Fakulti				
			Lelaki	Perempuan	FEM	FPQS	FST	FPBU	FSU
1.	China	7 org	4	3	7	-	-	-	-
2.	Nigeria	2 org	2	-	-	-	-	1	1
3.	Indonesia	1 org	1	-	-	-	1	-	-
4.	Iraq	1 org	1	-	-	1	-	-	-
5.	Thailand	1 org	-	1	1	-	-	-	-
Jumlah		12	8	4	8	1	1	1	1

4 orang untuk program pertukaran pelajar kini menuntut Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi di Fakulti Pengajian Bahasa Utama.

PROMOSI

USIM telah turut serta dalam Program Pendidikan KPT Bersama Rakyat Tahun 2008 Anjuran Kementerian Pengajian Tinggi dengan Kerjasama Kementerian Pelajaran Malaysia.

Program Pendidikan KPT Bersama Rakyat ini dilaksanakan di 7 buah Zon di seluruh negara seperti jadual berikut:

Zon	Lokasi	Tarikh
Zon 1	KL Sentral, Kuala Lumpur	1 - 3 Februari 2008
Zon 2	Hotel Syuen, Ipoh, Perak	15 - 17 Februari 2008
Zon 3	Terengganu Trade Centre, K. Terengganu	23 - 24 Februari 2008
Zon 4	The Spring Shopping Mall, Kuching Sarawak	1 - 2 Mac 2008
Zon 5	Plaza Angsana, Johor Bahru, Johor	8 - 9 Mac 2008
Zon 6	Sabah Trade Centre, K. Kinabalu Sabah	16 Mac 2008
Zon 7	Kampus UITM, Macang, Kelantan	22 - 23 Mac 2008

INTERNATIONAL**International Students Enrolment for Bachelor Degree Programmes July 2008 Intake.**

12 international students enrolled from June 27, 2008 to July 22, 2008. This includes 4 exchange students from XISU, China (Xian International Studies University) for the 2008 intake. The statistics are as below:

The 4 exchange students are currently taking Bachelor in Arabic and Communication at the Faculty of Major Languages

PROMOTION

USIM also participated in the KPT Education Programme with the Community 2008, which was organised by the Ministry of Higher Education with the collaboration of the Ministry of Education.

The program was carried out at 7 zones throughout Malaysia as shown in the table below:

USIM telah menghantar pasukan promosi bagi menyertai kesemua siri pameran tersebut. Antara aktiviti lain yang turut dijalankan sepanjang Program ini termasuklah:

- Slot ceramah oleh BPKP JPT, MQA, PTPTN, Bahagian Pengambilan Politeknik dan Kolej Komuniti, Bahagian Matrikulasi dan Jabatan Penuntut Malaysia dan Bahagian Kebajikan Pelajar JPT,
- Cabutan Bertuah, dan
- Kuiz

USIM berbangga dapat turut serta dalam program ini yang mensasarkan kepada pelajar lepasan SPM, STPM, STAM, Matrikulasi dan Diploma/ Setaraf. Program ini memberikan peluang kepada USIM untuk terus bersemuka dengan pasaran yang mana maklumbalas yang diterima amatlah positif berkaitan program-program pengajian di USIM.

USIM has sent in a team of promoters to participate in all series of exhibition above. Parts of the activities that were held in the programme were:

- A talk by BPKP JPT, MQA, PTPTN, Polytechnic Enrolment Division and Community College , Matriculation Division, Malaysian Students Department and JPT Students Affair Division.
- Lucky Draw, and
- Quiz

USIM is proud to be part of the programme that focused on SPM, STPM, STAM, Matriculation and Diploma leavers. The programme was an opportunity for USIM to be exposed within the market where the feedbacks obtained on the programmes offered were positive and encouraging.





HAL EHWAL KORPORAT
CORPORATE AFFAIRS

LAWATAN KERJA DYMM TUNKU CANSELOR KE USIM

Pada 26 Mac 2008 DYMM Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku Besar Burhanuddin, Tunku Ampuan Negeri Sembilan telah berkenan mengadakan lawatan kerja ke USIM. Keberangkatan tiba baginda telah disambut oleh Naib Canselor USIM, Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Haji Husin dan pengurusan-pengurusan tertinggi Universiti. Acara dimulakan dengan sembah maklum oleh Y.Bhg. Tan Sri Dr. Mohamad Yusof Noor, Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. Acara diteruskan dengan tayangan video dan taklimat akademik serta perkembangan USIM.

LAWATAN MENTERI PENGAJIAN TINGGI KE USIM

Menteri di Kementerian Pengajian Tinggi Y.Berhormat Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah melawat Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) sebagai membalas kunjungan yang berlangsung pada 3 Jun 2008 hari ini. Beliau telah diberi taklimat ringkas dan perbincangan bersama-sama dengan pengurusan tertinggi. Penerangan pembangunan universiti sehingga kini dan penekanan aspek sejarah penubuhan, program akademik yang ditawarkan serta pencapaian yang diperoleh oleh graduan turut dinyatakan semasa sesi taklimat berikut sekaligus menonjolkan keunikan USIM berbanding dengan IPTA yang lain.

DYMM TUNKU CANSELOR VISITS TO USIM

On 26th Mac 2008 DYMM Tuanku Najihah binti Al-Marhum Tunku visited USIM. She was welcomed by Vice Chancellor USIM, YBhg Prof. Dato' Dr Abdul Syukor Haji Husin and all of board directors USIM. The visit began with a welcoming remarks by Y.Bhg Tan Sri Dr Mohamad Yusof Noor, Chairman of University Board Directors. Then, it was followed by the multimedia presentation and a talk on the academic, achievements and development of USIM.

HIGHER EDUCATION MINISTER'S VISIT USIM

The Minister of Higher Education, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin, paid a visit to the Islamic Science University of Malaysia (USIM) in the afternoon of June 3, 2008. He was briefed on the development of the university from its beginning until today. The presentation included highlights of the history of the university, the academic programs offered by USIM's eight faculties, the achievements of some of the graduates of the university, the university administration as well as the uniqueness of USIM compared to the other public universities in the country.



MAJLIS PERASMIAN KAMPUS TETAP USIM DI NILAI

Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Perdana menteri Malaysia pada 25 November 2008. USIM merupakan sebuah universiti Islam yang pertama ditubuhkan oleh kerajaan Malaysia pada permulaan abad ke-21 dan turut tersenarai sebagai Institusi Pengajian Tinggi Awam yang ke-12.

Dengan keluasan 634.13 ekar, beberapa pembangunan prasarana yang moden dan canggih telah dibangunkan seperti Bangunan Canselor, Dewan Kuliah, Bangunan Fakulti, Kompleks Sukan dan Pusat Kemudahan Pelajar.

USIM telah menawarkan sebanyak 22 program pengajian yang berlandaskan kepada prinsip dan falsafah kesepaduan antara ilmu Aqli dan Naqli serta budi pekerti yang mulia merentasi semua bidang ilmu.

MAJLIS SAMBUTAN HARI KEMERDEKAAN KE 51

USIM telah mengadakan Majlis Sambutan Kemerdekaan ke-51 Peringkat Universiti baru-baru ini melibatkan seluruh jabatan dan bahagian bagi memeriahkan sambutan ini. Seramai 20 kontingen telah menyertai perbarisan ini, antaranya Jabatan Canselor, Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Perpustakaan dan Unit Pembangunan.

Pelbagai acara menarik telah diatur khusus buat warga USIM bagi menghayati dan menghargai erti kemerdekaan. Antaranya adalah nyanyian lagu kemerdekaan, bacaan puisi, pantun merdeka dan ikrar kemerdekaan. Turut mendapat perhatian adalah gimik sempena kemerdekaan iaitu, burung merpati dilepaskan oleh Y.Bhg. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin membawa maksud kemerdekaan kepada seluruh warga USIM.

Senarai Pameran Yang Disertai Pada 2008

Bil	Sekolah / Agensi	Tarikh
1	Kementerian Pengajian Tinggi (Pameran Kerjaya dan Pendidikan sempena Maal Hijrah 1429)	9 Jan - 13 Jan 2008
2	Pameran Karnival Kerjaya & Pendidikan Sekolah Berasrama Penuh	16 Julai 2008
3	MOHEX 2008 - Sudan & Libya	16 - 26 Ogos 2008
4	Pameran " Pendidikan & Kerjaya Malaysia 2008" Di Pekan, Pahang	21 - 24 Ogos 2008
5	(Pameran Kerjaya Peringkat Kebangsaan 2008)	17 - 19 Oktober 2008
6	MOHEX 2008 - Kuala Terengganu	20 - 22 Jun 2008

THE OFFICIATION CEREMONY OF USIM'S MAIN CAMPUS IN NILAI

USIM was formally officiated by YAB Dato' Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi, Malaysia's Prime Minister on the 25th of November 2008. USIM is the first Islamic university formed by the Malaysian Government in the beginning of the 21st century and is listed as the 12th Public Higher Learning Institution.

Within its vicinity of 634.13 acres, modern and sophisticated facilities have been developed such as the Chancellery Building, Lecture Halls, Faculties, Sports Complex, and Students Resource Centre.

USIM has offered a total of 22 programmes that are based on the principle and philosophy of the integration between Aqli and Naqli together with virtuous morality across various fields of knowledge.



THE 51ST INDEPENDENCE DAY CELEBRATION AT USIM

13th August 2008 – Recently, USIM held the 51st Independence Day (Merdeka) celebration at university level Involving all departments, divisions, faculties and units. About 20 contingents took part in the merdeka celebration parade, the Chancellery Department, Registrar Department, Bursar Department, Library Department and Development Unit among others. In appreciation of the spirit of independence, many interesting activities were arranged for the citizens of USIM.

Among the activities were a sing- along of merdeka songs, merdeka poem recital and merdeka oath taking session. Doves were released as a symbolic gimmick to bring the meaning of independence closer to every citizen of USIM.

Senarai MOU Yang Telah Ditandatangani pada 2008

Bil	Sekolah / Agensi	Tarikh
1	MoU antara USIM dengan KITAB	5 Januari 2008
2	MoU antara USIM dengan Tafila Technical University, Jordan	2 November 2008
3	MoU antara USIM dengan King Alalal University, Jordan	2 November 2008
4	MoU antara USIM dengan UBS Corporation Sdn Bhd	3 November 2008
5	MoU antara USIM dengan Al al University, Jordan	3 November 2008
6	MoU antara USIM dengan Jordan University of Science and Technology	3 November 2008
7	MoU antara USIM dengan Zarqa Private University , Jordan	4 November 2008
8	MoU antara USIM dengan The Hashmite University , Jordan	4 November 2008
9	MoU antara USIM dengan Islamic Banking and Financial Planning Association of Malaysia	24 November 2008

Senarai Lawatan Antarabangsa pada 2008

Bil	Lawatan	Tarikh
1	Lawatan Kerja dari Delegasi Taflia Technical University, Jordan	14 Januari 2008
2	Lawatan Kerja Delegasi University of Science and Technology, Sudan	16 Januari 2008
3	Lawatan Dari Delegasi Maldives	28 Januari 2008
4	Lawatan Delegasi dari Universiti King Hussein, Jordan	26 Mac 2008
5	Lawatan dari Delegasi Al-Shariah Science Institute in Sultanate of Oman	27 Mac 2008
6	Lawatan Dari Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) Brunei	21 Julai 2008
7	Lawatan Presiden dan Dekan Fakulti Perubatan Universiti Zagazig, Mesir	31 Julai 2008
8	Lawatan dari Pimpinan Pusat Dewan Masjid, Indonesia	22 Ogos 2008
9	Lawatan Daripada Universitas Makassar	15 Ogos 2008
10	Kunjungan Hormat dari Republik Sudan	22 Oktober 2008
11	Lawatan dari Universiti Jeddah, Arab Saudi	
12	Lawatan dari Ministry of Higher Learning Republic Yemen	22 Oktober 2008
13	Lawatan daripada Universitas Negeri Padang , Indonesia	

Senarai Lawatan dalam Negeri pada 2008

Bil	Lawatan	Tarikh
1	Lawatan Muhibbah Rombongan Pengetua, Guru Besar dan Penolong Kanan Sekolah-Sekolah dalam Parlimen Jeli	24 Januari 2008
2	Lawatan dari Jabatan Pasaran Modal Islam, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia	25 Januari 2008
3	Lawatan Sambil Belajar SMKA Baling, Kedah	21 Februari 2008
4	Lawatan Industri ke Bank Negara Malaysia	25 Februari 2008
5	Lawatan Peserta Kursus Muslimah Antarabangsa (RISEAP)	3 Mac 2008
6	Lawatan dari Jabatan Mufti Negeri Terengganu	11 Mac 2008
7	Lawatan dari Persatuan Mahasiswa Universiti Darul Iman	25 Mac 2008
8	Bahagian Penyelidikan JAKIM	26 Mac 2008
9	Lawatan Ilmiah dan Kerjaya SMK Bdr Baru Salak	1 April 2008
10	Lawatan Pelajar IKIP, Pahang	8 April 2008
11	Lawatan Kerja Kakitangan Universiti Utara Malaysia	2 Mei 2008
12	Lawatan dari Jabatan Pendaftar UMT	6 Mei 2008
13	Lawatan dari Kolej Universiti Insaniah (KUIN)	23 Mei 2008
14	Lawatan dari Mahasiswa UITM	
15	Lawatan dari Menteri Pengajian Tinggi ke USIM	3 Jun 2008
16	Lawatan sambil belajar SMKA Al-Wongso, Pahang	12 Jun 2008
17	Lawatan dari Kuliah Pengajian Islam Daerah Seremban	18 Jun 2008
18	Lawatan Sambil Belajar SMK Tun Perak, Muar, Johor	18 Jun 2008
19	Lawatan ke Hospital Ampang dan Klinik Pergigian	Julai 2008
20	Lawatan Akademik Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi	11 Ogos 2008
21	Lawatan SMU Ahmadiah Banggol Judah, Machang, Kelantan	19 Ogos 2008
22	Lawatan Sambil Belajar Pelajar Kelas Kemahiran AlQuran Asrama Pusat SMK Tun Hussein Onn, Keluang, Johor	25 Ogos 2008
23	Lawatan dari SMKA Sharifah Rodziah, Melaka (Kluster)	28 Ogos 2008
24	Lawatan dari Majlis Peperiksaan Malaysia	23 September 2008
25	Lawatan dari SMKA Sains Kuala Pilah, N. Sembilan	6 November 2008
26	Lawatan dari SMK Seri Perpatih, Gemas	4 November 2008
27	Lawatan dari Peserta ISCOM 2008	20 November 2008
28	Lawatan dari YAB Perdana Menteri	25 November 2008
29	Lawatan ke Bank Negara, Kuala Lumpur	24 Disember 2008



Unit Pengurusan Kualiti Quality Management Unit

Setelah USIM berjaya mempertahankan Pensijilan MS ISO 9001:2000 untuk kali ke-2 kini Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terus bertekad menuju kecemerlangan dengan mewujudkan persekitaran kerja yang membudayakan kualiti dan mengamalkan konsep Pengurusan Kualiti Menyeluruh atau Total Quality Management (TQM). Dalam usaha untuk membentuk budaya kerja cemerlang, orientasi kakitangan USIM digerakkan di atas landasan yang bersesuaian dengan prasyarat bagi menjayakan budaya kerja cemerlang iaitu penekanan kepada komitmen, mempunyai kesedaran kualiti, bersedia menerima perubahan dan tiada batasan masa untuk cemerlang. Penting bagi USIM mewujudkan 'mind-set' yang berorientasikan kecemerlangan supaya kakitangan lebih komited terhadap objektif utama jabatan, bahagian, fakulti dan unit. Ini dilakukan dengan sentiasa menggalakkan kakitangan menghayati serta mempraktikkan amalan-amalan pengurusan yang boleh meningkatkan kecemerlangan organisasi.

Sehubungan itu, Unit Pengurusan Kualiti (UPK) yang terletak di bawah Pusat Perkembangan Strategik Dan Hubungan Korporat, Jabatan Canselor bertanggungjawab dalam memimpin dan menyelaras semua usaha-usaha peningkatan kualiti Universiti. Antara usaha dan keterlibatan yang telah dilakukan oleh Unit Pengurusan Kualiti diterangkan lebih lanjut lagi seperti berikut :

PENSIJILAN MS ISO 9001: 2000 KALI KE DUA

Pada 8 Januari 2008 USIM telah memperolehi pensijilan MS ISO 9001:2000 buat kali ke dua setelah berjaya melalui audit pensijilan semula oleh pihak SIRIM. Pengaplikasian SPK di bawah skop "Penyediaan Perkhidmatan Pendidikan Di Peringkat Sarjana Muda Meliputi Rekabentuk Dan Pembangunan Kurikulum Program" telah memantapkan lagi keupayaan USIM dalam terus menyediakan perkhidmatan dan produk yang menepati keperluan pelanggan.

After the success of maintaining the MS ISO 9001:2000 certification for the 2nd time consecutively, USIM has continuously determined to aim for excellence through establishing a working environment that nurtures the culture of quality and practises the Total Quality Management (TQM). In the effort to cultivate an excellent working culture, USIM staff are directed to move on a platform suitable with the pre-requisites of excellent working culture that emphasise on commitments, quality awareness, the readiness to accept changes, and having no time constraint in achieving excellence. It is crucial for USIM to cultivate a mind-set that is excellent-oriented in order for the staff to be more committed towards achieving the main objective of a department, division, faculty and unit. This is done through encouraging the staff constantly to value and practise the managerial routines that can increase organisational excellence.

In relation to this, the Quality Management Unit (UPK) of the Strategic Development Centre and Corporate Relation, Chancellery, is responsible to lead and coordinate all efforts concerning the University quality development. Some of the efforts and involvements by the UPK are as stated:

MS ISO 9001: 2000 CERTIFICATION FOR THE SECOND TIME

On January 8, 2008, USIM obtained its MS ISO 9001:2000 certification for the second time after successfully going through the renewal of certification audit by SIRIM. The Application of SPK under the scope of "Education Services Preparatory on Bachelor Degree Level comprising of a Programme in Designing and Developing Curriculum" has enhanced USIM's credibility in offering products and services that fulfill customers' needs.

Unit Pengurusan Kualiti Quality Management Unit

EMPAT (4) JABATAN LAGI KE ARAH PENSIJILAN MS ISO 9001:2008

Bermula pada bulan Januari lagi usaha memantapkan persediaan 4 Jabatan ke arah pensijilan MS ISO 9001:2008 di bawah skop masing-masing telah dijalankan. Jabatan-jabatan tersebut yang terdiri daripada Jabatan Pendaftar, Jabatan Bendahari, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Jabatan Perpustakaan telah meningkatkan komitmen untuk mendapatkan pensijilan MS ISO 9001:2008 pada tahun 2008. Antara aktiviti-aktiviti yang dijalankan ialah Kursus Kesedaran ISO, Kursus Apresiasi ISO dan Siri Bengkel Pembangunan Dokumen.

UNIT PEMBANGUNAN MENUJU KE ARAH PENSIJILAN MS 1900:2005

Bersetujuan dengan Unit Pembangunan mengikuti program perintis bagi mendapatkan pensijilan MS 1900:2005 SPK Mengikut Keperluan Perspektif Islam. Unit Pembangunan telah melakukan beberapa siri bengkel pembangunan dokumen di dalam dan luar Universiti. Memandangkan sebelum ini Unit Pembangunan tidak pernah membangunkan lagi dokumen-dokumen berkaitan dengan skop pensijilan, pada tahun 2008 ini merupakan tahun siri bengkel penyediaan dokumen yang paling aktif.

PROGRAM PEMANTAPAN TENAGA KERJA

Dalam tahun 2008 beberapa program telah dianjurkan oleh UPK untuk meningkatkan lagi pemahaman dan amalan SPK di USIM serta meningkatkan amalan budaya kualiti di tempat kerja. Sebanyak lebih 13 bengkel latihan telah dianjurkan atau melibatkan UPK ini termasuk kepada usaha memantapkan pengendalian prosedur SPK, latihan untuk auditor baru, pemahaman dan aplikasi program 5'S serta latihan dan bimbingan kepada kumpulan-kumpulan KIK yang baru. Selain itu, beberapa siri latihan serta ceramah kesedaran piawaian MS ISO telah diadakan dikalangan jabatan dan fakulti-fakulti.

FOUR (4) DEPARTMENTS TOWARDS MS ISO 9001:2008 CERTIFICATION

The efforts in preparing 4 departments towards MS ISO 9001:2008 certification under their respective scopes have started since January. The departments, namely Registrar Department, Bursar Department, the Student Affair Division and the Library, have increased their commitments to obtain the MS ISO 9001:2008 certification in 2008. Some of the activities organised were the ISO Awareness Course, the ISO Appreciation Course and Documents Development Workshop.

DEVELOPMENT UNIT AIMING TOWARDS MS 1900:2005 CERTIFICATION

Relevant to the Development Unit partaking the pioneer programme to obtain the MS 1900:2005 QMS certification, in adherence to the needs of Islamic perspective, the unit has conducted a number of documents development workshop sessions that were held in and outside the university. Even though the unit has never developed documents related to certification, the 2008 workshop sessions were considered most active.

WORKFORCE ENHANCEMENT PROGRAMME

In 2008, several programmes were organised by the UPK to enhance the QMS understanding and practices in USIM simultaneously increasing the practice of quality culture at work place. More than 13 workshops were organised or with the involvement by the UPK, which included some efforts to enhance the operation of the QMS procedure, trainings for new auditors, comprehension and application of the 5'S programmes, and training and guiding the new KIK groups. Furthermore, several training sessions as well as talks related to the awareness on the MS ISO standards were held among departments and faculties.

Unit Pengurusan Kualiti Quality Management Unit

AUDIT KUALITI DALAMAN

USIM telah menjalankan Audit Kualiti Dalaman mengikut jadual yang telah dirancangkan bagi menentukan sama ada SPK mematuhi apa yang telah dinyatakan dan mengikut piawaian MS ISO 9001:2008. Objektif Audit Kualiti Dalaman ini melihat sama ada amalan kerja dan kepatuhan terhadap prosedur telah dilakukan. Sehubungan itu, Program Audit Kualiti Dalaman telah diadakan sebanyak (2) kali untuk Bil.1/2007 dan Bil. 2/2007.

BACAAN IKRAR KUALITI KALI PERTAMA

USIM terus memberi komitmen terhadap penghayatan kualiti di kalangan stafnya. Sehubungan itu, bagi memahat lagi ingatan dan membina komitmen semua bermula pada 3 Mac 2008 bermulanya Ikrar Kualiti di dalam setiap perhimpunan rasmi bulanan. Bacaan Ikrar Kualiti ini dipimpin dimulai oleh Unit Pengurusan Kualiti sendiri dan diikuti secara bergilir oleh wakil-wakil dari setiap jabatan/bahagian/fakulti/unit. Setiap lapisan dan kategori staf bermula daripada pihak pengurusan tertinggi sehingga kepada staf sokongan berikrar mengangkat tangan membaca ikrar kualiti.

IKRAR KUALITI USIM

*Kami bertekad untuk menjadi
Sebuah Universiti
Bertaraf antarabangsa
yang berteraskan pengajian Islam*

*Dengan membudayakan Sistem Pengurusan Kualiti
Dan berusaha untuk meningkatkan
Amalan ini secara berterusan.*

Kami berikrar :

*Sentiasa memberi perkhidmatan yang
berkualiti dan berintegriti mengatasi
keperluan dan harapan pelanggan.*

*Sentiasa mengamal kerja berpasukan
secara profesional antara kakitangan dan
juga pelanggan.*

*Sentiasa mengamal perbelanjaan yang
berhemah dan optimum di bawah sasaran
peruntukan belanjawan yang ditetapkan.*

INTERNAL QUALITY AUDIT

USIM has carried out its Internal Quality Audit as scheduled to determine whether or not the QMS conforms to what is stated in the MS ISO 9001:2008 standards. The objective of the audit is to see whether what is being practised in work follows the procedure. Thus, the Internal Quality Audit was done twice (2) for No.1/2007 and No. 2/2007.

THE FIRST RECITATION OF QUALITY PLEDGE

USIM has continuously given the commitment towards quality awareness among its staffs. In relation to that, a quality pledge is recited starting from March 3, 2008 in the monthly official assembly in order to remind everyone and to build their commitments. The first recitation was led by the UPK and is rotated among representatives from departments/ divisions/ faculties/ units. Each staff of different levels and categories, from the highest managerial staff to the support staff, raise their hands to the following pledge:



Biro Rundingan
Consultancy Bureau

LATAR BELAKANG

Pelbagai khidmat nasihat atau rundingan boleh diberikan oleh pihak Universiti kepada pihak luar merangkumi bidang-bidang profesional, sains mahupun aliran sains sosial dan seumpamanya. Antara bidang yang dikenalpasti adalah seperti bidang perundangan, ekonomi, sains, teknologi dan sebagainya yang dikelasifikasi sebagai sumber rujukan dan bagi memperolehi khidmat nasihat dalam bidang berkaitan.

AKTIVITI YANG TELAH DIJALANKAN

1. PERBINCANGAN

PERBINCANGAN BUKU PEMBANGUNAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA bagi tujuan mengumpul dan membuat editing ke-2 terhadap artikel-artikel yang telah dikumpul. Buku ini yang menghimpunkan artikel-artikel daripada penulis dalam dan luar USIM telah siap dibukukan dan telah dibuat edaran kepada mereka yang terlibat. Penerbitan buku adalah bersempena sambutan 50 tahun kemerdekaan Malaysia.

2. BENGKEL

BENGKEL PEMURNIAN BUKU HALATUJU DAN RANCANGAN STRATEGIK USIM 2008-2020 pada 13 – 14 September 2008 bertempat di Allson Klana Hotel, Nilai dan dipengerusikan oleh Y. Bhg. Prof. Muhamad bin Muda bagi tujuan pemurnian teks yang akan diterbitkan. Buku Halatuju dan Rancangan Strategik telah diterbitkan dan dilancarkan bersempena Majlis Perasmian Kampus USIM pada 25.11.2008 oleh Y.A.B Perdana Menteri Malaysia.

3. LAWATAN

LAWATAN KE SYARIKAT AJV DI CYBERJAYA bertujuan untuk menjalinkan kerjasama dengan USIM dalam membangunkan kandungan berasaskan teks Al-Quran dalam bentuk digital. Lawatan ini telah dipengerusikan oleh Pengarah Pusat Perkembangan Strategik dan Hubungan Korporat dan Ahli Lembaga Pengarah AJV.

BACKGROUND

The establishment of USIM Consultancy Bureau is to provide expertise in all fields available in USIM on the basis of the existing faculties to serve and consult all matters relating to current issues as well as at global level.

All kinds of advice and consultations can be provided by the University to outsiders. It covers professional areas, science, be it social science and others. Among the aspects that have been confirmed are legal, economy, science, technology etc. Those fields are classified as resource centre to get the consultation in the related field.

ACTIVITIES THAT HAVE BEEN CARRIED OUT

1. DISCUSSION

Discussion on BUKU PEMBANGUNAN PENGAJIAN TINGGI ISLAM DI MALAYSIA; purportedly to raise and edit for the second time the articles that had been gathered. This book assembled articles from internal and external writer of USIM. It has been circulated to those involved. It was in conjunction with Malaysian 50th Year of Independence celebration.

2. WORKSHOP

Workshop on PEMURNIAN BUKU HALATUJU DAN RANCANGAN STRATEGIK USIM 2008 - 2020 on 13 – 14 September 2008 was done in Allson Klana Hotel, Nilai and chaired by Y. Bhg. Prof. Muhamad bin Muda. It was regarding purification of text that will be published soon. Buku Halatuju dan Rancangan Strategik was produced and launched in conjunction with Majlis Perasmian Kampus USIM on 25 November 2008 by Y.A.B Malaysia's Prime Minister.

3. VISIT

A Visit to AJV'S COMPANY IN CYBERJAYA was aimed at establishing co-operation with USIM in building content based on Al-Quran's text in digital form. This visit was presided by Director of Centre of Strategic Development and Corporate Relations and AJV Board of Director's Member.

Pusat Perkhidmatan Industry & Khidmat

Centre for Industrial Liason & Services

LATARBELAKANG

Pusat Hubungan Industri dan Khidmat (PHIK) telah ditubuhkan pada 1 Ogos 2008 dengan mempunyai dua portfolio iaitu Hubungan Industri dan Khidmat. Ia ditubuhkan di atas dasar di mana hubungan Universiti-Industri kini telah menjadi satu kemestian di Universiti-universiti di mana kumpulan kecil di Universiti memulakan kerjasama strategik dengan industri dan akhirnya di formalisasikan dalam bentuk yang lebih mantap.

Aktiviti perhubungan dengan industri dilihat sebagai pelaburan strategik yang mampu menjana pulangan dan impak bagi meningkatkan keuntungan syarikat dan pada masa yang sama menambah dana Universiti berkonsepkan sama-sama untung (win-win situation).

Sementara, portfolio khidmat pula yang sebelum ini dikenali sebagai Unit Sekretariat Pendakwah Muda Dan Tugas-Tugas Khas di Jabatan Canselor memfokus kepada pelaksanaan program berbentuk kemasyarakatan dan dakwah. Ini merupakan salah satu cara pihak Universiti menghargai dan memberikan sumbangan terus kepada masyarakat melalui penglibatan aktif para pelajar dan kakitangan. Melalui program yang dilaksanakan akan dapat memperluaskan jaringan rangkaian universiti dengan pelbagai agensi kerajaan dan juga pertubuhan bukan kerajaan yang secara tidak langsung dapat membawa masyarakat untuk lebih mengenali Universiti Sains Islam Malaysia. Program dan aktiviti khidmat dilaksanakan menerusi Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM), SMART TEAM USIM, Program Khas Universiti dan Program Pendekatan Islam Hadhari.

Pada tahun penubuhannya, PHIK telah bergerak dengan mengadakan aktiviti-aktiviti berikut sebagai permulaan untuk PHIK melangkah dengan lebih jauh lagi pada masa akan datang.

BACKGROUND

Centre for Industrial Liaison and Services was established on August 1, 2008 with two portfolios i.e. industrial liaison, and services. The centre was established on the premise that University-Industry link has now become a common feature in Universities where small groups in the University form strategic alliances with the industries and henceforth formalized in a strong working partnership.

The industrial link activities are seen as a strategic investment that is capable of generating high impact activities to increase company's profitability and at the same time increases the University's fund under the concept of win-win situation.

As for the services portfolio which was formerly known as "Unit Sekretariat Pendakwah Muda dan Tugas-tugas Khas" in the Chancellery Department, the focus is on programs which are targeted for societal work and da'wah. This is considered as a means for the University to acknowledge and to have direct contribution to the society through active involvement and participation of the students and staffs.

The programs will eventually broaden the University network with various government agencies and NGO's which indirectly will promote USIM to the general society. The programs and activities of the services department are done through the Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM), SMART TEAM USIM, Special University Program and Pendekatan Islam Hadhari Program.

In the year of its establishment, the Centre for Industrial Liaison and Services performed the following activities that marked the beginning of its role to move forward in desired direction:

**Pusat Perkhidmatan Industry & Khidmat
Centre for Industrial Liason & Services**

HUBUNGAN INDUSTRI

Lawatan Industri ke Bank Negara Malaysia (BNM) pada 20 Oktober 2008

Satu lawatan ke BNM telah diadakan yang turut disertai oleh pensyarah dari Fakulti Ekonomi dan Muamalat (FEM) dan pelajar dari Fakulti Sains dan Teknologi (FST). Dalam taklimat dan perbincangan yang diadakan, BNM bersetuju mengambil pelajar menjalani latihan industri di BNM. Satu mekanisme terperinci akan dibincangkan dengan Bahagian Sumber Manusia dan juga Bahagian Penyelidikan BNM untuk membolehkan cadangan kajian oleh pensyarah USIM dijalankan untuk BNM yang juga dapat dimanfaatkan bagi tujuan projek pelajar.

Lawatan Industri ke British Council pada 10 Disember 2008

PHIK juga telah mengadakan lawatan ke British Council di mana hasil dari perbincangan tersebut Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) telah menyenaraikan skop kerjasama dan mengenalpasti institusi-institusi pengajian tinggi di United Kingdom (UK) yang USIM dijangka akan mengadakan kerjasama dalam masa terdekat. British Council juga akan membantu dari segi penyaluran mekanisme kerjasama antara kerajaan Britain dan Malaysia terutama yang berkaitan dengan pembiayaan kewangan dan biasiswa pengajian tinggi. Aspek mobiliti pelajar dan kakitangan dari USIM dan Universiti di UK juga dibincangkan.

INDUSTRY LIAISON

Industry Visit to Bank Negara Malaysia (BNM) on October 20, 2008

A visit to BNM took place in October. The participants were the lecturers from Faculty of Economics and Muamalat (FEM) and lecturers and students from the Faculty of Science and Technology. In the discussion, BNM has agreed to accommodate USIM students to perform their industrial training in BNM. A detailed mechanism will be discussed with the Human Resources Department and Research Department of BNM to enable USIM lecturers to conduct research for BNM which can also be used in the student project.

Industry Visit to the British Council on December 10, 2008

Centre for Industrial Liaison and Services also made a visit to the British Council in December. USIM has listed various scope of co-operation and identified higher institutions in United Kingdom (UK) which USIM is expected to form co-operation in the near future. British Council will assist USIM in the aspect of providing information on the mechanism for co-operation between the Malaysian and the British Government, especially those related to sponsorship and higher education scholarship. The mobility of students and staffs from USIM and from UK University are discussed.



Pusat Perkhidmatan Industry & Khidmat

Centre for Industrial Liason & Services

Bengkel

Bengkel Perancangan Strategik PHIJK Bagi Meningkatkan Kerjasama Dengan Industri (Siri 1) pada 5 & 6 Disember 2008 di Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang

Selaras dengan dapatan Bengkel Hala Tuju dan Rancangan Strategik USIM 2008 – 2020 yang diadakan pada November 2007 dan menyasarkan beberapa aspek berhubung dengan kerjasama Universiti – Industri. PHIJK telah mengadakan Bengkel Perancangan Strategik bagi Meningkatkan Kerjasama dengan Industri (Siri 1). Bengkel diadakan bagi membentuk visi, misi dan strategi bersama (shared vision, mission and strategies) khusus untuk dilaksanakan bagi meningkatkan hubungan Universiti-Industri.

Output dari bengkel ini membolehkan PHIJK melaksanakan fungsinya selari dengan matlamat yang telah digariskan Universiti.



Workshop

Centre for Industrial Liaison and Services Strategic Planning Workshop to Enhance Co-operation with Industry (Series 1) on 5 and 6 December 2008 at Colmar Tropicale, Bukit Tinggi, Pahang

In line with the outcome of the Bengkel Hala Tuju dan Perancangan Strategik USIM 2008 – 2020 which was held in November 2007, the Centre for Industrial Liaison and Services organized the Strategic Planning Workshop to Enhance Co-operation with Industry (Series 1). The workshop was organized to develop shared vision and mission, and strategies which will be implemented to enhance the University-Industry link.

The output of this workshop will become a guideline for the Centre for Industrial Liaison and Services to perform its function in line with the objectives already prescribed by the University.

Services

In 2008, there were 25 service programs targeted for societal activities and 9 programs related to donation which benefited more than 12,000 individuals throughout the countries including school students, orphans, single mothers, teenagers, problematic individuals, juvenile delinquents and the general public.



Khidmat

Sepanjang tahun 2008, sebanyak 25 program berbentuk khidmat kepada masyarakat dan 9 program kutipan dan sumbangan derma telah dilaksanakan yang mana telah berjaya melibatkan hampir 12,000 individu meliputi para pelajar dan kakitangan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) serta individu yang mendapat manfaat menerusi program-program yang dianjurkan seperti para pelajar sekolah, anak yatim, ibu tunggal, golongan remaja, individu bermasalah, golongan pesalah juvana dan masyarakat keseluruhannya.

**Pusat Perkhidmatan Industry & Khidmat
Centre for Industrial Liason & Services**

Kejayaan terbesar yang diraih sepanjang 2008 adalah apabila pasukan SMART TEAM USIM yang mewakili CDERT Negeri Sembilan telah menjadi Johan dalam Pertandingan Memadam Kebakaran CDERT Peringkat Kebangsaan 2008.

Berikut adalah antara program yang berjaya dilaksanakan sepanjang 2008 :-

The biggest achievement in 2008 is when the SMART TEAM of USIM represented CDERT Negeri Sembilan and became the champion in the National CDERT Fire Drill Competition.

The following is the list of programs successfully completed in the year of 2008:-

Bil	Program	Tarikh / Tempat
1.	Program Perarakan dan Sambutan Maulidur Rasul 1429H/2008M Universiti Sains Malaysia Sains Islam Malaysia (USIM)	21 Mac 2008 / di sekitar kampus USIM & Stadium Tertutup Nilai
2.	Program Khidmat Masyarakat dan Dakwah Sekretariat Pendakwah Muda Malaysia (SPMM)	10-14 Jun 2008 / di 4 Pusat dan Rumah Kebajikan
3.	Kursus Asas Pertahanan Awam Anggota SMART Team USIM Siri 1 dan 2 2008	11-13 Julai 2008 dan 25-27 Julai 2008 di Pusat Latihan JPA 3 Seremban
4.	Program Dakwah Taltbiqi Kerjasama SPMM dan Program Dakwah FKP	Sepanjang Julai September 2008 di 22 Pusat & Rumah Kebajikan





PENGURUSAN DAN
PEMBANGUNAN
SUMBER MANUSIA

MANAGEMENT & DEVELOPMENT
OF HUMAN RESOURCES

UNIT PERJAWATAN

Pengambilan

Unit Perjawatan Akademik dan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar telah mengadakan pelbagai sesi temuduga melibatkan temuduga untuk mengisi kekosongan waran perjawatan sepanjang tahun 2008. Selain dari temuduga biasa yang diadakan, Unit Perjawatan Akademik khususnya telah mengadakan temuduga khas bagi calon bukan warganegara di luar negara, Mesyuarat Jawatankuasa Kesepakaran, Mesyuarat Kenaikan Pangkat dan Mesyuarat Kenaikan Gred Ke Jawatan Pensyarahan Kanan Gred DS51/52 Bagi Calon Yang Memiliki PhD.

Unit ini amat berbangga untuk menyatakan bahawa melalui 53335 permohonan jawatan (akademik dan pentadbiran) sepanjang tahun 2008 yang telah diproses, 82 temuduga merangkumi 40 temuduga jawatan akademik dan 74 temuduga jawatan pentadbiran telah diadakan. Dari jumlah berkenaan, 338 surat tawaran telah dikeluarkan, iaitu masing-masing 139 jawatan akademik dan 199 jawatan pentadbiran dan 273 orang telah melapor diri.

Bagi sesi temuduga khas luar negara, ianya telah diadakan di negara Mesir bermula dari 28 hingga 29 Jun 2008 lepas. Seramai 37 orang calon melibatkan pelbagai Fakulti telah diperakukan oleh Naib Canselor bagi tujuan dipanggil temuduga. Di antara ahli panel yang terlibat bagi tujuan temuduga berkenaan termasuklah Naib Canselor sendiri, Dekan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Dekan Fakulti Pergigian dan Pendaftar.

Dari sejumlah 37 orang calon diperakukan, 17 telah berjaya dipanggil bagi mengisi kekosongan pelbagai jawatan akademik di pelbagai Fakulti. Satu (1) dilantik di bawah Skim Lantikan Akademik

POST & PERSONNEL UNIT

Intake

The Post and Personnel Unit (Academic and Administration) of the Human Resource Department, the Registrar, conducted several interview sessions to fill up the vacancies throughout the year 2008. In addition to the common interviews, the unit, specifically the academic division, has also conducted special interviews outside Malaysia for non-Malaysian candidates, meetings of Experts Committee, meetings of Promotion and meetings of upgrading the candidates with PhD to senior lecturers DS51/52.

The unit is proud to state that through 53335 post applications (academic and administration) that were processed throughout the year 2008, 82 interviews consisted of 40 academic posts and 74 administrative posts were carried out. From that total, 338 offer letters were given out to 139 academic posts and 199 administrative posts, which resulted in 273 reporting for duty.

The special interview sessions outside Malaysia were done in Egypt from June 28 and 29 last year. 37 candidates involving different faculties were selected by the Vice Chancellor for interviewing. The Interviewing panels included the Vice Chancellor, the Dean of Faculty of Medicine and Health Science, the Dean of Faculty of Dentistry, and the Registrar.

17 out of the 37 candidates succeeded in the interview and were called to fill up the vacancies in different faculties. One (1) was appointed under the Academic Appointment Scheme (Skim Lantikan Akademik) whereas the remaining was appointed to the posts stated below:

Fakulti	VK7	DS53	DUG51	DS51
Fakulti Perubatan & Sains Kesihatan	3			
Fakulti Pergigian	2		1	
Fakulti Pengajian Bahasa Umum		2		2
Fakulti Syariah & Undang-Undang	1			
Fakulti Pengajian Al-Quran & Sunnah	4	1		

Kenaikan Pangkat

Bagi urusan kenaikan pangkat, Mesyuarat Kenaikan Pangkat telah diadakan sebanyak 2 kali masing-masing bagi staf akademik dan pentadbiran. Kenaikan pangkat akademik telah diadakan pada bulan Mei dan Disember. Seramai 32 orang calon telah memohon bagi tujuan berkenaan dan calon-calon yang berjaya telah dimaklumkan melalui surat dan hebahan menerusi emel Universiti.

Selain dari jumlah permohonan yang amat menggalakkan, pihak Unit turut mendapati tahap kepekaan calon terhadap pengukuran prestasi bagi tujuan kenaikan pangkat di atas adalah amat memberangsangkan. Setiap calon perlulah memenuhi kriteria pemilihan seperti tempoh berkhidmat, disahkan dalam perkhidmatan, melepassi tahap PTK, rekod penulisan, penyelidikan, persidangan dan penerbitan, selain diperaku oleh Ketua Jabatan masing-masing.

Bahagian ini turut mencipta sejarah Universiti apabila buat pertama kalinya menaikkan pangkat 17 orang Pensyarah secara automatik ke Gred 51/52 bagi mereka yang memiliki Ijazah peringkat PhD semasa di Gred 45 (warganegara dan bukan warganegara). Perkara ini dilakukan sejajar dengan hasil keputusan Mesyuarat Ketua Setiausaha Negara dengan Naib-Naib Canselor/ Rektor Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) Bil.2/2008 yang diadakan pada 27 April 2008 lepas, dan Mesyuarat Post Kabinet yang telah diadakan pada 2 Mei tahun yang sama.

Staff Promotion

Concerning staff's promotion, meetings were held twice for both academic and administrative staffs. Promotions for academic staff were done in May and December. 32 candidates submitted applications for promotion and those who succeeded were informed through letters and were announced through emails.

Besides the encouraging number of applications, the unit found that candidates were also sensitive towards how performance is gauged for promotion. Each candidate must fulfill the selection criteria such as the length of service, confirmation of service, exceed the Competency Level Evaluation (PTK), records on writings, researches, proceedings and publications, and recommendation from the candidate's head of department.

This unit has also created history when for the first time the unit promoted 17 lecturers (both Malaysians and Non-Malaysians) with PhD from 45 Grade to 51/52 Grade automatically. This is done in parallel to the consensus achieved from the meeting held on April 27, 2008 between the Chief Secretary and the Vice Chancellors/ Rectors of Higher Learning Institutions No. 2/2008, followed by the post-cabinet meeting held on May 2, 2008.



Sistem Permohonan Jawatan Atas Talian (eIRIS)

Bagi tujuan penambahbaikan kepada sistem pengurusan Bahagian ini, khususnya bagi tujuan proses pengambilan kakitangan baru berstatus tetap dan kontrak, pihak Universiti telah mempergiatkan prosedur permohonan iaitu sepenunhnya melalui Sistem E-Iris. Ianya merupakan kesinambungan terhadap usaha yang telah dinyatakan dalam laporan tahun lepas iaitu menggalakkan permohonan atas talian, seterusnya menyahut seruan Kerajaan agar menjadi sebuah institusi pengajian yang terkehadapan dalam menampilkan dan membudayakan teknologi dalam segenap bidang pengurusan.

Sebagai makluman pada tahun 2008, Unit Perjawatan telah menggunakan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2008: Penurunan Kuasa Menimbang Pelantikan Secara Kontrak Oleh Institusi Pengajian Tinggi Awam, dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 20 Tahun 2008: Perubahan Skim Perkhidmatan Pensyarah Universiti, Pensyarah Perubatan, Pensyarah Pergigian dan Pensyarah UiTM sebagai rujukan tambahan kepada peraturan-peraturan sedia ada yang berkuatkuasa dalam urusan pengurusan sumber manusia Universiti.

Statistik Kakitangan *Staff's Statistics*

Kumpulan Jawatan	Bilangan Pengisian
Pengurusan Tertinggi	3
Kumpulan Akademik	480
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	124
Kumpulan Sokongan	521
JUMLAH	1128

**(Data sehingga akhir tahun 2008)*

Post Application Online System (eIRIS)

To improve the management system of this unit, particularly for the purpose of managing the recruitment process of the new staff with permanent status or by contract, the university has encouraged the application procedure to fully utilise the E-Iris system. This is a continuation towards the effort stated in the last year's report that is to encourage the online application, simultaneously to answer to the Government's call, which is to be an advanced learning institution that features technology as part of every field of studies.

In addition, in 2008, this unit utilized the Employment Circulation No. 3 Year 2008. The Delegation of Authority to Deem Promotion by Contract by Public Institution of Higher Learning, and the Employment Circulation No. 20 Year 2008: Adjustment Employment Scheme for University lecturers, dentistry lecturers, and the UiTM lecturers for additional references to the existing policies in the human resource's affairs.



Kedudukan Tenaga Akademik Tetap/ Kontrak/ Sementara Mengikut Fakulti/Unit/Pusat Sehingga 31 Disember 2008
The Status Of Academic Staff; Permanent/ By Contract/ Temporary According To Faculty/ Unit/ Centre Until December 31, 2008

Bil.	Designation	Renumeration Grade	Total of Employment	FSU	FPQS	FKP	FEM	FST	FPSK	FPg	FPBU	PPU	PT	Total
1.	Professor	VK7 / VK6 / VK5	275	3	1	3	4	8	-		-	-	-	19
2.	Assoc. Professor	DS53 / 54		-	-	2	0	4	-		1	1	-	8
3.	Sr. Lecturers	DS51 / 52		18	13	9	4	10	-		16	1	-	71
4.	Lecturers	DS45		20	12	19	27	11	-		19	10	-	118
	Total		275	41	26	33	35	33	0		36	12	0	216
5.	Medical Professor	VK7 / VK6 / VK5	68	-	-	-	-	-	7		-	-	-	7
6.	Medical Assoc. Professor	DU53 / 54		-	-	-	-	-	3		-	-	-	3
7.	Medical Sr.Lecturer	DU51 / 52		-	-	-	-	-	2		-	-	-	2
8.	Medical Lecturer	DU45		-	-	-	-	-	52		-	-	-	52
9.	Lecturer	DS45		-	-	-	-	-	3		-	-	-	3
	Total		68	0	0	0	0	0	67	0	0	0	0	67
10.	Dentistry Professor	VK7 / VK6 / VK5	24	-	-	-	-	-		1	-	-	-	1
11.	Dentistry Assoc. Professor	DUG53 / 54		-	-	-	-	-			-	-	-	0
12.	Dentistry Sr. Lecturer	DUG51 / 52		-	-	-	-	-		0	-	-	-	0
13.	Dentistry Lecturer	DUG45		-	-	-	-	-		16	-	-	-	16
14.	Lecturer	DS45		--	-	-	-	-		2	-	-	-	2
	Total		24	0	0	0	0	0	0	19	0	0	0	19
15.	Tutor	DA41	111	15	14	23	24	33	5	4	12	4	-	134
16.	Language Teacher	DG44	3	-	-	-	-	-	-		-	-	-	0
17.	Language Teacher	DG41	34	-	-	-	-	-	-		-	29	3	32
18.	PPPS (Teachers)	DG44	2	-	-	-	-	-	-		-	-	-	0
19.	PPPS (Teachers)	DG41	20	-	-	-	-	-	-		-	-	15	15
	Total		170	15	14	23	24	33	5	4	12	33	18	181
	Jumlah Kakitangan Akademik		537	56	40	56	59	66	72	23	48	45	18	483

Note :

FSU - Faculty of Syariah & Law
PPU - Centre of General Studies
FPQS - Faculty of Quran & Sunnah Studies
FKP - Faculty of Leadership & Management
PT - Tamhidi Centre

FEM - Faculty of Economics & Muamalat
FST - Faculty of Science & Technology
FPSK - Faculty of Medicine & Health Science
FPBU - Faculty of Major Languages
FPg - Faculty of Dentistry

UNIT KOMPETENSI

Penilaian Tahap Kecekapan (PTK)

Beberapa kursus, peperiksaan dan penilaian PTK bagi kakitangan Universiti telah dilaksanakan pada tahun 2008. Selain daripada menganjurkan sendiri PTK, pihak Universiti juga telah menumpangkan beberapa calon untuk menduduki kursus PTK di beberapa IPTA seperti di Universiti Kebangsaan

COMPETENCY UNIT,

Competency Level Evaluation (PTK)

In 2008, several PTK courses, examinations and evaluations were successfully organized by the University. The University also sent a few staff to attend the PTK courses conducted by other IPTAs such as National University of Malaysia (UKM) and Putra University of Malaysia (UPM).

Malaysia (UKM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM). Terdapat juga calon IPTA luar seperti calon dari Universiti Darul Iman Malaysia (UDM) menumpang PTK di USIM. Maklumat pelaksanaan PTK yang berkenaan adalah seperti di Jadual A.

There were also some external candidates from Darul Iman University of Malaysia (UDM) attending the PTK courses in USIM. The information of the PTK implementation is shown in Table A.

Jadual A: Maklumat pelaksanaan PTK bagi tahun 2008

Table A: The PTK implementation in 2008

Perkara	Calon	Anjuran	Tarikh	Bil. Calon
Kursus PTK (TK5) bagi kumpulan Pengurusan dan Professional (P&P)	Pensyarah Universiti DS52	UKM	20 Mei 2008 (e-pembelajaran) & 10 -13 Jun 2008 (bersemuka)	5
			11 Nov 2008 (e-pembelajaran) & 2-5 Disember 2008 (Bersemuka)	5
	Pegawai Tadbir N52		19-27 Ogos 2008	2
Kursus PTK (TK4) bagi Kumpulan P&P	Pegawai Tadbir N48	UKM	17-25 Jun 2008	1
	Perpustakawan S48			1
Kursus PTK (TK3) bagi Kumpulan P&P	Pensyarah Universiti DS45	USIM	4-13 Jun 2008	7
			25-29 Ogos 2008	8
			4-12 Disember 2008	10
	Pensyarah Perubatan DU45	USIM	4-13 Jun 2008	1
	Pegawai Teknologi Maklumat F44	USIM	21-30 April 2008	1
	Pegawai Tadbir N44			5 (3-USIM, 2-UDM)
	Pegawai Psikologi S44			1
	Pustakawan S44			2 (1-USIM, 1-UDM)
	Juruaudit W44			1
	Pegawai Kewangan W44	UPM	3-11 November 2008	1
	Arkitek J44			1
Kursus PTK (TK4) bagi kumpulan Sokongan 1	Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N25	UKM	23 Disember 2008 (ujian tugas Khas)	1
Peperiksaan PTK (TK1 dan TK2) bagi Kumpulan P&P	Pelbagai Jawatan	USIM	27-28 Nov 2008	29
Peperiksaan PTK (TK1, TK2 & TK3) bagi Kumpulan Sokongan I (Gred 27-40)			26-27 Nov 2008	22
Peperiksaan PPK (TK1, TK2 & TK3) bagi Kumpulan Sokongan I (ZGred 17-26)				100
Penilaian PTK (TK1, TK2 dan TK3) bagi Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)	Pelbagai Jawatan	USIM	29 Oktober - 5 November 2008	22

Peperiksaan Perkhidmatan

Sebanyak dua (2) sesi Peperiksaan Perkhidmatan telah diadakan pada tahun 2008 yang melibatkan kakitangan Universiti dari pelbagai jawatan. Terdapat calon peperiksaan menduduki Ujian IT Assessment Skills and Certification (ISAC) yang dianjurkan oleh pihak Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) sebagai memenuhi sukatan peperiksaan bagi jawatan yang berkenaan. Maklumat pelaksanaan peperiksaan tersebut adalah seperti di Jadual B.

Jadual B: Maklumat Pelaksanaan Peperiksaan Perkhidmatan bagi Tahun 2008

Table B: The Service Examination implemented in 2008

Sesi	Calon	Anjuran	Tarikh	Bil. Calon
Bil. 1/2008	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan P&P	USIM	14, 15 & 23 Mei 2008	7
	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan Sokongan I (Gred 27-40)			11
	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan Sokongan I (Gred 17-26)			24
	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan Sokongan II (Gred 1 - 16)			3
	Pembantu Tadbir (Kesetiausahawan) N17	INTAN	16 Jun 2008 (Ujian ISAC)	2
Bil. 2/2008	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan P&P	USIM	22-24 Oktober 2008	9
	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan Sokongan I (Gred 27-40)			7
	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan Sokongan I (Gred 17-26)			19
	Pelbagai Jawatan dari Kumpulan Sokongan II (Gred 1-16)			8

Peperiksaan Bayaran Insentif Tugas Kewangan (BITK)

Peperiksaan BITK telah diadakan pada 4 Disember 2008 yang melibatkan seramai 11 orang kakitangan yang terdiri daripada Pembantu Akauntan W17 dan W22.

Service Examination

There were two (2) sessions of the Service Examination conducted in 2008 consisting of various positions of the University staff. Several candidates attended the IT Assessment Skills and Certification (ISAC) Test organized by the National Institute of Public Administration (INTAN) to fulfill the requirement of the examination syllabus of the posts. The information of the examination implementation is shown in Table B.

Financial Task Incentive Payment Examination (BITK)

The BITK Examination was held on the 4th of December 2008 that involved 11 Accountant Assistants W17 and W22 staff.

CUTI BELAJAR

Kerajaan telah mensasarkan matlamat untuk melahirkan sumber tenaga yang mempunyai minda kelas pertama dan juga untuk menjadi hub kecemerlangan pengajian tinggi di rantau ini dan juga antarabangsa. Untuk itu, Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia telah melancarkan Program MyBrain 15 pada 25 September 2005, yang mana program ini merupakan sebahagian daripada Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara yang telah dilancarkan sebelumnya. Melalui program ini, Kerajaan berharap dapat melahirkan 60,000 warganya berkelayakan PhD menjelang tahun 2023, dan pihak Kerajaan bergantung kepada semua universiti tempatan termasuk USIM dalam merealisasikan penghasilan jumlah pemegang PhD ini dalam tempoh 15 tahun akan datang. Bersesuaian dengan hasrat Kerajaan tersebut, USIM terus memberikan sokongan yang padu dan berterusan kepada semua tutor dan pensyarah untuk melanjutkan pengajian mereka sehingga ke tahap PhD, sama ada di institusi dalam ataupun di luar Negara.

Pada tahun 2008, bilangan staf yang melanjutkan pengajian sama ada dalam atau di luar negara ialah seramai 95 orang yang terdiri daripada staf akademik, pentadbiran dan guru bahasa. Daripada jumlah tersebut, 47 orang melanjutkan pengajian dalam Negara manakala selebihnya di luar Negara. Bagi pengajian di luar Negara, Negara tumpuan utama bagi staf melanjutkan pengajian masih lagi kekal seperti tahun sebelumnya iaitu ke United Kingdom iaitu sebanyak 58.3%. Ini diikuti oleh Australia 31.3% dan USA 4.2%. Pecahan bilangan staf mengikut Negara dan peringkat pengajian adalah seperti Jadual A.

Jadual A: Pecahan Bilangan Staf Bercuti Belajar Mengikut Negara Bagi Tahun 2008

Table A:

Negara	Jumlah
Malaysia	47
United Kingdom	28
Australia	15
Denmark	1
New Zealand	1
USA	2
Hong Kong	1
Jumlah	95

Jika ditinjau dari sudut fakulti atau bahagian, pecahan staf yang bercuti belajar adalah seperti Jadual B.

STUDY LEAVE

Government has set the goals to produce human capital with first class mentality and to be the hub of Higher Education Excellence in the region and at international level. In line with that, Ministry of Higher Education launched MyBrain15 programme on 25 September 2008, which is part of the National Higher Education Strategic Plan. From this programme, the Ministry is expecting 60,000 Malaysians with a doctorate by 2023, and they depend on local universities including USIM to churn out this amount of PhD holders within the next 15 years. In coherence with the government's goal, USIM continue to give full support and encouragement to USIM's tutors and lecturers to further their studies until PhD level, locally and internationally.

In 2008, the total number of staff furthering their studies locally and overseas was 95. This number included academician, administrative staff and teachers. 47 staff were furthering their study locally and the rest studying abroad. From the total of staff studying abroad, 58.3% in United Kingdom, 31.3% in Australia and 4.2% in United States of America. The total number of staff on study leave according to country is as shown in Table A.

Jadual B: Pecahan Staf Bercuti Belajar Tahun 2008 Mengikut Fakulti/Bahagian

Table B:

Fakulti	Jumlah
FSU	11
FKP	8
FPQS	6
FEM	10
FST	16
FPSK	18
FPBU	8
FPg	13
PPU	2
Jumlah	95

The total number of staff on study leave according to faculty/department is shown in table B.

Pada tahun 2008 juga, seramai 26 orang staf yang telah diluluskan bercuti belajar telah kembali melapor diri di USIM. Pecahan Fakulti dan Peringkat Pengajian adalah seperti di Jadual C.

In 2008, 26 staff were back to USIM to report duty after finishing their study leave period as shown in Table C.

Jadual C : Staf Bercuti Belajar Yang Melapor Diri Pada Tahun 2008 Mengikut Fakulti

Table C

Bil	Fakulti	Peringkat Pengajian			Tempat Pengajian Dalam Luar Negara		Status			Jumlah Staf Lapor Diri
		Dip	Sarjana	PhD	Dalam	Luar	Lulus & Tamat	Gagal	Belum Tamat/ Pembetulan Tesis/Viva	
1.	FSU	-	2	1	2	1	1	1	1	3
2.	FKP	-	5	1	2	4	4	-	2	6
3.	FPQS	-	1	1	1	1	1	-	1	2
4.	FEM	-	1	1	2	-	1	-	1	2
5.	FST	-	3	1	-	4	3	-	1	4
6.	FPBU	-	-	-	-	-	-	-	-	0
7.	FPSK	-	5	-	2	3	5	-	-	5
8.	FPg	-	-	-	-	-	-	-	-	0
9.	PPU	-	1	2	2	1	1	1	1	3
10.	Pentadbiran	1	-	-	1	-	1	-	-	1
									Jumlah	26

UNIT PERKHIDMATAN

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007

Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2007 telah diadakan dengan jayanya pada 12 Ogos 2008 bertempat di Dewan Kuliah Pusat 3, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Tujuan majlis ini diadakan adalah untuk memberi pengiktirafan kepada staf USIM yang telah menunjukkan perkhidmatan yang cemerlang di sepanjang tahun 2007.

USIM juga turut memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada staf yang telah menyumbang kepada kecemerlangan Universiti melalui Anugerah Pekerti Terpilih, Anugerah Kualiti Naib Canselor, Anugerah Pengajar Aktif, Anugerah Penerbitan, Anugerah Penyelidikan, Anugerah Pengurusan Maklumat, Anugerah Khidmat Masyarakat, Anugerah Khas (Khidmat Setia) Pensyarah Antarabangsa dan Anugerah Persatuan / Kegiatan Mahasiswa Cemerlang.

SERVICES UNIT REPORT

The Excellent Service Award Ceremony 2007

The Excellent Service Award Ceremony 2007 was successfully held on the 12th of August 2008 at the Centre Lecture Hall 3, USIM. The ceremony was intended to give recognition to the staffs that are excellent in their service throughout 2007.

USIM also awarded merit and appreciation to the staff that have contributed to the university's excellence through the Extraordinary Personality Award (Anugerah Pekerti Terpilih), the Vice Chancellor Quality Award (Anugerah Kualiti Naib Canselor), the Active Educator Award (Anugerah Pengajar Aktif), Publication Award (Anugerah Penerbitan), Research Award (Anugerah Penyelidikan), Information Management Award (Anugerah Pengurusan Maklumat), Community Service Award (Anugerah Khidmat Masyarakat), Special Award for Foreign Lecturers (Anugerah Khas (Khidmat Setia) Pensyarah Antarabangsa) and Guild/Excellent Graduates Activities Award (Anugerah Persatuan / Kegiatan Mahasiswa Cemerlang).

Seramai 72 orang staf USIM telah menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2007. Manakala penerima Anugerah Terpuji bagi tahun 2007 adalah seramai 58 orang. Bilangan Penerima Anugerah Khas pada tahun 2007 adalah seperti berikut:

Anugerah	Bilangan Penerima
Anugerah Naib Canselor	14 orang
Anugerah Penghargaan Pengurusan Maklumat	13 orang (Satu Kumpulan)
Anugerah Pekerti Terpilih	3 orang
Anugerah Persatuan/ Kegiatan Mahasiswa Cemerlang	15 orang
Anugerah Pengajar Aktif	1 orang
Anugerah Penerbitan	1 orang
Anugerah Penyelidikan	1 orang
Anugerah Khidmat Masyarakat	1 orang
Anugerah Khas (Khidmat Setia) Pensyarah Antarabangsa	3 orang

Anjakan Gaji

Pada Tahun 2007, terdapat seramai 30 orang telah diberi pergerakan gaji secara anjakan. Keputusan ini telah dibuat melalui Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Sumber Manusia Bilangan 1 Tahun 2009 yang telah diadakan pada 26 Februari 2009. Pemberian Anjakan Gaji adalah berdasarkan syarat-syarat yang telah ditetapkan seperti mendapat Aras 4 dalam keputusan Penilaian Tahap Kecekapan dan 80 peratus ke atas bagi markah Laporan Nilaian Prestasi tahun 2008.

A total of 72 staff received the Excellent Service Awards in 2007. 58 received the Admirable Awards for 2007. The recipients for 2007 are as shown below;

Remuneration Shift

In 2007, a total of 30 staff were given remuneration shifts. This matter was approved by the Committee Meeting of Human Resource Development No 1 Year 2009 that was held on the 26th of February 2009. The Remuneration shifts were based on the stipulated policy such as obtaining level four in Evaluation of efficiency level (PTK) and above 80 percent score for KPI year 2008.

Kumpulan	Gred	Bilangan Penerima
Pengurusan dan Professional	14 - 54	13 orang
Sokongan 1	17 - 40	8 orang
Sokongan 2	1 - 16	9 orang

LATIHAN

Bagi tahun 2008, Sebanyak 40 buah kursus dalaman telah dirancang pada awal tahun untuk dijalankan sepanjang tahun 2008 dan daripada jumlah tersebut, 29 buah kursus dan latihan telah berjaya dilaksanakan di sepanjang tahun 2008 dengan penglibatan seramai 1275 penyertaan. Jumlah penyertaan ini adalah mengambil kira penglibatan staf pentadbiran USIM dan ianya tidak termasuk latihan ICT yang dijalankan dengan kerjasama PPITM.

TRAINING

In 2008, 40 in-house courses were planned in the early 2008 and throughout the year, 29 courses and training were successfully carried out involving 1275 participants. The total number of participations included the involvement of the administrative staff and this excluded the ICT training that was done in collaboration with the PPITM.

Daripada jumlah itu, Unit Latihan telah berjaya mencapai sasaran melebihi 85% daripada perancangan asal dan juga mengikut keperluan dan permintaan semasa. Latihan ini adalah bertujuan untuk membentuk sikap, kemahiran dan pengetahuan dikalangan staf USIM itu sendiri. Selain daripada mengikuti kursus dalaman yang dianjurkan oleh Unit Latihan sendiri, staf USIM juga dihantar untuk berkursus di agensi awam yang lain seperti Institut Pentadbiran Awam Negara (INTAN), Kementerian Pendidikan, IPTA tempatan dan lain-lain agensi yang diiktiraf oleh kerajaan. Pada tahun 2008 ini juga memperlihatkan penyertaan staf USIM di peringkat antarabangsa dengan mengikuti Kursus Jangka Pendek yang dianjurkan oleh Kerajaan Malaysia dan Jepun.

Selain daripada itu, staf USIM juga dihantar untuk berkursus di agensi swasta terutama bagi kursus yang memerlukan kemahiran teknikal yang tinggi. Usaha ini dijalankan bagi melahirkan staf yang berdedikasi, cekap, bertanggungjawab, dan berdaya saing dalam menjalankan tugas masing-masing.

Selaras dengan itu juga, Unit Latihan sentiasa mengadakan Program Sangkutan Kakitangan USIM yang memperlihatkan penghantaran pegawai ke agensi kerajaan mahupun swasta yang berkaitan untuk mendapat pendedahan tugas di tempat lain disamping memikirkan cara untuk memperbaiki sistem penyampaian (delivery system) yang sedia ada di USIM.

From the total, the unit has successfully achieved its aim, which exceeded 85% of what was planned, and based on the current needs and demands. The trainings are intended to mould good manners, expertise, and knowledge among the USIM staff. Besides participating in the in-house courses that are organised by the unit, staffs were also sent for courses at the public agencies such as the National Public Administrative Institution (INTAN), Ministry of Education, local public institutions of higher learning, and other recognised agencies. Also in 2008, USIM staff participated in an international short-termed course organised by the Malaysian Government and Japan.

Furthermore, USIM staff were also sent for courses at private agencies especially for the courses that need high technical expertise. This is an effort to produce staff that are dedicated, efficient, responsible, and competitive in undertaking their respective duties.

In addition, the unit has constantly held Support Staff Programmes where staff will be sent to other agencies to be exposed to the jobs done elsewhere simultaneously to think of ways to improve the existing delivery systems in USIM.



Unit Latihan juga sentiasa mengambil kira penilaian maklumbalas yang diberikan oleh Ketua Jabatan bagi tempoh setiap 2 bulan selepas seseorang staf itu pulang dari menghadiri kursus.

The unit always takes into account on the evaluation feedback by the Head of Department for every two-month-period after one is back from any course.

Bilangan Pegawai Yang Menghadiri Kursus Pada Tahun 2008
Number Of Staff Who Participated In Courses Carried Out In 2008

Bil	Gred/Kumpulan	Bil. Anggota	Kursus Pendek	
			Bil. Anggota Yang Hadir > 7 Hari Setahun	Bil Anggota Yang Hadir < 7 Hari Setahun
1.	JUSA	20	13	2
2.	Pengurusan & Profesional	602	202	192
3.	Sokongan I	178	59	54
4.	Sokongan II	346	139	186
Jumlah		1146	413	434





HAL EHWAL PELAJAR
STUDENT AFFAIRS

Latar Belakang

Adalah menjadi kewajipan Bahagian Hal Ehwal Pelajar untuk memastikan bahawa peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti AUKU 1971, Perlembagaan, Kaedah, Peraturan dan Perintah mengenai Hal Ehwal Pelajar dipatuhi dan bertanggungjawab menjalankan pengawasan ke atas segala perkiraan mengenai pengurusan, kebijakan dan tatatertib pelajar. Justeru, Bahagian Hal Ehwal Pelajar adalah bertanggungjawab untuk mengurus dasar kebijakan pelajar yang berkaitan dengan aspek-aspek pembentukan komuniti pelajar universiti, persekitaran pelajar yang kondusif, kemudahan pengangkutan dan perhubungan, pemakanan, kesihatan, keselamatan, kebudayaan dan sukan di dalam mempertingkatkan kualiti pembelajaran dan keharmonian dengan masyarakat sejagat.



Penganjuran Aktiviti/Program

Sepanjang tahun 2008, Unit/Kelab/Persatuan di Bahagian Hal Ehwal Pelajar telah menganjurkan sebanyak 175 aktiviti/program pembangunan pelajar samada peringkat dalaman, luaran, kerjasama pihak luar, asia mahupun peringkat antarabangsa.

Antara objektif utama penganjuran aktiviti/program peringkat pelajar adalah bertujuan membangunkan personaliti, membina keintelikualan dan jati diri serta meningkatkan daya saing di kalangan pelajar di samping melaksanakan aktiviti-aktiviti yang menyumbang kepada pemantapan kemahiran insaniah, daya saing dan daya ketahanan untuk meningkatkan kebolehpasaran serta keupayaan pelajar menerokai peluang kerjaya.

Background

It is part of the responsibilities of Student Affairs Division to ensure that the provisions with regards to students' Affairs in the Universities and University College Acts (AUKU) 1971 are obeyed. The Student Affairs Division is also responsible in monitoring the management of students, their welfare and discipline., as well as managing the student welfare policies in relation to all aspects of the establishment of university students' community, conducive environment and facilities including transportation, food, health, security, culture and sports in order to maintain the quality of education and harmony with the public.

Organisation of Activities

Throughout 2008, the units, clubs and associations in The Student Affairs Division have successfully organised a total of 175 student development programmes at internal, external, collaborative, regional and international levels. Some of the objectives of the organisation of these activities for the students include to develop their personality, intellect and integrity as well as to enhance competitiveness among USIM students. Student Affairs Division has also conducted numerous activities that contribute to the enhancement of soft skills and competitive skills in order to increase their marketability as well as their potential in exploring career opportunities.



Bil	Program/ Aktiviti	Tarikh / Tempat
1.	Program Minggu Taaruf Pelajar Baru Tamhidi Sesi 2008/2009 Perasmian : Naib Canselor USIM	31 Mei - 1 Jun 2008
2.	Program Minggu Taaruf Pelajar Sarjana Baru Muda Sesi 2008/2009 Perasmian : YB Dato' Idris Harun Timbalan Menteri 1 , KPT	27 - 30 Jun 2008
3.	Majlis Perasmian Pelancaran Sambutan Bulan Kemerdekaan Peringkat HEP Perasmian : Tim. Naib Canselor (HEPA)	17 Ogos 2008
4.	Minggu Integriti Pelajar 2008 Perasmian : Naib Canselor USIM	28 Jan - 2 Feb 2008
5.	Festival Lagu Asli MAKUM 2008 Perasmian : Y.Berhormat Senator Tan Sri Jins Shamsudin	18-19 Januari 2008
6.	Program Penggalakkan Keterampilan Anggun (PEKA) Perasmian : Naib Canselor USIM	26-28 Mac 2008
7.	Festival Cipta Lagu Patriotik (CIPTA) Perasmian : Pengerusi Lembaga Pengarah USIM	2 Ogos 2008
8.	Sanggar Puisi Antarabangsa Nur Fitri 1429H 2008M Perasmian : Pengerusi Lembaga Pengarah USIM	15 Oktober 2008
9.	Kunjungan Budaya Kasih Serumpun II	Disember 2008 Jakarta, Bandung, Indonesia
10.	Kursus Intensif Bahasa Arab	11 Mei- 13 Jun 2008, Jordan
11.	Pertandingan Debat Bahasa Arab Sekolah Menengah Peringkat kebangsaan Perasmian : Tim. Naib. Canselor HEPA	Jun 2008
12.	Pertandingan Debat Bahasa Arab Peringkat IPT ASEAN Perasmian : Imam Besar Masjid Negara	Julai 2008
13.	Program Pertukaran Pelajar Antarabangsa USIM Perasmian : Tim. Naib. Canselor HEPA	Ogos 2008
14.	Majlis Anugerah Kepimpinan Siswa USIM (MAKSUM) Perasmian : Naib Canselor USIM	24 Dis 2008
15.	Seminar Seronoknya Belajar di Universiti Perasmian : Tim. Naib. Canselor HEPA	26 Januari 2008 DKF 1.2, FKP
16.	Program Menuju Puncak II (Untuk pelajar yang memperoleh CGPA di bawah 2.5. Perasmian : Tim. Naib. Canselor AA	8-10 Februari 2008 Nur lembah Pangsun, Hulu Langat
17.	Program Motivasi jati Diri (untuk pelajar-pelajar Kolej Matrikulasi Melaka) Perasmian : Tim. Naib. Canselor HEPA	29 Februari- 2 Mac 2008 Kolej Matrikulasi Melaka
18.	Kempen dan Seminar Kesedaran Dadah dan AIDS Perasmian : Tim. Naib. Canselor HEPA	26-30 Februari 2008 DKF 1.2, FKP
19.	Seminar Pahit Manis Percintaan Perasmian : Tim. Naib. Canselor HEPA	30 Mac 2008 DKF 1.2, FKP
20.	Kem Pemantapan sahsiah Perasmian : Tim. Naib Canselor HEPA	28-30 Mac 2008 Pusat Pembangunan Akidah, JAKIM Jelebu N. Sembilan
21.	Malam Perdana Siswa " The Beauty of Camelia" Perasmian : Tim. Naib Canselor HEPA	1 April 2008 Hotel The Royal Bintang, Seremban

Bil	Program/ Aktiviti	Tarikh / Tempat
22.	Ihya' Ramadhan Perasmi: Tim. Naib Canselor HEPA	Sepanjang bulan Ramadhan Sept 2008 Surau Camelia Court & Dataran Camelia Court
23.	Program Mukhayam Tarbawi	23-25 November 2008 PD Sanctuary Resort
24.	Program Motivasi Kepimpinan dan Ramah Mesra KKP	Sepanjang Semester 2 2007-2008
25.	Malam Perdana Siswi KKMC Perasmi : Tim. Naib Canselor HEPA	Mac 2008
26.	Program Motivasi dan Kursus Kepimpinan Ketua Paras dan Unit	Oktober 2008 Nur Lembah Pangsun
27.	Kempen Minggu Kesedaran Dadah & Aids	26, 27, 28 Februari 2008 Lobi FKP dan Unit Kesihatan Pelajar PKP
28.	Kempen Gaya Hidup Sihat	13 & 14 Mac 2008 PKP
29.	Kempen Derma Darah Sempena Bulan Kemerdekaan	18, 19, 20 Ogos 2008 Lobi FKP
30.	Kursus Basic Life Support	1 November 2008 Wad, UKP





**FAKULTI PENGAJIAN
QURAN DAN SUNAH**

**FACULTY OF QURANIC
& SUNNAH STUDIES**

FPOS

PENGENALAN

Tahun 2008 menyaksikan perkembangan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah (FPQS). Pelbagai aktiviti / program fakulti dapat dilaksanakan dengan lancar dan jayanya. Kerjasama utuh dan jitu di antara kakitangan akademik dengan kakitangan pentadbiran serta para pelajarnya telah membawa hasil yang memberansangkan.

KEMUDAHAN DI PERINGKAT FAKULTI

- a) Makmal Hadith untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran kursus-kursus hadith
- b) Makmal Braille al-Quran bagi kegunaan pengajaran dan pembelajaran kursus Applikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah
- c) Makmal komputer untuk kursus-kursus yang berkaitan dengan aplikasi multimedia dan pengurusan maklumat.

Pelbagai kemudahan kini sedang dalam rangka persiapan dengan kewujudan Bangunan FPQS yang akan siap pada tahun 2009 kelak.

KECEMERLANGAN PELAJAR

Para pelajar FPQS juga tidak ketinggalan dalam memajukan diri dan pencapaian akademik masing-masing. Seramai 229 orang pelajar telah disenaraikan sebagai penerima Anugerah Dekan sepanjang dua sesi pengajian meliputi 4 tahun pengajian.

INTRODUCTION

Year 2008 has witnessed a positive growth and achievement of Faculty of Quranic and Sunnah Studies. Various activities and programmes have been held successfully. A collective cooperation among faculty's academicians and the management staff and students has yield encouraging results for the faculty.

FACILITIES AT THE FACULTY

At the time being, FPQS maintains the available facilities. The equipment is improved from time to time. For example,

- a) Hadith Laboratory in relation to the teaching and learning the Hadith subjects,
- b) Braille al-Quran Laboratory in relation to the teaching and learning process of the "Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah" course ;
- c) Computer Laboratory in relation to Multimedia Application and Information and Management Courses.

Other facilities and equipment are in progress in line with the FPQS builing that will be occupied in year 2009.

STUDENT'S EXCELLENCE

Students of FPQS have improved and placed themselves in the academic achievement of the University. In 2008, there were 229 students listed as the Dean's List.



AKTIVITI PEMBANGUNAN PELAJAR

Sepanjang 2008 FPQS telah menganjurkan pelbagai aktiviti sebagaimana berikut:

STUDENT'S DEVELOPMENT ACTIVITIES

Besides, there were various activities conducted by the faculty in 2008 listed as follows:

Jadual 1: Aktiviti dan program yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2008

Table 1 : Activities and Programmes in Year 2008

Bil	Aktiviti/Program	Tarikh / Tempat
1.	Bengkel Sinergi Kecemerlangan Akademik FPQS 2008	18 - 20 Januari 2008 Dusun Eco Resort Pahang
2.	Bengkel Tahsin al-Quran Siri 1/2008	30 Januari 2008 BKS 2.1-2.9 FSU
3.	Minggu Integriti Pelajar FPQS	USIM
4.	Bengkel Pemantapan Perisian Multimedia (Macromedia Flash 8)	Makmal Komputer 01 FSU
5.	Perjumpaan Dekan dengan pelajar yang tidak memenuhi spesifikasi pengajian bagi semester I, sesi akademik 2007/2008	28 Februari 2008 Bilik Mesyuarat Dekan FPQS
6.	Majlis Anugerah Dekan FPQS, Semester I, Sesi Akademik 2007/2008	12 Mac 2008 DKP2
7.	Nadwah Ilmiyyah Siri 1 /2008	19 Mac 2008 DKF 1.1 FSU
8.	Bengkel Tahsin al-Quran Siri II/2008	2 April 2008 BKS 2.1-2.9 FSU
9.	Program Khidmat Bakti Para Pelajar Tahun 3, Program Sunnah dengan Pengurusan Maklumat kepada Perpustakaan USIM	Februari – April 2008 Perpustakaan USIM
10.	Bengkel Latihan Amali FPQS 2008	4-6 April 2008
11.	Minggu Taaruf Pelajar Baru FPQS Sesi 2008/2009	7 – 8 Julai 2008 DKP 3
12.	Bengkel Projek Ilmiah Pelajar Tahun Akhir FPQS Sesi 2008/2009	12 – 19 Julai 2008 DKF1.1 FSU
13.	Klinik Intensif Al-Quran (KiQ) 2008	14 – 17 Julai 2008 Bilik – bilik pensyarah terbabit
14.	Program "Sunnah Information Management Day 2008 (SIMS Day)"	23 – 24 Ogos 2008 Hutan Lipur Ulu Bendul, Kuala Linggi
15.	Program Membongkar Rahsia Kecemerlangan dan Kebahagiaan	6 – 8 September 2008 DKP3
16.	Seminar Kajian Quran dan Hadis di Era ICT 2008	18 Oktober 2008 DKF 1.1 FSU
17.	Bengkel Perkhemahan Bahasa Arab 2008, FPQS	22 – 24 November 2008 KM Chalet, Kuala Linggi, Melaka.
18.	Majlis Anugerah Dekan Semester II, Sesi Akademik 2007/2008, FPQS	22 Oktober 2008 DKF 1.1 FSU
19.	Bengkel Pengukuhan dan Pembangunan Penyelidikan 2008, FPQS	22-24 Oktober 2008 A' Famosa Resort, Melaka

Jadual 2: Lawatan yang telah dilaksanakan Sepanjang Tahun 2008

Table 2: Lists of Visits in 2008

Bil	Aktiviti/Program	Tarikh / Tempat
1.	Lawatan Akademik Ke Sekolah Rendah Kebangsaan Khas Princess Elizabeth School ,Johor Baharu, anjuran Para Pelajar Program Sunnah Pengurusan Maklumat (SPM) dengan kerjasama FPQS	21 – 22 Mac 2008 Sekolah Rendah Kebangsaan Khas,Princess Elizabeth School ,Johor Baharu
2.	Lawatan dan Taklimat Sehari Ke Perpustakaan Negara Malaysia	16 Ogos 2008 Perpustakaan Negara Malaysia

KECEMERLANGAN PROGRAM**Kursus/ Latihan/ Bengkel Yang Dihadiri**

Pembangunan organisasi juga diberi penekanan dalam usaha memastikan kakitangan akademik dan pentadbiran FPQS tidak ketinggalan untuk mendapatkan latihan atau kemahiran yang diperlukan bagi peningkatan prestasi kerja di dalam perkhidmatan. Pelbagai kursus, bengkel, atau latihan anjuran pihak dalaman maupun luaran telah dihadiri dengan jayanya oleh kakitangan berkenaan.

PROGRAMME EXCELLENCE**Organizational Development (Courses/ Training/ Workshops)**

The Organizational Development had been emphasized to ensure that the academicians and the administrative staff get the appropriate training and skills to enhance their quality of services. The staff had successfully participated in varies courses, workshops, and training.

Jadual 3: Kursus / Latihan / Bengkel Kakitangan Yang Telah Dilaksanakan Sepanjang Tahun 2008

Table 3: Course/Training/Workshop in 2008

Bil	Program / Aktiviti	Tarikh
1.	Lawatan Profesor Pelawat FPQS dengan kakitangan dan pelajar FPQS (pelbagai pengisian diadakan sepanjang September 2008)	Sepanjang September 2008
2.	Seminar Kajian Quran dan Hadis di Era ICT 2008	16 Oktober 2008
3.	Bengkel Penaksiran Soalan Peperiksaan Akhir Semester II, Sesi Akademik 2007/2008	30 Ogos 2008
4.	Bengkel Pengukuhan dan Pembangunan Penyelidikan FPQS 2008	22-24 Oktober 2008
5.	Bengkel Kemahiran Braille Bagi Tenaga Pengajar Kursus Aplikasi Braille Dalam Pengajian Quran dan Sunnah (QAA4013) FPQS	20 November 2008

PENERBITAN PUBLICATION**Jadual 4: Penerbitan di Peringkat Fakulti Sepanjang Tahun 2008**

Table 4: Faculty Publication Throughout 2008

Bil	Perkara / Item	Tajuk / Title
1.	Buku Terbitan 2008 Penulis : Dr Abdul Rahman Obeid Hussein	Attartib Attauqifi
2.	Buku Penulis : Ahli Akademik FPQS	Isu Semasa Pengajian Quran dan Sunnah (Siri 4)
3.	Jurnal Penulis : Ahli Akademik dari dalam dan luar FPQS	Maalim Al-Quran Wa Al-Sunnah (Siri 2)
4.	Buletin Jawatankuasa Buletin FPQS	As-Sahifah



**FAKULTI SYARIAH &
UNDANG-UNDANG**

**FACULTY OF SYARIAH
AND LAW**

FSU

PENGENALAN

Fakulti Syariah dan Undang-undang menawarkan program-program peringkat pra-siswazah dan siswazah yang mengambil kira keperluan dan pasaran semasa khususnya kerjaya di bidang perundangan sivil dan syariah.

Antara matlamat utama kedua-dua program ini ialah untuk menghasilkan graduan yang berkemahiran dalam bidang syariah dan undang-undang serta bidang fiqh dan pengurusan fatwa dari segi teori dan amali secara bersepadu dan profesional dalam menangani masalah-masalah semasa.

Fakulti juga menyediakan program Tamhidi (Matrikulasi) di bawah pengendalian Pusat Tamhidi kepada pelajar-pelajar yang akan mengikuti Program Sarjana Muda Syariah dan Undang-undang. Setiap program yang ditawarkan telah mengambil nasihat, pandangan serta kepakaran daripada panel dalam dan luar negara.



KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN FAKULTI PERINGKAT ANTARABAGSA

ISCOM 2008 ini adalah antara usaha yang diambil oleh Fakulti Syariah dan Undang-undang, USIM untuk mempromosikan persefahaman yang lebih baik mengenai kepelbagian sistem undang-undang di dunia di samping melihat kepada konflik, pertembungan dan persamaan dalam kepelbagai sistem perundangan. Ianya merupakan seminar antarabangsa undang-undang perbandingan pertama yang dianjurkan di Malaysia. ISCOM 2008 telah berjaya diadakan selama dua hari iaitu pada 18-19 November 2008 di Hotel Marriott, Putrajaya.

INTRODUCTION

Faculty of Syariah and Law offers undergraduate programmes taking into account the current needs in the Syariah and civil law profession. The undergraduate programmes are Bachelor of Syariah and Law with Honours and Bachelor of Fiqh and Fatwa with Honours.

Among the main aims of the programmes offered by the faculty are that to produce skilled graduates in Syariah and law as well as in Fiqh and Fatwa. They should be competent both theoretically and practically in facing and solving issues pertaining to their respective disciplines.

The faculty also offers Tamhidi programme (matriculation) to prepare students before they join the Bachelor of Syariah and Law with Honours programme. All programme introduced by the faculty are reviewed and consulted with local and international experts in the area so as to result in a sound system of curriculum for the students.

FACULTY ACHIEVEMENTS AT THE INTERNATIONAL LEVEL -ISCOM2008

The faculty, together with Yayasan Taqwa Wilayah Persekutuan and Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia had successfully organised the International Seminar on Comparative Law 2008 (ISCOM2008) on 18-19 November 2008 at Marriott Hotel, Putrajaya. Preparations began as early as January and announcements for call for papers were published on websites such as the USIM portal, Law Conferences Worldwide, AllConferences.com. and the ISCOM website itself.

SCOM2008 had received overwhelming response from presenters and participants from many countries, among them are Jordan, Qatar, Morocco, Philippines, Thailand, Indonesia, United Kingdom, Turkey, Spain and South Africa. There were also many presenters from local universities and governmental departments.

The idea of organising this seminar stemmed from the awareness to bring together academic discussions on the various legal systems which are practised around the world. By having such a forum, scholars, academicians, practitioners and others in the legal fraternity are able to share views, opinions on the legal systems.

Seminar ini telah dirasmikan pembukaannya oleh Y.A.A Tan Sri Dato' Seri Zaki Tun Azmi, Ketua Hakim Negara Malaysia. Majlis penutup pula dirasmikan oleh Timbalan Menteri di Kementerian Pengajian Tinggi iaitu YB Dato' Idris bin Haron. Diantara tetamu khas yang hadir pada majlis pembukaan dan penutup tersebut ialah Naib Canselor Universiti Sains Islam Malaysia, wakil-wakil penganjur bersama iaitu Yayasan Taqwa Malaysia, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan Lembaga Tabung Haji Malaysia, pembentang-pembentang jemputan, moderator-moderator dari universiti lain, wakil-wakil universiti dan jabatan-jabatan kerajaan.

PENULISAN BUKU DAN ARTIKEL 2008
2008 ARTICLES AND BOOK PUBLISHING

Bil	Tajuk Buku / Artikel	Penerbit
1.	Manhaj Pengeluaran Fatwa Dalam Fiqh Islam Penulis/ Penyunting: Prof. Dr. Hj Abdul Samat Musa	Kaci Trading Sdn Bhd
2.	"Reporting the Court by Press: A Legal Perspective", Penulis/ Penyunting: Izawati Binti Wook	USIM
3.	"Compensation Order Provisions by Criminal Court in Malaysia and United Kingdom" Penulis/ Penyunting: Izawati Binti Wook	Prosiding: International Seminar of Comparative Laws (ISCOM 2008)
4.	'Perlindungan kanak-kanak di Internet' Kajian Syariah dan Undang-undang (Siri ke 4). Nilai: FSU, Penulis/ Penyunting: Syahirah Abdul Shukor	FSU
5.	'Protecting Children's Right in the Internet: Challenges. A Preliminary Study Based on Malaysian Experience', in Chandana, G (ed.) Penulis/ Penyunting: Syahirah Abdul Shukor	Online Protection in Asia. India: Institute of Chartered Financial Analysts of India.
6.	"Deciphering Article 3 and Article 11: An unending endeavor?" Penulis/ Penyunting: Mohd Hazmi bin Mohd Rusli, Amalina binti Ahmad Tajuddin, Nawal binti Sholehuddin	Percetakan Putrajaya S/B (Proceedings ISCOM 2008)
7.	"Promoting Understanding and Cooperation Among European and Islamic Legal Systems in the Field of Human Rights Protection" Penulis/ Penyunting: Eleonora Mesquita Celia , Mohd Hazmi bin Mohd Rusli, Nawal binti Sholehuddin	Percetakan Putrajaya S/B Proceeding International Seminar on Comparative Law 2008
8.	"Genocide: Multiculturalism's Worst Case Scenario" [2008] 5 Malayan Law Journal MLJ lxxviii (September-October 2008) Penulis/ Penyunting: Norfadhilah Mohd Ali.2008	Lexis Nexus Malayan Law Journal
9.	"Sejarah Perkembangan Dan Kemajuan Sistem Perbankan Islam Di Malaysia. Buku Sains Islam Merentasi Zaman Sempena Pertukaran Nama dari KUIM ke USIM. Penulis/ Penyunting: Syaryanti Hussin	USIM
10.	"Kepakaran Perubatan Dalam Proses Mengeluarkan Fatwa Perubatan Di Malaysia: Analisa Fatwa Terpilih". Jurnal berwasit Penulis/ Penyunting: Syaryanti Hussin	USIM
11.	"The Syariah Concept Of Tamlik And Ihyā' Al Mawat: A Case Study Of The Claim Of Sovereignty Over Pulau Batu Puteh / Pedra Branca, Middle Rocks And South Ledge" Penulis/ Penyunting: Syaryanti Hussin and Norfadhilah Mohd. Ali	Proceeding International Seminar on Comparative Law 2008. Anjuran Syariah dan Undang-undang, USIM
12.	Open University Malaysia (OUM) Subjek Pendidikan Islam HBIS 2103. Penulis/ Penyunting: Syaryanti Hussin	Open University Malaysia
13.	"Space Debris: Current Challenges and Legal Framework" [3rd Conference of Law & Technology 2008] anjuran UKM-Univ. of Tasmania Penulis/ Penyunting; En. Norman Zakiyy	UKM-Univ. of Tasmania
14.	"An Analysis of Online Dispute Resolution in the ADR" [3rd Conference of Law & Technology 2008] anjuran UKM-Univ. of Tasmania Penulis/ Penyunting: En. Norman Zakiyy	UKM-Univ. of Tasmania
15.	"Mediation: Does it qualify as an effective 'fast-track' dispute resolution?" Penulis/ Penyunting: En. Norman Zakiyy	Proceeding International Seminar on Comparative Law 2008

KECEMERLANGAN PELAJAR

Pada tahun 2008, pencapaian akademik pelajar adalah membanggakan berikut adalah butiran ringkas bilangan pelajar Fakulti Syariah Undang - Undang yang menerima Anugerah Dekan pada Semester II Sesi Akademik 2007/2008 dan Semester I Sesi Akademik 2008/2009:

Pelajar FSU yang menerima Anugerah Dekan FSU Students Recieving Dean's List

Semester / Sesi	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Jumlah
Semester II Sesi Akademik 2007/2008	-	22	4	4	30
Semester I Sesi Akademik 2008/2009	-	21	12	14	47

KEMUDAHAN DI PERINGKAT FAKULTI FACILITIES IN THE FACULTY

Jenis Kemudahan		Butiran
Dewan Kuliah	Dewan Kuliah Pusat <i>Kapasiti: 500 org</i>	
	Dewan Kuliah Fakulti <i>Kapasiti : 250 org</i>	
Bilik Seminar (Bilik Tutorial)	Bilik Tutorial <i>Kapasiti : 50 org</i>	
	Dewan Peperiksaan <i>Kapasiti : 100 org</i>	
Kemudahan Komputer	Makmal Komputer <i>Kapasiti : 40 org</i>	
	Komputer Pensyarah / Tutor <i>Nisbah 1: 1</i>	
	Komputer Kegunaan Umum Kakitangan	
Makmal Bahasa	Makmal Bahasa Kegunaan : <i>Umum</i> <i>Kapasiti : 30 org</i>	
Mahkamah Moot	Mahkamah Moot Syariah dan Undang-Undang <i>Kapasiti: 60 org</i>	
Bilik Sumber Fakulti	Bilik Sumber Fakulti	
Bilik Siswazah	Bilik Siswazah FSU <i>Kapasiti : 25 org</i>	

STUDENT EXCELLENCE

In the year 2008, the academic achievement of the students receiving Dean's List for Semester II Academic Session 2007/2008 and Semester I, Academic Session 2008/2009 are as follows:

Program Akademik Dan Kemahiran Insaniah Fakulti Syariah Dan Undang-Undang 2008 Academic Programmes And Soft Skills Faculty Of Syariah And Law

Bil	Aktiviti/Program	Tarikh / Tempat
1.	THE PROFESSIONALS	Setiap Rabu awal bulan Bilik Mesy. Ulama FSU
2.	MINGGU INTEGRITI PELAJAR FSU <i>Ceramah</i> <i>Perasmian Peringkat Universiti</i> <i>Bengkel</i> <i>Forum</i> <i>Khidmat Masyarakat Fakulti</i>	28 & 30 Jan 2008 (Isnin & Rabu) 29 January 2008 USIM FSU 31 January 2008 USIM FSU 1 Februari 2008 USIM FSU 2 Februari 2008 USIM FSU Rantau N. Sembilan
3.	KEM MEMBURU KEGEMILANGAN 2008 FSU	Lembah Azween, Hulu Langat. Selangor
4.	Diskusi Syariah dan Undang-Undang	Dewan Kuliah, FSU
5.	Bengkel Pengisian Laman Web FSU	Empress Hotel, Bandar Baru Salak
6.	MINGGU GERAKAN MEMBACA	FSU
7.	MAJLIS TAARUF FSU	FSU
8.	MAJLIS JAMUAN TAHUNAN FSU 2008	Stadium Tertutup Nilai, N. Sembilan
9.	BENGKEL PENYEDIAAN DOKUMEN UNTUK TUJUAN PENGIKTIRAFAN PROGRAM IJAZAH SARJANA MUDA	Bagan Lalang Sepang
10.	IFTAR JAMA' II	FSU
11.	SEMINAR ANTARABANGSA UNDANG-UNDANG PERBANDINGAN 2008 (ISCOM 2008)	Marriot Hotel Putrajaya
12.	KEM CEMERLANG 2008	Al Azhar Kem Morib



**FAKULTI KEPIMPINAN
DAN PENGURUSAN**
**FACULTY OF LEADERSHIP
AND MANAGEMENT**

FKIP

PENGENALAN

Tahun 2008, pelbagai kejayaan telah dicapai oleh Fakulti khususnya dari segi pembangunan dan sahsiah pelajar. Penglibatan tenaga akademik di dalam penyelidikan universiti, persidangan dan penerbitan turut membuka lembaran baru buat fakulti untuk menempah nama seiring dengan penubuhan fakulti-fakulti lain yang ada di USIM ini. Kesudian pihak universiti dalam memberikan peruntukan aktiviti kepada fakulti juga merupakan faktor utama dalam merealisasikan matlamat fakulti dan secara tidak langsung membolehkan pelbagai program dilaksanakan dengan jayanya. Usaha ini ternyata tidak hanya tertumpu kepada kakitangan fakulti sahaja malahan kerjasama dan juga komitmen yang jitu daripada para pelajar turut membawa hasil yang cukup bermakna buat warga fakulti.

1.1 KEMUDAHAN DI PERINGKAT FAKULTI

1.1.1 Program Kaunseling

Makmal Kaunseling Keluarga :

Menjalani makmal kemahiran kaunseling keluarga dan pasangan secara teknikal kaunseling keluarga dan pasangan.

Makmal Kaunseling Kanak-kanak:

Menjalani makmal kemahiran kaunseling kanak-kanak dan remaja melalui aktiviti terapi bermain, terapi seni, terapi muzik, terapi bercerita, terapi psikologi alam dan terapi pasir.

Makmal Kaunseling Individu:

Menjalani sesi kaunseling antara kaunselor dan pelanggan.

Makmal Kaunseling Kelompok:

Menjalani aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran Kaunseling Kelompok dan aktiviti penyelidikan Kaunseling Kelompok.

1.1.2 Program Komunikasi

Makmal Kewartawanan:

Menjalani kelas atau menjadi bilik kewartawanan untuk mengumpul data untuk terbitan sebuah akhbar.

INTRODUCTION

A lot of success was achieved by the faculty especially in field of student development including moral, activities and academic achievement. The involvement of academicians in research, conferences, and various publications has paved the way for the faculty to be more competitive with other faculties in USIM. Budget given by university to faculty also was one of the main factors in realizing the faculty's goal and the same time a lot of programs had been done successfully. The reason behind all this achievement is not only because of the great effort from faculty's staff but also from students who work together to built up this faculty.

1.1 FACILITIES IN THE FACULTY

1.1.1 Counseling Program

Family Counseling Lab:

Facility for students to learn how to conduct counseling session for family and married couple.

Children Counseling Lab:

Facility for students to learn how to conduct counseling session for kid and teenager by using play therapy method, art therapy, music therapy, story telling therapy, nature psychology therapy, and sand therapy.

Individual Counseling Lab:

Facility for students to learn how to conduct counseling session between counselor and client.

Grouping Counseling Lab:

Facility for students to learn how to conduct counseling session in group

1.1.2 Communication Program

Journalism Lab:

Discussion room to collect all data before publishing the news.



Makmal Multimedia dan Komunikasi:

Pembelajaran untuk multimedia dan komunikasi sebagai tempat pra editing dan produksi.

Studio TV:

Untuk menjalankan rakaman multi kamera production dan rakaman yang memerlukan latar belakang dan penonton.

Studio Radio:

Fungsi ialah bagi memancarkan signal radio melalui internet ke warga USIM dan seluruh Malaysia dan ia juga berfungsi sebagai rakaman audio.

Makmal Komputer:

Berfungsi sebagai kelas multimedia dan perjumpaan pelajar untuk proses pengajaran dan pembelajaran.

Bilik Suntingan:

Menjalankan proses suntingan video dan audio dengan menggunakan aplikasi final cut pro.

1.2 KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN FAKULTI

1.2.1 Penulisan Buku

Sebanyak 8 buah buku telah dihasilkan oleh kakitangan akademik fakulti ini. Berikut menunjukkan pencapaian fakulti dalam menghasilkan penerbitan, penulisan, artikel, jurnal muzakarah dan buku:

Multimedia and Communication Lab:

This lab is used as a lab for pre editing and production

TV Studio:

For recording multi camera production and recording in situation that need audience and background picture.

Radio Studio:

As radio centre using internet to give information in USIM and Malaysia. It is also used as recording studio.

Computer Lab:

It is used as a multimedia class for teaching and learning purpose.

Editing Room:

For video and audio editing purposes using final cut pro application.

1.2 FACULTY'S ACHIEVEMENT AND ACCOMPLISHMENT

1.2.1 Writings And Publication

Eight books had been produced by the academic members of the faculty. The table below show the achievement of faculty in publication which include books, article, journals, the compilation of articles or chapters in book and from FKP muzakarah programmes:

Penulisan dan Penerbitan
Writings and Publications

Bil	Nama Penulus & Penulis Bersama (Jika Ada)	Tajuk Buku
1.	Roslizawati Ramly	Artikel: Faktor-faktor Pemelukan Islam Di Kalangan Orang Cina Di Malaysia Contemporary Issues and General Studies
2.	Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi & Mohd Rosmizi Abd Rahman	Penekatan Islam Dalam Penyelesaian Gejala Sosial
3.	Mahazan Abdul Mutalib & Wan Mohd Fazrul Azdi (Nilai FKP, USIM)	"Islam Sebagai Medium Penghapus Budaya Permisif" in Mahazan Abdul Mutalib, Wan Mohd Fazrul Azdi and Mohd Rosmizi Abd Rahman. Pendekatan Islam Dalam Penyelesaian Gejala Sosial
4.	Khatijah Othman & marina Munira Abdul Mutalib	Penulisan Buku Fakulti - Manual Peribadi Remaja Muslim: Mencari Identiti Unggul Generasi Warisan (Sempena Persidangan Kebangsaan Pencegahan Penyalahgunaan Dadah – Prevent 2008)
5.	Dr. Kamaluddin Nurdin Marjuni	Mauqif az-Zaidiah wa Ahli as-Sunnah min al-Bathiniah wa Falsafatuha. Dar al-Kutub al-Ilmiyah, Beirut Lebanon
6.	Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo	Pengenalan Ilmu Tasawuf
7.	Muhammad Khairi Mahyuddin	Pencegahan Pemulihan Dadah Melalui Psikospiritual Islam
8.	Mahazan Abdul Mutalib, Wan Fazrul Azdi Razali dan Mohd Rosmizi Abd Rahman	Etika Agama: "Penawar Masalah Gejala Sosial"

1.2 KONSULTASI

1.2 Consultation

Bil	Nama	Organisasi
1.	Mahazan Abdul Mutalib	Biro Penerbitan : Sekreteriat Pendakwah Muda Kebangsaan
2.	Prof. Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo	Daru Dakwah Wal Irsyad (DDI) Sulawesi Selatan
3.	Prof. Madya Dr Syamsul Bahri Andi Galigo	Kerukunan Keluarga Sulawesi Selatan (KKSS) Se Malaysia

1.2.3 Artikel Dalam Prosiding

1.2.3 Articles In Proceedings

Bil.	Tajuk Artikel & Nama Editor	Nama Penulis dan Penulis Bersama (Jika Ada)	Tajuk Prosiding (Nama Persidangan)
1.	Double-Major Programmes as a Policy to Overcome the Problem of Graduates Unemployment in Malaysia	Mahazan Abdul Mutalib	International Seminar on the Integration of Science and Religion at the Hotel Mercure, Makassar, South Sulawesi, Indonesia. 15-16th November 2008. Organized by UIN Alauddin, Makassar and in collaboration with the Faculty of Leadership and Management, Islamic Science University of Malaysia.
2.	Konsep Al Wasatiyyah Dalam Penghayatan Keagamaan dan Sains	Yuseri Ahmad & Mohd Rosmizi Abd Rahman	Seminar Antarabangsa Integrasi Sains dan Agama
3.	Kertas Kerja: "Values – Based Learning: The Embedment and Integration of Knowledge From Islamic Perspectives. (A Brief Overview of Universiti Sains Islam Malaysia – USIM's Experiences)"	Khatijah Othman	International Conference on the Integration of Religion and Science Tarikh: 14-16 November 2008 Tempat: Alauddin State Islamic University (IAIN), Makassar Indonesia

Bil.	Tajuk Artikel & Nama Editor	Nama Penulis dan Penulis Bersama (Jika Ada)	Tajuk Prosiding (Nama Persidangan)
4.	Kertas Kerja: "Enhancing Islamic Cataloguing System and Cataloguer: an approach to the managerial concept of human and material resources Editor: CD	Khatijah Othman & Noraz-zah Momin	World Congress of Muslim Librarians and Information Scientists 2008 Tarikh: 25-27 November 2008
5.	Membina Jati Diri Pendakwah Dari Perspektif Umdat Al- Muhtadin Editor; Mohd Syukri Abdullah	Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo	Seminar Penyelidikan "Umdat al-Muhtadin
6.	Dai Penyair Sufi "Serambi Mekah Aceh" Editor: Othman Talib	Prof. Madya Dr. Syamsul Bahri Andi Galigo	Seminar Dakwah, Kerohanian dan Qiyadah
7.	Integration of Religion and Science: A Brief Analysis from the Islamic Spirituality Perspectives	Dr. Mohd Rushdan Mohd Jailani	Proceeding Internatioanl Conference of the Integration of Science and Religion
8.	Proses Komunikasi Dalam Rawatan Pemulihan Dadah: Kajian Kes Terhadap Pondok Remaja Inabah, Kuala Nerang, Kedah (Prosiding dalam bentuk CD)	Suria Hani A. Rahman, Mohd Faizal Kasmani, Noor Adzrah Ramle dan Muhammad Khairi Mahyuddin	PREVENT 08 Perinkat Kebangsaan
9.	Konsep Al-Wasatiyyah (Kesederhanaan) Dalam Penghayatan Keagamaan dan Sain	Yuseri Ahmad Mohd Rosmizi Abd Rahman	Seminar International Integrasi Sains dan Agama
10.	Islam and Science: An Observation on the Theological Foundation	Mohd Radhi Ibrahim	International Conference on Religion and Science

1.2.4 Penulisan Dalam Himpunan dari Program Muzakarah FKP

Compilation of Articles from FKP Muzakarah Programs

Bil	Nama Penulis	Tajuk Penulisan
1.	Muhammad Khairi Mahyuddin	Pembersihan Jiwa dan Kaunseling Menurut Pendekatan Islam Dalam Menangani Masalah Akhlak Ummat Manusia
2.	Mazni Hj. Buyong Mohd Faizal Kasmani Suria Hani A. Rahman Noor Adzrah Ramle	Religious Theme in Films



1.3 KECEMERLANGAN PELAJAR

STUDENT ACHIEVEMENTS

Bil.	Kejayaan
1.	Dapat menjadi 5 peserta terbaik di dalam festival video dokumentari di UPM
2.	Pelajar tahun satu Program Dakwah dan Pengurusan Islam mendapat Anugerah biasiswa Tuanku Abdul Rahman
3.	Pelajar dari Sarjana Muda Komunikasi mendapat Anugerah Pelajaran Diraja Pingat Jaya Cemerlang
4.	Mendapat Anugerah Pingat Emas Naib Canselor
5.	Mendapat hadiah Buku Universiti
6.	Mendapat Anugerah Ko-Kurikulum
7.	Johan futsal SUFA
8.	Naib Johan Debat IKIM
9.	Naib Johan Bengkel Penulisan Kreatif 2008
10.	Johan Cipta lagu petrotik dengan banduan Kajang
11.	Johan badminton SUFA
12.	Naib Johan Pencak Silat MASUM
13.	Naib Johan Pencak Silat Antarabangsa MMU
14.	Tempat Ke tiga Pencak Silat Terbuka UM
15.	Menjadi pembentang kertas kerja dalam Konvensyen Mahasiswa Utara 2008 di UUM
16.	Pelajar tahun akhir menerima Anugerah Perdana Siswa USIM
17.	Johan Badminton beregu SUFA
18.	Tempat Ke tiga bola sepak dalam liga bola sepak USIM
19.	Menjadi Penulis dalam Suara Orang Muda Majalah Dewan Masyarakat DBP
20.	Menjadi Panel Penulis Luar Majalah Cahaya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)
21.	Menjadi ahli Akademi Debat IPT Malaysia dan Alumni Debat Malaysia
22.	Menangi tempat ke dua Marhaban @ ASTRO 2008 peringkat zon Melaka
23.	Naib Johan Pertandingan Nasyid Intervarsiti KUIS
24.	Naib Johan Pertandingan Nasyid Episma Suara Ibnu Sina UM
25.	Johan Pertandingan Nasyid Simfoni Merdeka Masjid KLCC JAWI

1.4 LAWATAN LUAR KE FKP

VISITORS RECEIVED BY FKP

Bil.	Lawatan
1.	Lawatan Delegesi Maldives
2.	Lawatan Sambil Belajar Pelajar Ma'ahad Sultan Ahmad Shah Pahang
3.	Lawatan Sambil Belajar Rumah Kanak-kanak Tengku Budriah Kuala Lumpur
4.	Lawatan Jeddah Saudi Arabia University
5.	Lawatan Sekolah Mengengah Kebangsaan Agama Sharifah Rodziah
6.	Lawatan Kerja Pensyarah Kaunseling UNIMAS
7.	Lawatan Ilmiah Pelajar Kaunseling UMT
8.	Lawatan Kerja Pensyarah Kaunseling UM ke Makmal Kaunseling
9.	Lawatan Ke Makmal Kaunseling FKP Daripada Jabatan Pendidikan Kaunselor, Psikologi UPM
10.	Lawatan Daripada Universitas Negeri Padang Indonesia
11.	Lawatan Daripada Universitas Makassar

1.5 AKTIVITI PELAJAR ANJURAN FAKULTI

Beberapa program dan aktiviti pembangunan pelajar telah dirancang oleh pihak fakulti terutamanya dalam aspek kecemerlangan akademik pelajar, pembangunan semangat berpasukan serta pembangunan sahsiah pelajar. Antara aktiviti pembangunan pelajar yang telah dijalankan oleh FKP sepanjang tahun 2006 adalah seperti di Jadual 1 berikut:

AKTIVITI PELAJAR STUDENT ACTIVITIES

Bil	Nama Program / Aktiviti	Tarikh / Tempat
1.	Program Wacana Ilmiah	Setiap Rabu / Dewan Kuliah USIM
2.	Bengkel Kemahiran Penyeliaan Klinikal dalam Bidang Kaunseling	11-14 Januari 2008 / Makmal Kaunseling FKP
3.	Program Perjumpaan Mega dan Majlis Anugerah Dekan FKP	16 Januari 2008 / DKP3 USIM
4.	Minggu Integriti	29 Januari - 1 Februari 2008 / FKP
5.	Dokumentari Perkembangan Masjid Tertua di Negeri Sembilan	2-4 Februari 2008 / Jelebu, Negeri Sembilan
6.	Dokumentari Pendek Pusat Pengajian Islam Yayasan Al-Jenderami	12 Februari 2008 / Yayasan Al-Jenderami
7.	Program Pembangunan Pelajar	15-17 Februari 2008 / Pantai Kelanang, Morib Selangor
8.	Lawatan Akademik ke Rumah Ehsan	20 Februari 2008 / Rumah Ehsan, Kuala Kubu Baru
9.	Program Muzakarah FKP	26 Februari dan 25 Mac 2008 / DKF 1.2
10.	Program Retreat Pembangunan Pelajar Tahun 1 Program Dakwah dan Pengurusan Islam	28-30 Mac 2008 / Chongkak Park & Resort
11.	Program Pembangunan Pelajar Tahun 2 Program Kaunseling	28-30 Mac 2008 / Kem Al-Azhar, Morib
12.	Program Pemantapan Iman	29 Februari - 2 Mac 2008 / ILIM
13.	Lawatan Akademik Ke Jabatan Perkhidmatan Awam Putrajaya	5 Mac 2008 / JPA, Putrajaya
14.	Lawatan Akademik	28 Mac 2008 / Hospital Bahagia, Ulu Kinta Tjg Rambutan, Perak
15.	Projek Kutipan Dana Bantuan Kanak-kanak Gaza	29 Februari dan 28 Mac 2008 Masjid KLIA dan Masjid Sepang/ Masjid Bandar Baru Nilai dan Surau An-Nur Nilai
16.	Sukan SUFA	19 Januari - 29 Mac 2008 / USIM
17.	Seminar Kebangsaan Kependidikan Halatuju Belia dan Remaja 2008	23-24 Februari 2008 / UIA , Gombak
18.	Motivasi diri dan teknik belajar	14-16 Mac 2008 / Sek Men Agama Bdr Baru Salak Tinggi
19.	Lawatan Akademik dan Teknikal Ke Pusat Serenti Remaja Tiang Dua, Melaka	1 April 2008 / Pusat Serenti Remaja Tiang Dua, Melaka
20.	Kursus Gerakan Missionari Semasa	8 April 2008 / DKF 1.2
21.	Rehlah Ilmiah FKP	14-16 April 2008 / - Pusat Pengajian Islam dan Pem. Sosial UTM - Fakulti Pengurusan & Pembangunan Sumber ManusiaUTM, - Persatuan Darul Arqam Singapura, - Singapore Press Holdings, - Institute Pengajian Al-Zuhri Singapura.
22.	Lawatan Ke Hospital Bahagian Ulu Kinta	9 April 2008 / Hospital Bahagia, Ulu Kinta Tjg Rambutan, Perak
23.	Bengkel Pelaksanaan Terapi Kekeluargaan Dalam Rawatan dan Pemulihan	8 April 2008 / Kampus Caw. Pandan Indah
24.	Bengkel Pemurniaan Mouldul latihan Kursus Asas Dalam Penyalahgunaan Dadah	30 April 2008 / Kampus Caw. Pandan Indah
25.	Lawatan Sambil Belajar	16 Julai 2008 / Jabatan Filem Negara

1.5 ACTIVITIES ORGANISED BY FACULTY

A lot of programmes and activities for student development had been organised by faculty especially focusing on student academic, team building and also in developing good moral value. Below are some activities for student development conducted by FKP for the whole year of 2008:

AKTIVITI PELAJAR
STUDENT ACTIVITIES

Bil	Nama Program / Aktiviti	Tarikh / Tempat
26.	Program Ramah Mesra Bersama Ketua Program Dakwah dan Pengurusan Islam	1 Ogos 2008 / DKP3
27.	Program Kembara Ilmu	9 Ogos 2008 / Pantai Cahaya, P.Dickson
28.	Kursus Pendakwah Wanita	9-10 Ogos 2008 / USIM
29.	Lawatan akademik Sekolah Tunas Bakti Sungai Besi	11 Ogos 2008 / Sek Tunas Bakti Sg. Besi
30.	Program Lawatan Ilmiah ke Pusat Rawatan Islam Manarah	12 Ogos 2008 / Pusat Rawatan Islam Manarah, Sg Buloh Selangor
31.	Program Pelajar tahun 3 Kaunseling	15-17 Ogos 2008 / Kuala Lurau Camping Chalet, Janda Baik Pahang
32.	Retreat Da'wah tahun satu dan dua Program Da'wah	23-24 Ogos 2008 / Bukit Unggul, Bangi Selangor
33.	Diskusi Perancangan dan Strategik Da'wah	27 Ogos 2008 / Yayasan Al-Jenderami
34.	Lawatan akademik ke pertubuhan kebajikan darul islah selangor (PERKID)	27 Ogos 2008 / Penubuhan Kebaikan Darul Islah Selangor
35.	Program Pelajar tahun 4 Kaunseling	29-31 Ogos 2008 / Kuala Lurau Camping Chalet, Janda Baik Pahang
36.	Program Bengkel Pengujian Psikologi Dalam Kaunseling	30 Ogos 2008 / DKP3
37.	Program Pelancaran Ihya Ramadhan 2008 dan Majlis Berbuka Puasa	2 September 2008 / Stadium Tertutup Nilai
38.	Program Sambutan Nuzul Quran FKP	17 September 2008 / Stadium Tertutup Nilai
39.	Ceramah Perkhidmatan Pemulihan Akhlak Di Malaysia "Art Therapy in Drug Rehabilitation Centre"	19 September 2008 / Kampus Caw. Pandan Indah
40.	Bengkel Perancangan dan Strategik Dakwah	20 September 2008 / Masjid Bandar Baru Nilai
41.	Apresiasi Filem dari Pengarah Filem Terkemuka Asia	Setiap Hari Rabu Sem. I 2008/2009 / DKF 1.2
42.	Bengkel Pengarahan Filem/TV dan Bengkel Penulisan Skrip	18-19 Oktober dan 25-26 Oktober 2008 / DKF 1.2
43.	Program Rehlah Ilmiah Program Dakwah dan Pengurusan Islam	18-19 Oktober 2008 / Muzium Kesenian Islam Kuala Lumpur
44.	Bengkel Penulisan Berita	25-26 Oktober 2008 / DKF 1.2
45.	Lawatan Ilmiah Ujian dan Penilaian Psikologi Dalam Kaunseling	28 Oktober 2008 / UKM
46.	Program Lawatan Ilmiah dan Teknikal Antarabangsa Mahasiswa FKP Ke Universitas Negeri Padang Indonesia	8-12 November 2008 / Universitas Negeri Pahang Indonesia
47.	Lawatan Ilmiah Ke Industri	15 November 2008 / ASTRO dan UiTM Shah Alam
48.	Program Khidmat Masyarakat Pelajar Program Da'wah dan Pengurusan Islam FKP	22-26 November 2008 / Felda Pasri Besar Gemas



FAKULTI EKONOMI DAN
MUAMALAT

FACULTY OF ECONOMICS AND
MUAMALAT

FEM

PENGENALAN

Bertekad untuk mencapai kecemerlangan akademik melalui program yang ditawarkan, Fakulti Ekonomi dan Muamalat telah berusaha mendapatkan kepercayaan dan penglibatan badan profesional dan industri di sepanjang tahun 2008. Ini dapat dilihat melalui upacara menandatangani memorandum persefahaman dengan pihak berkepentingan bagi tujuan kerjasama dalam bidang akademik dan beberapa aktiviti khidmat nasihat bersama badan-badan profesional.

KEMUDAHAN DI FAKULTI

Kemudahan yang terdapat di fakulti adalah makmal pelaburan atau dikenali dengan iSTOCK Lab yang dilengkapi dengan monitor touch screen, projektor dan komputer sebanyak 30 unit. Disamping itu, ia juga dilengkapi dengan perisian seperti User Business System (UBS), SPSS, Metastock dan Pathfinder. Alat bantu mengajar yang disediakan oleh fakulti adalah sebanyak 7 unit komputer riba dan 7 LCD disamping visualizer bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran. Walaubagaimanapun keperluan fizikal dan fasiliti bagi tujuan pengajaran dan pembelajaran akan menjadi lengkap selepas perpindahan ke bangunan fakulti yang dijangka siap pada tahun 2009.

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN FAKULTI

Seminar Perbankan dan Kewangan Islam (iBAF08) yang diadakan pada 15-17 Julai 2008 telah dirasmikan oleh Pengerusi Lembaga Pengarah, SME Bank. Satu bengkel khas bertajuk Islamic Structured Product and Derivatives disertai industri dan badan profesional telah dijalankan diawal seminar. Selain itu, fakulti telah menandatangani memorandum persefahaman (MoU) bersama UBS Corporation Sdn.Bhd. International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) dan Financial Planning Association of Malaysia (FPAM) bagi tujuan menjalin kerjasama dalam bidang akademik.

INTRODUCTION

Aiming for academic excellence through the programmes offered, Faculty of Economics and Muamalat (FEM) has strived to obtain the trust and collaboration from professional bodies and industry players during the year 2008. This can be seen through various Memorandum of Understanding (MoU) signing ceremonies with interested parties for the purpose of partnership in academic and various consultation activities with professional bodies.

FACILITIES IN THE FACULTY

Facilities provided by the faculty includes an investment lab or better known as iSTOCK Lab that is equipped with touch screen monitor, projector and 30 computers. Additionally, the lab is installed with softwares such as User Business System (UBS), SPSS, Metastock and Pathfinder. The faculty also provides teaching assisted equipment comprising of 7 laptops, and 7 LCD projectors apart from the visualizer used for the teaching and learning purposes. Nonetheless, the infrastructure and facilities provided for teaching and learning process will be more comprehensive once the new faculty building is completed in year 2009 and available for occupancy.

FACULTY'S ACHIEVEMENT AND ACCOMPLISHMENT

Islamic Banking and Finance Seminar (iBAF08) was held from 15 -17 July 2008 and officiated by the Chairman of the Board of Directors, SME Bank. A designated workshop entitled Islamic Structured Product and Derivatives attended by industry players and professional bodies was held at the beginning of the seminar. Furthermore, the faculty had signed a memorandum of understanding (MoU) with UBS Corporation Sdn. Bhd., International Centre for Education in Islamic Finance (INCEIF) and Financial Planning Association of Malaysia (FPAM) for the purpose of establishing collaboration in the academic arena.

KECEMERLANGAN PROGRAM

Fokus fakulti pada tahun 2008 disamping kecemerlangan akademik adalah kejayaan dalam bidang penyelidikan. Sehubungan dengan itu, bengkel penyelidikan yang bertujuan memperkemaskan kertas cadangan penyelidikan dan kaedah yang digunakan telah diadakan. Selain itu, forum ekonomi bertajuk 'Forecast and Indication of Malaysia's Economic Growth' telah diadakan pada 2 April 2008. Fakulti juga menerima kunjungan dari beberapa Universiti luar negara yang berminat memberi taklimat tentang peluang pembelajaran dan penyelidikan kepada kakitangan. Kejayaan fakulti menubuhkan sebuah pusat kecemerlangan iaitu Islamic Finance and Wealth Management Institute telah menjadikan fakulti sebagai salah satu pusat rujukan dalam bidang Perancangan Kewangan Islam dan Pengurusan Harta. Penubuhan pusat kecemerlangan ini adalah selari dengan keperluan semasa dimana ia berfungsi sebagai pusat penyelidikan dalam bidang berkaitan sosio-ekonomi umat Islam bagi menyokong dan memantapkan lagi perlaksanaan konsep Islam Hadhari disamping menjadi pusat rujukan (konsultansi) bagi menangani isu dan menyelesaikan masalah berkaitan sosio-ekonomi umat Islam.

PROGRAMME EXCELLENCE

The focus of the faculty in year 2008 apart from achieving academic excellence is attaining accomplishment in the research area. In relation to this, research workshops were conducted with the aim to improve skills in preparing research proposal and research methodology used. Besides, an economic forum entitled Forecast and Indication of Malaysia's Economic Growth was conducted on 2nd April 2008. The faculty also received academic expeditions from oversea universities that showed interest in providing information on the opportunities available to staff for further education and research at their universities. The faculty's success in establishing a centers of excellence, which is known as the Islamic Finance and Wealth Management Institute has enable it to be one of the reference center in Islamic Financial Planning and Wealth Management areas. The formation of this center of excellence is to keep abreast with the current needs as it functions as a research center in areas related to the Muslims' social economy where it supports and enhances the implementation of the Islam Hadhari concept in addition to it being a reference point (consultation) to resolve any issues and problems related to the Muslims' social economy.



Jadual 1: Aktiviti Sepanjang Tahun Kakitangan Akademik*Table 1: Academic Staff Activities During the Year*

Bil	Aktiviti / Program	Tarikh / Tempat
1.	Bengkel Penyelidikan FEM Dirasmikan oleh TNC(A&A)	22-24 Februari 2008 / Tiara Beach Resort, P. Dickson
2.	Taklimat bersama Islamic Financial Planner (IFP) Programme	27 Februari 2008 RM 300.00
3.	Taklimat oleh Tilburg University	13 Mac 2008 / Bilik Mesy. Utama FKP
4.	Kunjungan Kerja dari Universitas Islam Negeri, Syarif Hidayatullah Jakarta, Jakarta	18 Mac 2008 / Bilik Mesyuarat Dekan FEM
5.	Taklimat dari Bangor University, UK	24 Mac 2008 / Dewan Tayangan FKP
6.	Taklimat dari Economist Intelligence Unit (EIU)	19 Mac 2008 / Bilik Mesy. Utama FKP
7.	Bengkel Analisis Penyelidikan	20 April 2008 / Makmal Pelaburan FEM
8.	Bengkel Penstrukturkan Semula Program Sarjana Muda Pentadbiran Muamalat (SmPM) dan Sarjana Muda Pemasaran Perkhidmatan Kewangan (SmPPK)	20 hingga 21 Mei 2008 / Hotel Allison Klana, Nilai
9.	Taklimat Zakat Harta dari Pusat Zakat Negeri Sembilan	27 Mei 2008 Bilik Mesy. Dekan FEM
10.	A Lecture on Syariah Audit	29 Mei 2008 / Bilik Mesy. Utama FKP
11.	Wacana Ilmu : Situasi Semasa Ekonomi Malaysia	2 Julai 2008 / Bilik Mesyuarat Utama, FKP
12.	Bengkel Halatuju Islamic Finance and wealth Management Institute (IFWMI)	25 Jun 2008 / Empress Hotel, Sepang
13.	Bengkel Ekonometrik – Pengenalan Oleh Dr. Hj. Mohd Noor Mamat	17 September 2008 / Makmal Pelaburan FEM
14.	Bengkel Ekonometrik - Pengenalan Ekonometrik II Oleh Dr. Asmaddy Haris	15 Oktober 2008 / Makmal Pelaburan FEM
15.	Pemodelan Ekonometrik dan Andaian-Andaian Utama Oleh Dr. Hj. Mohd Noor Mamat	22 Oktober 2008 / Makmal Pelaburan FEM
16.	Accountancy : Career & Education Fair	26 hingga 27 Julai 2008 / Sunway Pyramid Convention Centre
17.	3rd. Islamic Banking, Accounting and Finance 2008 (iBAF08) "Tema : Financial Intelligence in Islamic Wealth Management"	29 – 30 Julai 2008 / The Legend Hotel, Kuala Lumpur
18.	Pembentangan penyelidikan bertajuk 'Perkembangan Ekonomi Islam dan Muamalat di Indonesia dan Malaysia bersama Universitas Islam Negeri, Syarif Hidayatullah Jakarta	11 Ogos 2008 / Bilik Mesyuarat Utama, FKP

KECEMERLANGAN PELAJAR


Pada tahun 2008, pencapaian akademik pelajar adalah membanggakan. Para pelajar telah berjaya melepassi sasaran kualiti 2% graduan yang mendapat kelas pertama. Berikut adalah butiran ringkas bilangan pelajar FEM yang menerima Anugerah Dekan pada Semester II Sesi Akademik 2007/2008 dan Semester I Sesi Akademik 2008/2009:

STUDENTS' EXCELLENCE

In 2008, students' academic achievement is laudable. Students succeeded in surpassing the quality target of 2% of graduates attaining first class degree. Below is the summary of the number of students who were awarded the Dean's List in Semester II Academic Session 2007/2008 and Semester I Academic Session 2008/2009:

Bil Pelajar FEM yang menerima Anugerah Dekan
Number of FEM students receiving the Dean's List

Semester/Sesi	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Tahun 4	Jumlah	Peratus
Semester II Sesi Akademik 2007/2008	18	3	8	45	74	13.26%
Semester I Sesi Akademik 2008/2009	62	6	11	29	108	14.57%



Jadual 2: Aktiviti dan program pelajar yang telah dilaksanakan sepanjang Tahun 2008
Table 2: Activities and Students' Programme During the Year 2008

BIL	NAMA PROGRAM	TARIKH & TEMPAT
1.	Konvensyen Keushawanan Islam (ICEPS) 2008 Perasmian penutup oleh Y.A.B Dato' Seri Utama Haji Mohamad b. Hj Hasan. Menteri Besar Negeri Sembilan	14-17 Januari 2008, USIM
2.	Sukan Antara Fakulti (SUFA) 2008	19-20 Januari, Stadium Tertutup USIM/ Kompleks Sukan
3.	Minggu Integriti Fakulti Ekonomi dan Muamalat	28 Januari - 1 Februari 2008, USIM
4.	Kursus Modul Latihan Industri	4-6 Februari 2008, Dusun Eco Resort, Bentong, Pahang
5.	Taklimat daripada MAREF untuk pelajar Tahun 4 FEM	13 Februari 2008 Dewan Tayangan FKP
6.	Bengkel Pengukuhan Akademik Pelajar	16-17 Februari 2008, Dusun Eco Resort, Bentong Pahang
7.	Taklimat Bidang Pengkhususan Tahun4 FEM	26 Mac 2008 Dewan Tayangan FKP
8.	Kursus UBS Accounting Software	29 & 30 Mac 2007 Makmal iStock
9.	Lawatan Pelajar IKIP, Pahang	8 April 2008 RM300.00
10.	Program Misi Antarabangsa Mahasiswa FEM ke University of Hong Kong, Hong Kong	15 hingga 19 Jun 2008 Hong Kong
11.	Bengkel Penghayatan Akademik	30 Jun 2008 DKP4
12.	Program Fakulti Bersama Pelajar Tahun 1 FEM	7-8 Julai 2008 Pusat Kemudahan Sukan USIM/DKP 4
13.	Bengkel Pengukuhan Akademik Pelajar Tahun Tiga Sarjana Muda Perakaunan.	23 Ogos 2008 DKF 1.1
14.	Karnival Sukan FEM 2008 "We Are FEMili"	24 Ogos 2008 Kompleks Sukan USIM
15.	Bengkel Kecemerlangan Akademik "Mahasiswa Cemerlang, Negara Terbilang"	23-25 November 2008 Everly Resort Hotel, Melaka
16.	Bengkel Pengukuhan Akademik Pelajar	22-23 Disember 2008 Agrotek Garden Resort, Hulu Langat, Selangor.
17.	Program 'Seribu Langkah' Untuk Bakal Graduan FEM	26-28 Disember 2008 Hotel Sri Malaysia, Bagan Lalang Selangor



**FAKULTI SAINS DAN
TEKNOLOGI**

**FACULTY OF SCIENCE AND
TECHNOLOGY**

FST

PENGENALAN

Pada tahun 2008, Fakulti Sains dan Teknologi (FST) telah mencapai beberapa kejayaan yang boleh dibanggakan khususnya apabila Menerima Anugerah Kualiti Naib Canselor 2007. Ini menjadi pemangkin bagi kakitangan FST untuk meningkatkan iltizam dan memperkuatkan kerjasama dalam merancang aktiviti-aktiviti dan agenda FST sepanjang tahun 2008. Hasilnya, pada tahun 2008, FST telah meraih pelbagai anugerah dalam bidang penyelidikan sama ada dalam atau di luar negara. Selain itu juga, kerjasama yang erat dengan pihak luar telah membolehkan FST diberikan kepercayaan untuk mengadakan program usahasama seperti Hari Memperingati Pengeboman Hiroshima & Nagasaki dengan kerjasama Persatuan Nuklear Malaysia (MNS) dan juga Seminar Bioteknologi Makanan dengan kerjasama Institut Teknologi Makanan Malaysia (MIFT).

KEJAYAAN DAN PENCAPAIAN FAKULTI

Penyelidikan

Pada tahun 2008, FST telah melakar beberapa kejayaan yang membanggakan khususnya dalam bidang pengajaran dan pembelajaran. Kejayaan ini tercapai kerana kakitangan akademik FST telah mengharumkan nama Universiti apabila berjaya memenangi beberapa anugerah dalam pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan mahu pun antarabangsa.

Dalam Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi Kebangsaan yang diadakan di Universiti Sains Malaysia (USM) di Pulau Pinang pada 20-22 Mei 2008, Prof Salmah Dr Yusuf dan pelajar beliau, saudara Mohd Hazim Bin Mohd Yusop telah berjaya memenangi Pingat Emas dan Hadiah Khas melalui penyelidikan bertajuk 'Successful Pork Detection in Food Sample for Halal Verification via PCR'. Manakala Prof Madya Dr Ahmed Mahir pula telah berjaya memenangi Pingat Gangsa dalam 'The Invention & New Products Exposition' (INPEX), Pittsburgh Pennsylvania, USA pada 11-14 Jun 2008. Selain itu juga, Puan Madihah Mohd Saudi pula telah memenangi dua Pingat Emas dan Dua Pingat Perak di 'British Invention Show' (BIS), London, UK pada 15-18 Oktober 2008.

INTRODUCTION

For the year 2008, the Faculty of Science and Technology (FST) have had a number of memorable achievements, the most significant one being the Recipient of the Vice Chancellor's Quality Award for the year 2007. This award became the catalyst that spur the staff of FST to upgrade their commitment and strengthen their cooperation in planning the various activities and agenda that they wish to embark for the entire year of 2008.

All these brought achievements to the FST, when they bagged numerous awards in the field of research, both locally as well as overseas. Apart from these, the strong cooperation established with the foreign organizations has resulted in their confidence in FST in organising joint programmes such as the Event to Commemorate the Bombing of Hiroshima and Nagasaki, in partnership with the Malaysian Nuclear Society and also organising Seminar on Food Biotechnology in association with Malaysian Institute of Biotechnology.

FACULTY'S ACHIEVEMENT AND SUCCESS

Research

In the year 2008, FST have garnered several achievements that it can be proud of in the field of learning and teaching. This success was achieved through sheer hard work by the academic staff, when they won several awards in the competition held both locally and abroad.

In the National Research and Innovation Competition held at the Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinangon 20th – 22nd May, 2008 Professor Dr. Salmah Dr. Yusuf and her student, Mohd. Hazim bin Mohd. Yusop won the Gold Medal and the Special Award through their research entitled "Successful Pork Detection in Food Sample for Halal Verification via PCR", while Associate Professor Dr. Ahmed Mahir won the Bronze Medal at "The Invention & New Products Exposition (INPEX)" in Pittsburgh, Pennsylvania, USA on 11th – 14th June 2008. Apart from these, Puan Madihah Mohd. Saudi has won two Gold Medals and two Silver Medals at the "British Invention Show" (BIS), London, UK on 15th – 18th October 2008.

Manakala kumpulan pensyarah Program Bioteknologi Makanan, FST yang terdiri daripada Prof. Dr Salmah Yusof, Prof Madya Dr Zaiton Hassan dan Prof Madya Chek Zaini Hassan pula telah berjaya memenangi dua Pingat Emas, satu Perak dan tiga Gangsa dalam Brussels Innova, Brussels, Belgium pada 13-15 November 2008.

Persidangan

Pada tahun ini juga, FST telah berjaya menganjurkan buat pertama kalinya Seminar Bioteknologi Peringkat Kebangsaan yang telah diadakan pada 25 dan 26 November 2008 bertempat di Hotel Equatorial, Bangi dengan sokongan Institut Teknologi Makanan Malaysia (MIFT). Objektif seminar adalah untuk menjadi platform bertukar maklumat dan idea-idea di antara saintis dengan teknologis di samping memperkenalkan penyelidikan terkini dalam penghasilan makanan melalui penggunaan bioteknologi moden.

Selain itu juga, Seminar Makanan Halal (HaFoS'08) yang dianjurkan oleh Pelajar-pelajar Program Bioteknologi Makanan, FST telah berjaya diadakan pada 18 dan 19 Januari 2008. Seminar ini yang diadakan secara tahunan telah berjaya menarik perhatian pelajar Universiti awam dan juga swasta yang lain.

Pihak FST juga pada tahun ini amat berbangga kerana berjaya menganjurkan Hari Pengenalan Produk Baru yang memberikan peluang kepada para pelajar menonjolkan kreativiti dalam bidang pengkhususan masing-masing. Program ini berjaya menghasilkan lapan produk baru dan ada diantaranya telah berjaya menarik perhatian pihak industri untuk dikomersilkan.

KECEMERLANGAN PELAJAR

Graduan Kumpulan Pertama

Konvokesyen keenam USIM pada tahun 2008 menyaksikan, FST mengeluarkan seramai 42 orang graduan kumpulan sulungnya yang telah memulakan pengajian pada Sesi 2004/2005. Bakal graduan ini terdiri daripada pelajar 8 orang lelaki dan 34 orang pelajar perempuan merupakan kumpulan perintis bagi Program Bioteknologi Makanan yang merupakan program akademik pertama di FST.

A group of lecturers from Food Biotechnology Programme of FST, comprising Professor Dr. Salmah Yusof, Associate Professor Dr. Zaiton Hassan and Associate Professor Dr. Chek Zaini Hassan have won two Gold Medals, one Silver Medal, and three Bronze Medals at the "Brussels Innova", Brussels, Belgium on 13th – 15th November 2008.

Conference

In 2008, FST, for the first time successfully organised the National Seminar on Biotechnology which was held on 25th – 26th November 2008 at the Equatorial Hotel, Bangi, with the support of Malaysian Institute of Food Technology (MIFT). The objectives of the seminar are to be the platform for the exchange of information and ideas between scientists and technologists, apart from introducing the latest research in producing food by using modern biotechnology.

Secondly, Halal Food Seminar (HaFoS '08), which was organised by the students of Food Biotechnology Programme, FST was held on 18 & 19 January 2008 with great success. This annual seminar managed to attract the attention of students of public as well as private universities.

FST also achieved great pride in successfully organising Introduction of New Product Day, which provide opportunities for the students to display their creativity in their respective area of specialisation. This programme has succeeded in producing eight new products, and some of them have been able to attract the industry players to commercialise them.

STUDENT ACHIEVEMENTS

First Group Of Graduates

At the sixth USIM Convocation in 2008, FST produced its first batch of graduates that started their study in the 2004/2005 session. This first batch comprised 8 male and 34 female students who represent the pioneering group for the Food Biotechnology Programme, FST's first academic programme.



KERJASAMA DENGAN INDUSTRI/PIHAK LUAR

Dalam usaha mewujudkan kerjasama dengan pihak luar, FST menggalakkan aktiviti lawatan industri oleh para pelajar khususnya pelajar tahun pertama sebagai pendedahan untuk mereka mendapatkan maklumat tentang prospek kerjaya masing-masing kelak. Selain itu, FST buat julung-julung kalinya telah bekerjasama dengan Persatuan Nuklear Malaysia (MNS) bagi menganjurkan Hari Memperingati Pengemboman Hiroshima dan Nagasaki pada 6 Ogos 2008 yang merupakan acara tahunan bagi pihak MNS.

Aktiviti Pembangunan Pelajar

Pada tahun 2008, seramai 90 orang pelajar FST telah menerima Anugerah Dekan bagi peperiksaan semester kedua sesi 2007/2008 iaitu 39 orang dan peperiksaan semester pertama sesi 2008/2009 seramai 51 orang. Jumlah ini telah mengatasi sasaran pihak FST iaitu lebih 10% pelajarnya akan memperolehi Anugerah Dekan. FST juga telah melahirkan graduan sulung Kelas Pertama dalam Konvokesyen Keenam USIM iaitu Nurul Fatini Bt Shalahudin yang kini bekerja sebagai Eksekutif Pembangunan dan Penyelidikan PETRONAS.

Bagi memastikan pelajar FST mempunyai kemahiran insaniah yang diperlukan dalam pasaran, maka pelbagai program pembangunan mahasiswa telah dijalankan dari masa ke semasa. Antara program utama yang dilaksanakan oleh FST ialah lawatan ke industri-industri yang berkaitan dengan kerjaya pelajar-pelajar, program pengukuhan akademik dan bahasa, program sukan dan juga program peningkatan sahsiah. Butiran lanjut program-program yang telah dianjurkan oleh FST adalah seperti berikut:

COOPERATION WITH INDUSTRY / EXTERNAL PARTY

In its effort to establish cooperation with external group / party, FST encouraged and initiated visits to the relevant industry for its students, especially the first year students. These visits allow these students to be exposed to and obtain information pertaining to their respective career prospects. Apart from this, FST for the first time has established cooperation with the Malaysian Nuclear Society (MNS) in organising on behalf of the MNS the Commemoration Day of the Bombing of Hiroshima and Nagasaki on 6th August 2008, which is the annual event of MNS.

Student Development Programme

In the year 2008, 90 students of FST has received the Dean's Award, i.e. 39 students for the second semester of 2007/2008 session and 51 students for the second semester of the 2008/2009 session. This number has exceeded the target set by FST, i.e. more than 10% of its students will receive the Dean's Award. FST has also produced its first First Class graduate at the USIM's Sixth Convocation, that is Nurul Fatini bte. Salahudin, who is currently working in Petronas as a Research & Development Executive.

To ensure that FST student is equipped with human social skills with high degree of ethics and integrity that are needed in the job market, various development programmes for the undergraduates have been institutes and conducted from time to time. Among the main programmes conducted are visits to the industries related to career prospects of the students, programmes that enhance their academic and language capabilities, sports programmes and programmes which enhance their image and personality. Further detail of the programmes organised by the FST are as follows:

Bil.	Aktiviti / Program	Tarikh / Tempat
1.	Seminar Makanan Halal (HAFOS 2008)	18-19 Januari 2008 / DKP 3
2.	Lawatan Ilmiah ke Malaysia Milk Sdn Bhd	17 Januari 2008 / Syarikat Malaysia Milk Sdn bhd
3.	Lawatan Ilmiah ke Beryl's Chocolate & Confectionary	22 Januari 2008 / Syarikat Beryl's
4.	Sukan antara Fakulti (SUFA 2008)	23 Januari - 29 Mac 2008 / Kompleks Sukan USIM
5.	Lawatan Ilmiah ke Government Computer Emergency Response Team (GCERT)	19 Februari 2008 / GCERT, Putrajaya
6.	Hari Keluarga Matematik Kewangan	30 Mac 2008 / P. Dickson, N. Sembilan
7.	Lawatan Industri ke Bank Negara Malaysia	25 February 2008 / Bank Negara Malaysia
8.	Bengkel Penulisan Tesis	29 February 2008 / Bilik Mesy. Utama FSU, USIM
9.	"Thesis 1 Presentation"	3-5 Mac 2008 / Makmal FST
10.	Bengkel Pendedahan Latihan Inustri FST & Majlis Makan Malam (Kumpulan Ke-2)	6-7 Mac 2008 / Bilik Mesyuarat Utama FSU, USIM
11.	Program lawatran ke Palm Oil Board (MPOB) Bangi	10 Mac 2008 / MPOB Bangi
12.	Hari Keluarga Program Sains Aktuari & Pengurusan Risiko	5 April 2008 / P. Dickson, N. Sembilan
13.	Program Lawatan ke Malaysia International Space Adventures (MISA)	15 Mac 2008 / Pusat Sains Negara & Petrosains
14.	Lawatan Sambil Belajar ke Syarikat Takaful Malaysia Bhd.	1 April 2008 / Takaful Malaysia Bhd.
15.	Majlis Makan Malam Pelajar Tahun Akhir FST (MaFAST '08)	22 Mac 2008 / Hotel Equatorial , Bangi
16.	Program Lawatan Sekolah Ma'ahad As Sultan Ahmad Shah, Jengka Pahang ke USIM	22 Mac 2008 / Bilik Tayangan FKP
17.	Program Mahabbah Disemai Ukhuwah Terjalin II	28-30 Mac 2008 / Lambaian Danau, Melaka
18.	Hari Pengenalan Program Produk Baru FST Kali Pertama	2 April 2008 / Lobi Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan (FKP) USIM
19.	Program Kembara Ilmiah (PAKA '08)	2-6 May 2008 / Pulau Langkawi Kedah
20.	XPDC Pendakian Gunung Ledang (X-LED)	13 May 2008 / Gunung Ledang Mersing Johor
21.	Pertandingan Penyelidikan dan Inovasi 2008	20-23 May 2008 / USM P.Pinang
22.	Program Orientasi Pelajar Baru FST sesi 2008/2009	30 Jun - 1 Julai 2008 / Sekitar USIM
23.	'ACM-ICPC Malaysia Al-Khwarizmi Programming Contest'	2-3 Julai 2008 / UIAM
24.	Bengkel Penulisan Tesis & Taklimat Latihan Industri	23 Julai 2008 / Bilik Tayangan FKP USIM
25.	Program Minggu Penghayatan Islam & Sains (PROMIS)	4-10 Ogos 2008 / DKP 1, USIM
26.	Seminar Hari Memperingati Pengeboman Hiroshima	6 Ogos 2008 / DKP 3, USIM
27.	Program 'Journey To Explore'	8-10 Ogos 2008 / P. Pinang

Bil.	Aktiviti / Program	Tarikh / Tempat
28.	Symposium of Biotechnology (SymBion '08)	9-10 Ogos 2008 / Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pahang
29.	Pertandingan Pengaturcaraan dan Reka Cipta Multimedia (PROMED '08)	9-10 Ogos 2008 / UiTM Shah Alam Selangor
30.	Jamuan Majlis Hari Raya Peringkat FST & Pusat Tamhidi	24 Oktober 2008 / Perkarangan Bangunan Makmal Pelbagaiguna (MPG)
31.	Mengadakan Program 'Penang Education Tour '08'	23-26 November 2008 / P. Pinang
32.	Mengadakan Program Ilmiah Tahun Akhir (KITA '08) di Pulau Langkawi	21-24 November 2008 / P. Pinang
33.	Lawatan ke Bank Negara, Kuala Lumpur	24 Disember 2008 / Bank Negara





FAKULTI PERUBATAN &
SAINS KESIHATAN

FACULTY OF MEDICINE &
HEALTH SCIENCES

FP SK

PENGENALAN

Kemudahan

Selain daripada kemudahan asas seperti dewan kuliah dan bilik tutorial, surau dan kafeteria, terdapat juga kemudahan seperti perpustakaan, rekreasi dan sukan serta makmal pembelajaran yang berfungsi sebagai pemangkin kepada kecemerlangan pencapaian akademik pelajar dan kecemerlangan perkhidmatan kakitangan dan di Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan yang beroperasi di Menara B, Kampus Cawangan Pandan Indah.

Perpustakaan

Di perpustakaan, terdapat pelbagai bahan dan prasarana maklumat seperti buku edisi terkini, jurnal yang diiktiraf, pangkalan data atas talian serta kemudahan teknologi maklumat dan komunikasi yang kesemuanya berupaya memenuhi keperluan pengajaran dan pembelajaran pelajar serta menyokong pembelajaran sepanjang hayat kakitangan.

INTRODUCTION

Facilities

Besides the basic facilities such as the lecture halls and tutorial rooms, the praying room and cafeteria, there are also other amenities such as the library, recreational and sports rooms, plus the teaching laboratories which promotes academic excellence for the students and also service excellence from the staff at this faculty situated at Menara B, Pandan Indah Campus.

Library

There are a variety of references and information such as current books, established journals, online data as well as updated information access and communication, all which are able to fulfill the needs of teaching and learning for students and to support the concept of life long learning for staff.



Rekreasi dan Sukan

Selain itu, terdapat juga kemudahan rekreasi dan sukan seperti satu (1) gimnasium, satu (1) kafe siber dengan lapan (8) unit komputer dan satu (1) ruang rekreasi yang berasingan di antara lelaki dan perempuan. Gimnasium misalnya menyediakan pelbagai peralatan sukan dan senaman yang standard yang mampu memenuhi keperluan kegiatan jasmani pelajar dan kakitangan.

Makmal Pembelajaran

Makmal Pembelajaran pula terdiri daripada dua (2) Makmal Pelbagai Guna, satu (1) Makmal Mikrobiologi, empat (4) Makmal Kemahiran Klinikal, satu (1) Makmal Komunikasi Klinikal, satu (1) Dewan Diseksi, satu (1) Muzium Anatomi dan satu (1) Muzium Patologi. Kesemua kemudahan tersebut dilengkapsan dengan peralatan yang mencukupi dan mematuhi standard serta memenuhi keperluan program pengajian yang ditawarkan.

PENCAPAIAN DAN KEJAYAAN

Lawatan Sambil Belajar ke Fakulti Perubatan, Universiti Alexandria, Mesir

Seramai 29 orang pelajar Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan dengan diiringi 3 orang pegawai pengiring telah menyertai lawatan sambil belajar ke Fakulti Perubatan, Universiti Alexandria, Mesir dari 19 Mac hingga 05 April 2008.

Lawatan tersebut bertujuan mendedahkan peserta kepada situasi pembelajaran yang diamalkan di negara tersebut amnya dan Universiti Alexandria khususnya.

Sepanjang tempoh tersebut, kesemua peserta telah ditempatkan di kediaman pelajar Malaysia yang melanjutkan pengajian mereka di Universiti Alexandria yang bertindak selaku hos kepada peserta. Peserta juga dibawa oleh hos mereka untuk mengalami sendiri pengalaman kehidupan selaku pelajar asing di Alexandria.

Kesemua peserta dikehendaki mengikuti semua program pembelajaran yang telah diaturkan untuk mereka di universiti tersebut. Pada minggu pertama, peserta dibawa ke sesi pemeriksaan pesakit di wad dan diajar kaedah-kaedah tertentu memeriksa pesakit sebagai persediaan dan pendedahan kepada posting klinikal yang dijadualkan pada Mei 2008. Manakala pada minggu kedua peserta diwajibkan menghadiri kuliah, tutorial dan amali bersama-sama pelajar perubatan universiti tersebut.

Recreation and Sports

There are also recreational and sports facilities such as a (1) gymnasium, a (1) cyber café with eight (8) computers and two (2) separate recreational rooms for boys and girls. The gymnasium is equipped with various sports and exercise equipments which will fulfill the recreational activities of both students and staff.

Teaching Laboratories

Teaching Laboratories consist of two (2) Multi Purpose Laboratories, one (1) Microbiology Laboratory, four (4) Clinical Skills Laboratory, one (1) Clinical Communications Laboratory, one (1) Dissection Hall, one (1) Anatomy Museum and one (1) Pathology Museum. All facilities are complete with sufficient equipment to fulfill the needs of the programme offered.

ACHIEVEMENTS

Study Trip to the Faculty of Medicine, Alexandria University, Egypt

29 students from the Medical and Health Sciences Faculty accompanied by three academic staff participated in an educational visit to the Faculty of Medicine at Alexandria University, Egypt from 19 March until 05 April 2008.

The visit's objective was to expose the students to the teachings practised at that country specifically at Alexandria University.

Throughout the duration, the participants stayed with the Malaysian students who were studying there who acted as the host. Participants were also taken around by their hosts to get first hand experience on life as foreign students in Alexandria.

All participants had to undergo all the study programmes prepared for them by the university. During the first week, the host organised a visit to the wards and taught the participants techniques to examine patients as early exposure to their clinical posting scheduled in May 2008. In the following week, the participants attended lectures, tutorials and practical together with other medical students there.

Posting Klinikal Kumpulan Pertama Pelajar Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri

Kumpulan pertama pelajar program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri telah membuka lembaran baru dalam program pengajian mereka apabila memulakan Posting Klinikal pertama mereka pada Mei 2008.

Posting Klinikal adalah salah satu keperluan program pengajian mereka meliputi tempoh selama tiga (3) tahun selepas selesai keperluan Pra Klinikal yang juga mengambil masa selama tiga (3) tahun.

Posting Klinikal pertama tersebut telah dijalankan di Hospital Ampang, Selangor selaku salah satu daripada Hospital Pengajar USIM. Posting Klinikal pertama tersebut meliputi disiplin Perubatan dan disiplin Surgeri diikuti dengan posting-posting klinikal dalam pelbagai disiplin yang lain seperti Perbidanan, Sains Forensik dan Kesihatan Masyarakat.

Lawatan Sambil Belajar ke Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan

Seramai 32 orang kakitangan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) telah mengikuti lawatan sambil belajar ke Pusat Pengajian Sains Perubatan, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan pada 02 November 2008.

Lawatan tersebut telah berjaya meningkatkan ilmu dan maklumat melalui lawatan ke pelbagai kemudahan yang disediakan di sana, taklimat dan sesi bertukar-tukar fikiran di antara kakitangan kedua-dua institusi tentang isu-isu pengurusan dan akademik bagi organisasi pendidikan tinggi yang berteraskan perkhidmatan pembelajaran dan penjagaan kesihatan.

Antara lokasi yang dilawati termasuklah Hospital Universiti Sains Malaysia, Perpustakaan Hamdan Tahir, Makmal Pelbagai Guna, Makmal Informatik Perubatan dan Pusat Kemahiran Klinikal.

Delegasi FPSK telah diraikan dalam satu majlis makan tengah hari oleh Pemangku Dekan, Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM, Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Wan Bebakar dan kakitangannya.

Clinical Posting of the First Batch of Undergraduates for 'Bachelor of Medicine and Bachelor of Surgery'

The first batch students undergoing the Bachelor of Medicine and Surgery embarked on a new page in history as they started their Clinical Posting in May 2008.

Clinical Posting is one of the requirements of their programme for three (3) years after the completion of their Pre Clinical which is also three (3) years.

The first clinical posting was held at the Ampang Hospital, Selangor as one of USIM's teaching hospitals. This first clinical posting covers the discipline of Medicine and Surgery followed by other clinical postings such as Gynaecology, Forensic Science and Community Health.

Visit to School of Medical Sciences, Universiti Sains Malaysia, Kubang Kerian, Kelantan

32 staff members of The Medicine and Health Sciences Faculty participated in a visit to School of Medical Sciences, Universiti Sains Malaysia (USM), Kubang Kerian, Kelantan on 02 November 2008.

The visit has succeeded attaining more knowledge and information through visits to the variety of amenities provided there, talks and an exchange of ideas session between the staff of both institutions on administration and academic issues based on learning services and health care.

Among the locations visited were the Universiti Sains Malaysia Hospital, Hamdan Tahir Library, Multi Purpose Laboratories, Medical Informatics Laboratory and the Clinical Skills Centre.

The FPSK delegation was treated to lunch by the Acting Dean, Pusat Pengajian Sains Perubatan, USM, Prof. Dato' Dr. Wan Mohamad Wan Bebakar and his staff.

Lawatan Kerja Naib Canselor ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang

Pada 26 November 2008, delegasi USIM yang diketuai oleh Naib Canselor telah mengadakan satu lawatan kerja ke Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS), Temerloh, Pahang.

Delegasi tersebut yang turut disertai oleh Dekan, kakitangan akademik dan pentadbiran Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan (FPSK) serta pegawai-pegawai kanan USIM telah disambut dan diraikan oleh Dr. Nor Shamsiah Nyak Abdullah, Timbalan Pengarah (Perubatan) HOSHAS dan semua ketua jabatannya.

Lawatan tersebut bertujuan mewujudkan dan mengeratkan hubungan kerjasama di antara Pengurusan HOSHAS dan USIM amnya serta FPSK khususnya.

Lawatan tersebut juga adalah sejajar dengan Memorandum Perjanjian (MoA) yang telah ditandatangani di antara Kementerian Kesihatan dan USIM pada tahun 2005 yang membenarkan USIM menggunakan HOSHAS sebagai Hospital Pengajar bagi melaksanakan program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri. Selain HOSHAS, Hospital Ampang di Selangor dan Hospital-hospital Tampin serta Jelebu di Negeri Sembilan turut disenaraikan sebagai Hospital Pengajar melalui MoA tersebut.

Selain sesi dialog bersama Pengurusan HOSHAS, delegasi USIM turut berdialog dengan kumpulan pertama pelajar program Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri yang sedang menjalani Posting Klinikal di HOSHAS dan melawat Kolej Kediaman Klinikal Temerloh yang terletak lebih kurang 4km dari HOSHAS. Kolej kediaman tersebut disediakan khas untuk menempatkan pelajar yang menjalani Posting Klinikal di HOSHAS.

Lawatan tersebut diakhiri dengan satu majlis makan tengah hari di Hotel Green Park, Temerloh melibatkan delegasi USIM, Pengurusan HOSHAS dan turut dihadiri oleh Dato' Dr. Salehuddin Ishak, Pegawai Daerah Temerloh

Vice Chancellor's Visit to Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang

On 26 November 2008, a delegation from USIM headed by the Vice Chancellor conducted an official visit to Hospital Sultan Haji Ahmad Shah (HOSHAS), Temerloh, Pahang.

The delegation also included the Dean, academic and administration staff of the Faculty of Medicine and Health Sciences and senior officers of USIM . They were entertained by Dr. Nor Shamsiah Nyak Abdullah, Deputy Director (Medicine) HOSHAS and all heads of departments.

The visit was aimed to instill and strengthen ties and cooperation between HOSHAS's Administration and USIM, specifically FPSK.

The visit was in line with the Memorandum of Agreement (MoA) signed between the Health Ministry and USIM in 2005 which allows USIM to have HOSHAS as their teaching hospital to carry out the programme of Bachelor in Medicine and Surgery. Besides HOSHAS, Ampang Hospital in Selangor and other hospitals in Tampin and Jelebu, Negeri Sembilan were also listed as Teaching Hospitals in the same MoA.

Besides a dialogue session with the HOSHAS administration, the USIM delegation also held a dialogue with the first batch of Bachelor of Medicine and Surgery undergraduates who were undergoing their clinical posting at HOSHAS and visited the Residential Clinical College in Temerloh situated 4km from HOSHAS. The college was specially established to place USIM students undergoing the Clinical Posting at HOSHAS.

The visit ended with lunch at Green Park Hotel, Temerloh attended by all delegate members, HOSHAS administration and Dato' Dr. Salehuddin Ishak, a Temerloh District Officer.

KECEMERLANGAN PELAJAR**Penganugerahan Biasiswa Yayasan Tunku Abdul Rahman kepada Nurul Hayati Chamhuri**

Saudari Nurul Hayati Chamhuri, pelajar Sarjana Muda Perubatan dan Surgeri telah dianugerahkan Biasiswa Yayasan Tunku Abdul Rahman pada 05 Februari 2008 dalam satu majlis di Dewan Konvensyen Sime Darby, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

Biasiswa yang dianugerahkan meliputi elaun sara hidup berjumlah RM12,000.00 setahun, elaun buku bernilai RM1,000.00 setahun manakala yuran pengajian dibiayai sepenuhnya oleh yayasan tersebut.

Saudari Nurul merupakan pelajar USIM yang pertama menerima biasiswa daripada yayasan tersebut yang hanya dianugerahkan kepada pelajar cemerlang berdasarkan keputusan peperiksaan dan penglibatan dalam aktiviti ko-kurikulum.

STUDENTS ACHIEVEMENT**Yayasan Tunku Abdul Rahman Foundation Scholarship Award to Nurul Hayati Chamhuri**

Nurul Hayati Chamhuri, an undergraduate of Bachelor in Medicine and Surgery was awarded the Tunku Abdul Rahman Foundation Scholarship on 05 February 2008 at a ceremony held at the Sime Darby Convention Hall, Bukit Kiara, Kuala Lumpur.

The scholarship will include cost of living allowances totaling to RM12,000.00 a year, book allowance of RM1,000.00 a year and study fees will be funded fully by the foundation.

Nurul is the first USIM student to receive a scholarship from the foundation which only gives awards to outstanding students based on examination results and participation in co-curricular activities.





FAKULTI PENGAJIAN
BAHASA UTAMA
FACULTY OF MAJOR
LANGUAGES

FPBU

PENGENALAN

Sepanjang tahun 2008, Fakulti Pengajian Bahasa Utama (FPBU) telah melalui perkembangan akademik sejajar dengan misiya untuk menjadi sebuah fakulti yang progresif, inovatif dan kontemporari. Sehubungan itu, fakulti telah menganjurkan pelbagai program seperti bengkel, kem pengkayaan bahasa dan sebagainya khusus bagi pembangunan akademik pelajar dan kakitangannya. Dengan tertubuhnya fakulti ini sedikit sebanyak membantu mempelopori pelbagai bidang khusus dalam pengkayaan bahasa asing seperti Mandarin, Perancis dan Jepun selain bahasa pengantar utama.

KEMUDAHAN DI FAKULTI

Antara kemudahan yang disediakan ialah makmal bahasa dan makmal komputer di samping kemudahan lain.

KECERMELANGAN PROGRAM

Pembangunan organisasi juga diberi penekanan dalam usaha memastikan kakitangan akademik dan pentadbiran FPBU tidak ketinggalan untuk mendapatkan latihan atau kemahiran yang diperlukan bagi peningkatan prestasi kerja di dalam perkhidmatan. Pelbagai kursus, bengkel, atau latihan anjuran pihak dalaman maupun luaran telah dihadiri dengan jayanya oleh kakitangan berkenaan.

INTRODUCTION

In 2008, Faculty of Major Languages (FML) attained its academic accomplishments in line with its mission to be an innovative, progressive and contemporary faculty. Hence, there were various programmes and activities conducted such as workshops, training sessions and language camps to enhance students and staff's academic development. Apart from handling Arabic and English (the medium of instruction in USIM), FML has ventured into the teaching of other major languages like Mandarin, French and Japanese.

FACILITIES IN THE FACULTY

This faculty provides a conducive learning environment which is equipped with the latest technology and infrastructure; four language laboratories and a computer laboratory equipped with LCD, computers and language software. Due to the development and demanding scenario, the faculty is planning to upgrade its facilities in the near future,

ORGANISATIONAL DEVELOPMENT

Table 1 shows staff activities Courses/Training/Workshop Attended. An emphasis was given on ensuring the participation of the academic and management of FML staff in the training needed to enhance their working performance. A series of various courses/ workshop or training provided by the university and external bodies/ organisations had been attended successfully by FML staff.

Jadual 1: Aktiviti Kakitangan Sepanjang Tahun

Table 1: Staff Activity Throughout The Year

Bil.	Bengkel Kursus / Latihan	Tarikh
1.	Bengkel Pemurnian Kurikulum Program FPBU	11-13 Januari 2008
2.	Bengkel Kertas Kerja Cadangan Program - Program Baru FPBU	18-20 Januari 2008
3.	Bengkel Permurnian Draf Pengkalan Data Bagi Menilai Program Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab dan Komunikasi (dengan Kepujian)	22-24 Februari 2008
4.	Bengkel Penunjuk Prestasi Utama (KPI) Kakitangan Akademik FPBU	28-30 Mac 2008
5.	Kursus Pedagogi	6 Ogos 2008
6.	Bengkel Penggunaan Teknologi dalam Pengajaran	5 November 2008
7.	Bengkel Penyediaan Takwim FPBU	5 Disember 2008
8.	Bengkel Perancangan & Halatuju	17 Disember 2008
9.	Bengkel Perancangan Pelan Strategik	24 Disember 2008
10.	Bengkel Jaminan Kualiti	31 Disember 2008

KECEMERLANGAN PELAJAR


Sepanjang tahun 2008, FPBU telah bergiat aktif dalam menganjurkan pelbagai aktiviti dan program pelajar. Senarai aktiviti dan program yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

Kecermerlangan Pelajar*Students' Academic Development*

Bil.	Aktiviti / Program	Tarikh / Tempat
1.	Majlis Perjumpaan Para Pelajar FPBU Bersama Dekan	9 Januari 2008 / DKP 4 USIM
2.	Kem Taqwiyah Syahksiyah Akadimiyah	18-20 Januari 2008 / Luar USIM
3.	MULLAD Bil.2, Siri II 2007/2008	20 Februari 2008 / DKF 1.1 FSU
4.	Kem Pengkayaan Bahasa	14 -16 Mac 2008 / Tanjung Bidara Beach Resort, Melaka
5.	Bengkel Motivasi Serta Teknik Belajar Di IPTA 2008	21 – 23 Mac 2008 / El-Azzhar Camp, Morib Banting Selangor
6.	Bengkel Pra Penulisan Ilmiah	19 Mac 2008 / DKF1.4 FSU
7.	Bengkel Bahasa Pelajar Tahun Dua	29 Mac 2008 / DKF1.1 FSU
8.	Majlis Anugerah Dekan dan Ramah Mesra Sem I Sesi 2007/2008	9 April 2008 / DKF1.1 FSU
9.	Bengkel Menggapai Kecemerlangan	18 April 2008 / DKF1.4 FSU
10.	Kem Tarqiyyah Bahasa FPBU (Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab & Komunikasi)	14 – 15 Mei 2008 / ESSET Kajang
11.	Lawatan Ilmiah dan Kerjaya Unit Radio dan Penerbitan Video IKIM	25 Julai 2008 / Radio IKIM
12.	MULLAD Bil.3	23 Julai 2008 / DKF 1.2 FSU
13.	Majlis Anugerah Dekan Sem II, Sesi Akademik 2007/2008	9 Ogos 2008 / DKP 3 USIM
14.	Program Motivasi Kecemerlangan Mahasiswa Syumul	10 September 2008 / DKF 1.2 FSU
15.	Bengkel Persediaan Latihan Industri	26-28 November 2008 / Kem Lambaian Danau, Melaka
16.	Program Semarak Jati Diri 2008	1-3 Disember 2008 / Kem Lambaian Danau, Melaka

STUDENTS' ACADEMIC DEVELOPMENT

Throughout 2008, FML has been actively conducting various programmes and activities for the students. The details are as follows:



PENCAPAIAN PELAJAR

Pada tahun 2008, pencapaian akademik para pelajar FPBU amatlah baik dan memberangsangkan. Jadual di bawah menunjukkan butiran ringkas bilangan pelajar FPBU yang menerima Anugerah Dekan pada Semester I, Sesi Akademik 2007/2008 dan Semester II, Sesi Akademik 2007/2008 :-

STUDENT ACHIEVEMENT

Number of student receiving FML Dean's Award for the year 2008. In 2008, students of Faculty of Major Languages have shown remarkable academic and language development in line with the objectives of the faculty. Below are the number of students receiving Dean's Award in Semester II, Academic Session 2007/2008 and Semester I, Academic Session 2008/2009 :-

Bilangan Pelajar FBU menerima Anugerah Dekan

Number of student receiving FML Dean's Award'

Tahun / Semester	Tahun 1	Tahun 2	Tahun 3	Jumlah	Peratusan
Semester I Sesi 2007/2008	16 orang	3 orang	2 orang	21 orang	9.46%
Semester II Sesi 2007/2008	19 orang	3 orang	10 orang	32 orang	9.82%





FAKULTI PERGIGIAN
FACULTY OF DENTISTRY

FPg

PENGENALAN

Tahun 2008 merupakan tahun kedua Fakulti Pergigian beroperasi sepenuhnya. Penempatannya di tingkat 15 dan 16, Menara B, Pandan Indah, Kuala Lumpur membolehkan fakulti ini melaksanakan program dan aktivitinya dengan lebih lancar. Kesemua anggota pentadbiran dan akademik serta pelajar program pergigian menggembeleng tenaga dan usaha melaksanakan perancangan yang telah ditetapkan. Usaha ini memungkinkan Fakulti Pergigian mengatasi pelbagai cabaran dalam melaksanakan program Sarjana Muda Pembedahan Pergigian.

KEMUDAHAN DI FAKULTI

Kerja-kerja ubahsuai di tingkat 15 dan 16 telah mula dilaksanakan mulai Disember 2007 dan selesai sepenuhnya pada Jun 2008. Manakala kerja-kerja ubahsuai tingkat 17 pula ditumpukan kepada penyediaan infrastruktur untuk pemasangan kerusi pergigian.

Tingkat 15 menempatkan ruangan pejabat pentadbiran termasuk Pejabat Dekan, Bilik Mesyuarat dan Bilik-bilik Pensyarah. Terdapat juga ruang kuliah pelajar yang terdiri daripada Dewan Kuliah (1), Bilik Kuliah (1), Bilik Tutorial (2), Bilik Perbincangan (3), Makmal Komputer (1) dan ruang aktiviti pelajar. Bilik Kuliah Utama telah dilengkarkan dengan peralatan audio visual yang mencukupi dan memenuhi keperluan pengajian yang ditawarkan.

Tingkat 16 pula menempatkan ruang pengajaran pra-klinikal dan Klinik Pergigian Pelajar dan Pensyarah. Sebanyak 32 unit kerusi pergigian (dental chair) untuk pelajar dan 5 kerusi pergigian untuk pensyarah/pegawai telah dipasang. Begitu juga, sebanyak 37 unit simulator telah ditempatkan di Makmal Simulasi. Selain itu, di tingkat 16 juga menempatkan Makmal Pra-Klinikal, Bilik Plaster dan Bilik Chrome Cobalt untuk kerja-kerja makmal pelajar dan juruteknologi pergigian. Makmal Pra-Klinikal turut dilengkarkan dengan peralatan audio visual yang lengkap dan membolehkan paparan video dari meja pensyarah/instructor dilihat oleh semua pelajar menerusi monitor di meja masing-masing.

Kemudahan-kemudahan lain yang digunasama dengan Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan termasuklah Makmal Pelbagai Guna, Makmal Mikrobiologi, Dewan Diseksi, Muzium Anatomi, Perpustakaan, Gimnasium, Kafe dan Kafe Siber.

INTRODUCTION

The year 2008 is Faculty of Dentistry's second year fully operational. Its placement at level 15 and 16, Menara B, Pandan Indah, Kuala Lumpur enable this faculty to implement its programme and activity more smoothly. All administration and academic members as well as dental students work hard to use energy and effort to implement the planning that has been set. This effort makes Dentistry Faculty possible to surpass various challenges to implement Bachelor of Dental Surgery.

FACILITIES PROVIDED

Level 15 occupies administration office area including Dean's Office, Meeting Room and Lecturer's Room. There are also student's area which comprises of Lecture Hall (1), Lecture Room (1), Tutorial Room (2), Discussion Room (3), Computer Laboratory (1), and student's activity area. The Main Lecture Room is completed with audio visual and is enough to cater the student's study requirement that is offered.

Meanwhile Level 16 places pre-clinical area and Dental Clinic for lecturers and students. As much as 32 dental chair unit for students and 5 dental chair for lecturer / officer has been installed. Similarly, there are 37 simulator units that has been stationed in Simulation Laboratory. Apart from that, at Level 16, there are Pre-Clinical Dental Laboratory, Plaster Room and Chrome Cobalt Room for dental students and technologists to do laboratory work. Pre-Clinical Dental Laboratory is also equipped with complete audio visual and enable video display from lecturer / instructor table which can be seen by every student through monitor at each respective tables.

Other facilities that are used with Medical and Health Sciences Faculty includes Multipurpose Laboratory, Microbiology Laboratory, Dissection Hall, Anatomy Muzeum, Library, Gymnasium, Cafe and Cybercafe.

KECEMERLANGAN FAKULTI

Penerima Anugerah Dekan FPg Bagi Tahun 2008 Seorang pelajar Tahun 2, Nur Wahida binti Abu Bakar telah menerima Anugerah Dekan sepanjang tahun pertama pengajian di FPg. Seorang lagi pelajar terbaik adalah Nisreen binti Nordin.

Jadual 1 : Kejayaan Pelajar Pada Tahun 2008

Table 1 : Achievements For Year 2008

Bil.	Activity / Programme	Achievement
1.	Arabic Story Telling Competition	First Place
2.	English Story Telling Competition	Second Place
3.	Choral Speaking (English)	First Place
4.	Choral Speaking (Arabic)	Second Place

These competitions were held in conjunction with Program Gerakan Membaca Organized by Library Department , Nilai Campus

Sepanjang tahun 2008, FPg telah menganjurkan pelbagai aktiviti dan program seperti disenaraikan di bawah:-

ACHIEVEMENT AND EXCELLENCE

FPg Dean's List Recipient For Year 2008 includes a Year Two student, Nur Wahida binti Abu Bakar who received Dean's Award during first year of education in FPg. Another best student is Nisreen binti Nordin.

Throughout 2008, FPg had organised various activities and programmes as the following:-

Bil.	Aktiviti / Programme	Tarikh / Tempat
1.	FPg Excellence Award Ceremony	Julai 2008 / Main Hall FPg
2.	taaruf Week (Orientation)	Julai 2008 / FPg
3.	Student Programme - Satellite (Brainstorming for Student Club)	Ogos 2008 / Bagan Lalang Sepang
4.	Hospital and Dental Clinic Visits	Julai 2008 / Ampang Hospital, Cheras Dental Clinic
5.	Students Integrity Week	September 2008 / FPg , FPSK
6.	Exhibition / Dental Hygiene Examination	26-27 Jun 2008 / Sutera Indah Residence College, Camelia Court Residence College (In conjunction with New Students Registration) December 2008 / Students Centre (PKP) / FKP (In conjunction with USIM's Fifth Convocation Festival)
7.	Dental Faculty Promotion Series (Roadshow) And Exhibition / Dental Hygiene Examination	19 Januari 2008 / Kolej Islam Sultan Alam Shah, Klang 2 Februari 2008 / Sek Berasrama Penuh Integrasi Gombak
8.	English Gateway	25-26 Januari 2008 / P. Dickson
9.	Family Day Programme - Wardatul Ukhudah FPg	13 Julai 2008 / P. Dickson
10.	Community Service Programme	21 November 2008 / Rumah Bakti al- Khadeem 5 Julai 2008 / Rumah Bakti Ulu Klang

PENYELIDIKAN DAN PENERBITAN

Pada tahun 2008, sebanyak 3 penyelidikan/ siri teknikal telah dilaksanakan dan diterbitkan iaitu:-

- 1) Dental Caries Status of Undergraduate Students Examined During the Fifth Convocation Festival of USIM Pembentangan : 15th FDI/MDA Scientific Convention and Trade Exhibition, Hotel Istana, Kuala Lumpur (Januari 2008) Penerbitan : Faculty of Dentistry Technical Report Series, 1/2007
- 2) Assessment of Oral Hygiene of First Year Dental Students Using Modified Turseky Plaque IndexPembentangan : 15th FDI/MDA Scientific Convention and Trade Exhibition, Hotel Istana, Kuala Lumpur (Januari 2008) Penerbitan: Faculty of Dentistry Technical Report Series,1/2008
- 3) Socio Demography and Academic Profile of First Year Dental Students at Islamic Science University of Malaysia Pembentangan : - Penerbitan : Faculty of Dentistry Technical Report Series, 2/2008

RESEARCH AND PUBLICATION

In year 2008, as much as 3 research / technical series were implemented and published namely:-

- 1) Dental Caries Status of Undergraduate Students Examined During the Fifth Convocation Festival of USIM Presentation: 15th FDI/MDA Scientific Convention and Trade Exhibition, Hotel Istana, Kuala Lumpur (January 2008) Publication: Faculty of Dentistry Technical Report Series, 1/2007
- 2) Assessment of Oral Hygiene of First Year Dental Students Using Modified Turseky Plaque Index Presentation : 15th FDI/MDA Scientific Convention and Trade Exhibition, Hotel Istana, Kuala Lumpur (January 2008) Publication : Faculty of Dentistry Technical Report Series, 1/2008
- 3) Socio Demography and Academic Profile of First Year Dental Students at Islamic Science University of Malaysia Presentation : - Publication : Faculty of Dentistry Technical Report Series, 2/2008





PUSAT TAMHIDI
TAMHIDI CENTRE

Tamhidi

PENGENALAN

Pengambilan pelajar baru Pusat Tamhidi bagi tahun 2008 iaitu Sesi Akademik 2008/2009 adalah pada 31 Mei 2008. Pusat Tamhidi pada masa ini mempunyai seramai 342 orang pelajar dari lima program Tamhidi yang ditawarkan.

YBhg Dr Che Wan Zanariah Che Wan Ngah telah dilantik sebagai Pengarah Pusat Tamhidi yang baru mulai 1 Julai 2008.

PEMBANGUNAN AKADEMIK DAN SAHSIAH PELAJAR DAN KAKITANGAN

Untuk memastikan pelajar-pelajar Pusat Tamhidi mempunyai kemahiran-kemahiran yang penting serta seimbang dari segi pencapaian akademik dan aktiviti luaran, beberapa program telah dianjurkan sepanjang tahun. Antara program-program utama termasuklah aktiviti yang bersifat pengukuhan bahasa, lawatan sambil belajar dan kem motivasi. Aktiviti-aktiviti ini disasarkan untuk meningkatkan kemahiran pelajar, mendedahkan pelajar kepada isu-isu berkaitan bidang pengajian mereka serta mengimbangi aktiviti akademik dan riadah. Maklumat lanjut program yang dijalankan adalah seperti di Jadual 1.

INTRODUCTION

Tamhidi students intake for the Academic Session 2008/2009 was held on 31st May 2008. To date, Tamhidi Centre has 342 students from all the 5 programmes offered in Tamhidi which is Tamhidi of Medicine, Tamhidi of Dentistry, Tamhidi of Science and Technology, Tamhidi Accounting and Muamalat and Tamhidi of Syariah and Law.

Dr Che Wan Zanariah Che Wan Ngah has been appointed as the new Director for Tamhidi Centre starting from 1st July 2008.

STUDENTS AND STAFF DEVELOPMENT PROGRAMME

To ensure the students of Tamhidi Centre are equipped with the necessary skills and develop a balance between academic and extra curricular activities, a number of programmes have been organized throughout the year. Among the major programmes are language-enhancing activities, study tours and motivation camps with the aim of improving students' softskills, exposing students to issues related to their studies and to keep a balance between academic and extracurricular activities. Details of the programmes are listed in Table 1.



Jadual 1 : Program Yang Dijalankan Pada Tahun 2008*Table 1 : Programs Held During Year 2008*

Bil	Program / Aktiviti	Tarikh / Tempat
1.	Program Syariah Ukhwah Fillah Islamiah	19 Januari 2008, Sungai Tekala, Kajang
2.	Ekspidisi 37' Tamhidi Perubatan Sesi 2007/2008	26 Januari 2008, Sg Congkak, Gombak
3.	Tamhidi Sports Carnival	2 Februari 2008, Kompleks Sukan USIM
4.	Penyampaian Anugerah Dekan Semester II Sesi 2006/2007 dan Semester I 2007/2008 Penyampaian Anugerah Dekan Semester II Sesi 2007/2008	22 Februari 2008 dan 21 Oktober 2008, DKP 3 , USIM
5.	Majlis Minum Petang dan Ramah Mesra Pelajar Sijil Intensif Bahasa bersama pihak pengurusan USIM	27 Februari 2008 Bilik Mesyuarat FSU USIM
6.	Kem Motivasi Pelajar Pusat Tamhidi	14-16 Mac 2008 Kem Lembayan Danau, Jasin Melaka
7.	Program Ar-Rehlah Al-Mahabbah Wal Mawaddah	22 Mac 2008 Dusun Eco-Resort Pahang
8.	Program Kembara Dimensi Tamhidi Sains dan Teknologi 2007/2008	29-30 Mac 2008 Dusun Eco-Resort Pahang
9.	Pertandingan Coral Speaking	4 April 2008 Dewan Kuliah 1.1 FSU, USIM
10.	Program Solat Hajat Perdana dan Bacaan Yassin Sesi 2007/2008 Program Solat Hajat Perdana dan Bacaan Yassin Sesi 2008/2009	11 April 2008 & 16 Oktober 2008 Masjid Bandar Baru Nilai
11.	Majlis Malam Tahunan "Malam Secangkir Ukhwah"	6 Mei 2008, Hotel Equatorial Bangi
12.	Bengkel Pemurnian Kurikulum	11-13 Mei 2008, A Famosa Resort Melaka
13.	Jamuan Perpisahan Pelajar Perakaunan & Muamalat Tamhidi Sesi 2007/2008	31 Mei 2008, Pantai Bagan Lalang Sepang
14.	Program Literasi bahasa Arab Siri 3	14-15 Jun 2008 dan 25-26 Julai 2008 FKP & FSU, USIM
15.	Kem Motivasi Pelajar Tamhidi Sesi 2008/2009	22-24 Ogos 2008 Kem Lembayaan Danau Jasin Melaka

Lawatan Sambil Belajar

16.	Lawatan Ke Istana Kehakiman	25 February 2008 & 28 Julai 2008
17.	Program Muhasabah Fil Mahabbah	21 -23 Mac 2008 , Lumut Perak
18.	Lawatan Sambil Belajar ke Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)	25 Julai 2008, IKIM Kuala Lumpur
19.	Lawatan Ilmiah ke Permodalan Nasional Berhad (PNB)	20 Ogos 2008, PNB Kuala Lumpur
20.	Kembara Ilmiah ke Negeri Terengganu	8-10 November 2008, Terengganu





PUSAT PENGAJIAN
SISWAZAH

CENTRE FOR GRADUATE
STUDIES

PPS

Pusat Pengajian Siswazah USIM giat dalam meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah selari dengan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan bilangan pelajar pascasiswazah di Malaysia. USIM melalui Pusat Pengajian Siswazah menawarkan program Sarjana, Doktor Falsafah dan program Diploma Siswazah. USIM yang mempunyai lapan buah fakulti telah menawarkan 7 program Sarjana (pengajian secara penyelidikan), 5 program Doktor Falsafah dan 3 program Diploma Siswazah. Program Sarjana (pengajian secara kerja kursus) telah bermula dengan pengambilan pelajar sulungnya bermula pada Semester II, Sesi Akademik 2008/2009 dengan penawaran 4 program Sarjana (pengajian secara kerja kursus) di Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan dan satu program sarjana (pengajian secara kerja kursus) di Fakulti Pengajian Bahasa Utama .

STATISTIK PELAJAR

